آدابُ المريدين

Adab Murid

karya :

Al-Imam Al-'Arif Billah Abu An-Najeeb
Dhiya'uddin As-Suhrawardiy (563H)
- semoga ALLAH meredhoinya beserta para solihin
khususnya ahli sanadnya beserta kedua orang tuanya -

diterbitkan semula oleh :
Dr. Mahmoud MrGlani

alih bahasa:
Hajj Rahmat ShaZlee

Makkah Al-Mukarromah - Al-Madinah Al-Munawwarah
Algeria (Setif) - Mesir (Al-Manzalah)
Malaysia - Indonesia - Tunisia - Singapura

Penghargaan

usaha penerbitan karya ini
ku persembahkan kehadrat guru yang membimbingku menuju Allah
sandaranku, pendidik rohani dan jasmaniku, junjunganku
Sidna As-Syeikh Al-Kamil Abd. Nasir Abu Bakr As-Siddiq
As-Syazili Al-Mashishi Al-Idrisi Al-Hasani
-putera Wilayah Setif Algeria-

Daftar Isi

Prakata Penerbit



وبه نستعين

Dengan nama ALLAH yang maha Pemurah lagi Maha Penyayang
dan kepadaNya kita memohon pertolongan

الحمد لله حمدا يوافي نعمه ويكافئ مزيده والصلاة والسلام على الدرة النبوية الفريدة روح جسم الوجود وعلة كل موجود سيدنا ومولانا وقرة عيوننا سيدنا ومولانا ونبينا الرسول المكرم حبيب الرحمن سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه وعترته وأحبابه وتابعيه بإحسان إلى يوم الدين آمين.

Kepada ALLAH jua segala puji-pujian yang layak dengan nikmat serta tambahan kurniaNya. Selawat dan salam keatas permata kenabian yang cemerlang; dirinya ibarat roh kepada jasad kewujudan lagi penyebab segala makhluk yang ada, bagindalah penyejuk mata kami, junjungan kami dan penghulu kami, rasul termulia, kekasih ALLAH, Nabi kami Muhammad. Selawat dan salam buat baginda beserta ahli keluarga dan para sahabatnya, para zuriatnya, para kekasihnya dan semua yang mengikuti perjalanan baginda dengan ihsan hingga ke hari pembalasan, amin.

Buku ini adalah satu mata rantai dari siri penerbitan kitab warisan Islami madrasah tareqat-tareqat sufi yang diterjemah dari karya-karya berbahasa Arab ke Bahasa Melayu dan seterusnya Inysa ALLAH ke bahasa-bahasa dunia yang lain.

Kami mengetengahkan karya terjemahan ini kepada mereka yang mencitakan *wushul* (hubungan) dengan ALLAH Azza Wajalla melalui baginda junjungan Nabi kita Muhammad Saiyidina Rasulullah kekasih ALLAH yang agung tuahnya, melalui para ulama'ul 'amilin dan kaum sufi *muhaqqiqin* yang berterusan kewujudan mereka di setiap zaman kerana ALLAH **سبحانه وتعالى** telah memilih dan mengistimewakan mereka sepertimana firmanNya **:**

يخلق ما يشاء ويختار

Dan Tuhanmu menciptakan apa yang dikehendakiNya dan Dia-lah jua yang memilih (siapa yang dikehendakiNya)… – Surah Al-Qasas : 68

Namun begitu wajiblah diwaspadai benar-benar dari terjebak kepada golongan manusia pendusta, pendakwa-dakwi, dajjal-dajjal kecil yang menipu daya kononnya merekalah mursyid. Junjungan kami para *ahlillah* menegaskan bahawa barang siapa berdusta mendakwa dirinya sebagai syeikh mursyid pemegang amanah dan khalifah kesufian, maka ditakuti matinya nanti *su'ul khatimah*, *wal'iyazu billah*.

Bagi golongan penentang dan ahli ingkar mereka tiada sangkut pautnya dengan karya dan siri ini, kerana karya-karya sebegini hanya akan menyengalkan jiwa mereka, meletihkan dan membuat mereka mati. Mengapa? Kerana mereka tidak ingin mencapai ketinggian dan tingkatan darjat di sisi ALLAH, yang mereka mahu cuma kejatuhan nilai hatta dari nilai manusiawi mereka sendiri. Kepada golongan ini kami nyatakan : Wahai para pengingkar -dengan sengaja atau tidak- kamu tidak memahami ucapan para ulama sufi kerana mereka telah masuk ke hadrat

ALLAH, mereka telah menjelajah alam kewalian dan mempraktis TASAWUF ISLAM = MAKARIMUL AKHLAK seumur hidup. Sedangkan kamu hanya sibuk dan menyibukkan diri menyerang, mengkritik, bercakap, berbicara dan dalam masa yang sama takut untuk terjun ke medan praktis. Kerana itulah tidak mungkin ditemui titik persefahaman antara pihakmu dengan mereka. Sejahteralah bagi mereka yang mengikut petunjuk, tahu batas diri sendiri lagi tidak melampauinya kerana inilah yang lebih selamat bagi dirinya dan bagi mereka yang mengikutnya.

Penulis karya ulung "**آداب المريدين** - Adab Murid" adalah junjungan kami As-Syeikh Abun Najeeb As-Suhrawardiy yang dikenali dengan julukan Dhiya'uddin As-Suhrawardiy. Nama tubuh dan nasabnya ialah Abd. Qahir Bin Abdullah Bin 'Amawaih (yang juga bernama) Abdullah Bin Saad Bin Al-Husain Bin Al-Qasim Bin An-Nadhr Bin Saad Bin An-Nadhr Bin Abd. Rahman Bin Al-Qasim Bin Muhammad Bin Abu Bakr As-Siddiq *radhiyallahu 'anhu*.

Beliau adalah mahaguru zamannya di Iraq. Lahir di Suhraward sekitar tahun 490H. Berpindah ke Baghdad lalu menuntut ilmu di Madrasah An-Nizhomiyyah dibawah asuhan As-Syeikh As'ad Al-Mayhani. Beliau selanjutnya menempuh perjalanan tareqat sufi hingga cenderung untuk beruzlah dan mengasingkan diri dari masyarakat untuk satu tempoh yang panjang. Dalam tempoh itu beliau telah giat melakukan amalan-amalan kerohanian demi mencari redho ALLAH Taala, akhirnya beliau kembali semula ketengah masyarakat dan menyeru mereka kepada ALLAH Taala hingga ramailah manusia menjadi insaf dan bertaubat melalui nasihat dan bimbingan darinya.

As-Syeikh Dhiya'uddin As-Suhrawardiy telah membina sebuah ribath (madrasah sufi) di tebing barat Kota Baghdad yang menempatkan para solihin dikalangan sahabat dan jemaahnya. Selepas itu beliau menerima tawaran mengajar di Madrasah An-Nizhomiyyah dan zahirlah keberkatan didikan beliau terhadap para siswanya. Beliau mula bertugas pada tarikh 27 Muharram tahun 545H dan ditamatkan perkhidmatan pada bulan Rejab tahun 547H. Antara penuntutnya ialah Al-Hafiz Abu As'ad As-Sam'ani yang telah menyebut nama beliau di dalam kitabnya.

Dalam perjalanan menyeberang ke daerah Syam untuk menziarahi Baitul Maqdis beliau singgah di Kota Mosul pada tahun 557H. Di kota ini beliau mengadakan majlis nasihatnya di Jami' Al-'Atiq. Dari situ beliau meneruskan perjalanan hingga sampai ke Kota Damsyiq. Namun hajat menziarahi Baitul Maqdis tidak kesampaian apabila berakhirnya gencatan senjata antara kaum Muslimin dengan tentera salib Eropah yang terkutuk. Raja Syam Al-Malik Nuruddin Mahmud meraikan kedatangan syeikh maka bertamulah beliau di Damsyiq untuk satu tempoh yang singkat dan sempat mengadakan majlis nasihat. Beliau akhirnya kembali ke Baghdad dan wafat di kota ini pada hari Jumaat waktu asar tanggal 17 jamadil Akhir tahun 563H dan disemadikan di ribathnya. Sebagai catatan ringkas beliau juga merupakan bapa saudara kepada As-Syeikh Syihabuddin Abu Hafs Umar As-Suhrawardiy.



Dengan menyebut nama ALLAH yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji-pujian hanya selayaknya bagi ALLAH Tuhan semesta alam. Selawat dan salam dariNya buat junjungan kita Nabi Muhammad -khatam para anbiya'- juga kaum keluarga dan para sahabat Baginda sekelian.

Ketahuilah -moga ALLAH memberi petunjuk bagimu- seorang penuntut seharusnya tahu apakah perkara yang hendak dituntut serta memahami hakikatnya supaya sempurna kecenderungan dan kehendak terhadap ilmu yang dituntut itu. Kerana itulah tidak sayugia seseorang menempuh perjalanan para sufi melainkan terlebih dahulu mempelajari ilmu-ilmu mereka ; baik dalam soal aqidah kaum sufi, peradaban sufi yang lahir maupun batin, kalimat dan istilah khas golongan sufi serta memahami selok-belok bahasa perbualan mereka. Bila ini telah dituntut terlebih dahulu maka patutlah bagi seseorang untuk menjejaki perjalanan para sufi dan menelusuri langkah mereka ; baik dalam tingkah laku maupun percakapan. Sungguh telah melampau banyaknya golongan penipu yang mendakwa diri sufi dan tasawuf hingga hakikat golongan sufi sejati tak dikenal lagi. Pun begitu amalan buruk pasti akan kembali kepada pembuatnya dan ia takkan sedikit pun dapat mencacatkan amalan soleh serta para solihin.

Usul Iktiqad Ahli Sufi

Sekarang marilah kita mulai dengan menyenaraikan perincian mazhab ahli sufi dalam bidang aqidah ;

Kaum sufi sepakat beriktikad bahawa ALLAH Taala adalah Tuhan yang Maha Esa tiada sekutu bagiNya, tiada lawan, tiada penyerupaan dan persamaan terhadapNya. Dialah ALLAH yang sifatNya seperti yang difirmankan sendiri olehNya, namaNya juga seperti nama yang dikhabarkan olehNya.

Maha Suci ALLAH dari berjisim, kerana jisim itu sesuatu yang tergabung dari beberapa bahagian, secara langsung bahagian-bahagian ini perlu kepada pencipta yang dapat memasangnya. Maha Suci ALLAH dari yang demikian.

ALLAH Taala juga bukan suatu *jauhar*[1] (benda), kerana *jauhar* memerlukan ruang. Maha Suci ALLAH ; bahkan Dialah yang Maha Pencipta bagi setiap benda dan ruang.

ALLAH Taala juga bukan suatu *aradh*[2], kerana *aradh* itu keadaannya berubah-rubah dari satu masa ke satu masa yang lain, sedangkan ALLAH itu Maha Kekal ; sekali-kali tidak berlaku pada diriNya segala gabungan, pemisahan dan pembahagian (sepertimana halnya makhluk).

---

[1] - Istilah جوهر dalam ilmu usuluddin bererti : suatu zat matabenda yang indipenden, lawannya ialah aradh.

[2] - Istilah عرض dalam ilmu usuluddin bererti suatu sifat mendatang yang berdiri atas sesuatu seperti warna hitam putihnya suatu zat atau panjang pendeknya dll.

Maha Suci ALLAH yang tak pernah terganggu bila diingat-ingat oleh hambaNya, akal tak pernah dapat menjangkauNya, kata-kata tak mungkin dapat menggambarkanNya, segala isyarat tak pernah dapat menunjuk ke arahNya, fikiran tak pernah mampu meliputiNya dan segala pengelihatan tak pernah dapat memandang padaNya.

Tiap sesuatu telah ditetapkan olehNya. Makhluk tak harus bicara soal "keadaan"Nya, tapi sayugia berkata tentang "kewujudan"Nya. Kerana bukan semua yang wujud itu punya keadaan tertentu, sebaliknya tiap keadaan itu pasti merupakan sesuatu yang wujud. Maha Suci ALLAH dari segala yang tergambar oleh sangkaan, dari semua yang terbayang oleh fahaman.

Jika kamu bertanya bilakah Allah? Sesungguhnya ALLAH mendahululi bila dan masa. Jika kamu bertanya bagaimanakah Dia? Sesungguhnya Zat ALLAH tak dapat disifatkan keadaanNya. Jika kamu bertanya di mana Dia? Sesungguhnya kewujudan ALLAH mendahului kewujudan ruang dan tempat, kewujudanNya mewujudkan segala yang ada, Dia mencipta sesuatu tanpa memerlukan sebab, zatNya tak dapat dibayangkan, perbuatanNya tak dapat dipersoalkan.

Maha Suci ALLAH ; akal dan pengelihatan terhijab dariNya. Kerana akal hanya mampu untuk sampai kepada sesuatu yang setaraf dengannya. Sementelahan pula akal itu adalah perkakas untuk menghambakan diri kepada ALLAH, bukan alat untuk menunjuk kepada ketuhanan ALLAH.

Maha Suci ALLAH ; Zatnya tidak sama dengan zat makhluk, sifatNya tidak sama dengan sifat makhluk ; sifatNya Maha Mengetahui bukan kerana [perlu] menafikan jahil, sifatNya Maha Berkuasa bukan kerana [perlu] menafikan lemah[1].

Kaum Sufi sepakat menetapkan segala sifat yang ALLAH sebutkan dalam kitabNya, juga yang sahih diriwayatkan dari perkhabaran Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم seperti sifat *al-wajh* (wajah), *al-yad* (tangan), *an-nafs* (jiwa), *as-sam'u* (pendengaran) *al-basar* (pengelihatan)… semuanya itu diiktikadkan tanpa penyerupaan dengan suatu apa pun, dan sekali-kali tidak dinafikan dengan berpandukan firmanNya :

ليس كمثله شيء وهو السميع البصير

…Maha Suci ALLAH tiada penyerupaan bagiNya dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.
– Surah As-Syura : 11

Kaum sufi pernah ditanya orang mengenai ALLAH, maka jawab mereka :

- Jika kamu bertanya tentang zatnya maka :

ليس كمثله شيء

Maha Suci ALLAH, tiada peyerupaan baginya

- Jika soalanmu tentang sifatNya maka Dia adalah yang Maha Esa lagi tempat bergantung,

لم يلد ولم يولد ولم يكن له كفوا أحد

Dia tidak beranak lagi tidak diperanakkan dan tiada suatu apa pun yang setaraf denganNya.

[1] - Maksudnya ALLAH Taala yang bersifat dengan segala kesempurnaan mutlak itu tidak perlu kepada penafian dari sifat kekurangan, kerana Dia bukan seperti makhluk yang perlu dikatakan padanya (pandai) itu untuk menafikan bodoh, perlu dikatakan (kuat) itu untuk menafikan lemah...

- Jika soalanmu tentang namaNya, maka Dia adalah ALLAH yang tiada Tuhan melainkan Dia,

هو عالم الغيب والشهادة هو الرحمن الرحيم

Dia maha Mengetahui yang ghaib maupun yang nyata,
Dialah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

- Jika solanmu tentang perbuatanNya, maka

كل يوم هو في شأن...

setiap hari Dia berkerja (mengurus segala ciptaanNya)…

Tentang masalah *al-istiwa'* (bersemayam diatas arash) kaum Sufi berpegang kepada kata-kata Imam Malik bin Anas : "*Al-Istiwa'* adalah perkara yang sedia maklum, bagaimana ia ; itu tak dapat dijangkau akal, beriman dengannya wajib, manakala bertanya tentangnya adalah bid'ah!". Demikianlah juga pegangan kaum sufi tentang masalah *an-nuzul*.

Kaum Sufi sepakat beriktikad bahawa Al-Quran adalah kalam ALLAH, bukan makhluk. Al-Quran tertulis dalam mashaf kita, dibaca dengan lidah kita, dihafaz di dalam dada kita. Inilah yang wajib diiktikadkan tanpa perlu menyoalkan makhluk atau tidaknya apa yang tertulis dan dibaca itu kerana sunnah Rasul tidak menyentuh perkara ini.

Kaum Sufi juga sepakat berpendapat bahawa memandang Zat ALLAH di dalam syurga itu hukumnya harus. Yang ALLAH Taala nafikan ialah melihat kepadaNya (dengan mata kepala) kerana pengelihatan sebegini bererti organ mata dengan cara tertentu mengesan suatu objek… (Maha Suci ALLAH dari sebarang penyerupaan). Dalam masalah ini Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم mengibaratkan pandangan dengan pandangan, bukan soal objek yang dipandang. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إنكم سترون ربكم يوم القيامة كما ترون القمر ليلة البدر لا تضامون في رؤيته

Sesungguhnya kamu akan memandang Tuhan kamu di hari kiamat nanti ibarat kamu memandang bulan di malam purnama tanpa sebarang halangan.

Kaum sufi sepakat mengatakan bahawa wajib beriman dan mengakui perkara-perkara yang disebutkan ALLAH Taala dalam Al-Quran dan apa yang datang dari perkhabaran hadis Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم tentang [perkara-perkara ghaib] seperti syurga, neraka, lauhul mahfuz, qalam, haudh, syafaat, sirat, timbangan mizan, benteng pemisah di akhirat, azab kubur, soalan Munkar dan Nakir, ada yang akan dikeluarkan dari neraka dengan syafaat dari para pemberi syafaat, dibangkitkan sesudah mati, syurga dan neraka diciptakan untuk kekal abadi, ahli syurga kekal abadi mendapat nikmat di dalam syurga, ahli neraka kekal abadi mendapat azab di dalam neraka, dan orang beriman yang masuk neraka bukan kerana dosa-dosa besar tidak akan kekal di dalamnya.

Kaum sufi sepakat meyakini bahawa ALLAH Taala menciptakan segala perbuatan hamba-hambaNya, ALLAH jualah yang menciptakan segala amalan mereka, demikianlah seperti yang difirmankan ALLAH Taala :

والله خلقكم وما تعملون

Dan Allah-lah yang menciptakan kamu dan segala apa yang kamu lakukan.

- *Surah As-Saffat : 96*

Kaum sufi sepakat meyakini bahawa semua makhluk akan mati dengan ajal masing-masing. Begitu juga syirik dan maksiat itu semuanya berlaku dengan qadha dan qadar ALLAH Taala dan tiada siapa yang boleh membangkang ALLAH dalam soal ini,

قل فلله الحجة البالغة

Katakanlah : "ALLAH mempunyai hujah yang jelas lagi kuat…"

- *Surah Al-An'am : 149*

dan ALLAH Taala tidak redha dari hamba-hambaNya kekufuran dan maksiat, dan redha (dari Allah) itu tidak sama dengan *iradah* (kehendak Allah).

Kaum sufi berpendapat bahawa patut solat menjadi makmum di belakang imam yang baik dan yang tidak baik. Kaum sufi tidak mewajibkan syurga bagi seorang Islam semata-mata kerana kebaikan yang dilakukannya, kaum sufi juga tidak mengata dia ahli neraka semata-mata kerana dosa besar yang dilakukannya.

Kaum sufi berpendapat bahawa kekhalifahan itu tertentu kepada orang Quraisy ; tidak boleh bangsa lain merebut kekhalifan dari mereka. Kaum sufi tidak melihat keharusan pemberontakan melawan pemerintah, walaupun pemerintah itu zalim.

Kaum sufi beriman dengan semua kitab yang diturunkan kepada para nabi dan rasul. Sesungguhnya mereka semua adalah manusia yang paling utama, dan yang terutama di kalangan mereka ialah Baginda Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم yang telah dijadikan ALLAH Taala sebagai penutup segala nabi.

Dan manusia paling utama sesudah Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم ialah Saiyidina Abu Bakar, kemudian Saiyidina Umar, kemudian Saiyidina Uthman, kemudian Saiyidina Ali, kemudian sepuluh sahabat yang dijamin syurga oleh Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم kemudian orang mukmin pada kurun yang diutus padanya Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم kemudian para ulama yang beramal dengan ilmu, kemudian manusia yang paling memberi manfaat kepada manusia lain.

Kaum sufi sepakat mengatakan bahawa para rasul itu lebih mulia dari para malaikat, namun bersalah-salahan pendapat mereka tentang kemuliaan malaikat keatas orang beriman, tapi yang jelasnya dikalangan malaikat ada yang lebih mulia antara satu sama lain sepertimana dikalangan orang mukmin ada yang lebih mulia antara satu sama lain.

Kaum sufi sepakat mengatakan bahawa mencari rezeki halal adalah satu kefardhuan, dan bumi ini tidak sunyi dari yang halal, kerana ALLAH Taala telah menuntut hamba-hambaNya mencari yang halal. ALLAH sekali-kali tidak menuntut hamba dengan suatu perkara melainkan perkara itu pasti ada ; mungkin banyak di satu tempat dan sedikit pula di satu tempat yang lain. Maka siapa yang zahirnya baik tidaklah patut diragui harta dan sumber pendapatannya.

Kaum sufi sepakat meyakini bahawa kesempurnaan iman itu ialah berikrar dengan lisan, *tasdiq* (meyakini) dengan hati dan mengamalkan dengan perbuatan. Maka barangsiapa meninggalkan ikrar sesungguhnya dia kafir, siapa meninggalkan *tasdiq* sesungguhnya dia munafik, dan siapa yang tidak beramal dengan perbuatan maka sesungguhnya dia *mubtadi'* (ahli bid'ah). Kaum sufi berpendapat bahawa kemuliaan manusia itu berdasarkan ketinggian imannya, hanya mengetahui Islam dengan hati itu tidak berguna selagi tidak mengucap dua kalimah syahadah, kecuali dihalang oleh suatu keuzuran yang diiktiraf oleh syarak.

Kaum sufi berpendapat bahawa *istisna'*[1] dalam soal iman itu dibolehkan dengan syarat [ucapan InsyALLAH itu] disebut langsung sesudah ikrar dan ia disebut untuk menyungguhkan ikrar, ini kerana soal iman itu perkara yang ghaib. Sidi Al-Hasan Al-Basri pernah ditanya : "Apakah benar-benar tuan ini beriman?!" Maka beliau menjawab : "Jika iman yang kau maksudkan itu ialah pengakuan (Islam) yang menjamin nyawaku, menghalalkan sembelihanku dan pernikahanku ; maka sesungguhnya memang benar-benar aku beriman. Tapi jika iman yang kau maksudkan ialah iman yang menjamin aku masuk syurga, menyelamatkan aku dari neraka, iman yang diredhai ALLAH ; maka aku adalah orang beriman, Insya ALLAH." Dalam Al-Quran, ALLAH Taala pun melakukan *istisna'* iaitu dalam firmanNya :

لتدخلن المسجد الحرام إن شاء الله آمنين

...kamu pasti akan memasuki Masjidil Haram -Insya Allah- dalam keadaan aman…
- Surah Al-fath : 27

dalam perkara ini ALLAH menyebut (Insya Allah) walaupun ia tidak syak lagi.

Ada ulama sufi telah ditanya mengenai *istisna'* ALLAH Taala dalam ayat tadi, beliau menjawab : "ALLAH mahu mendidik hamba-hambaNya melalui *istisna'* ini, ALLAH mahu mengingatkan mereka bahawa ALLAH Taala yang Maha Sempurna pengetahuanNya pun berkata (Insya Allah), maka makhluk yang lemah pengetahuannya sudah tentu lebih patut untuk tidak menghukumkan sesuatu melainkan dengan mengembalikannya kepada kehendak ALLAH jua." Seterusnya Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم dalam ucapannya kepada ahli kubur berkata :

وإنا إن شاء الله بكم لاحقون

...dan kami -Inysa Allah- akan mengikut kamu semua.
- Riwayat At-Tirmizi

...di sini Baginda tetap menyebut (Insya Allah) sedangkan Baginda tak pernah meragui bahawa mati pasti terjadi, dan pasti semua orang akhirnya akan menjadi ahli kubur. Dengan ini jelaslah bahawa *istisna'* juga turut memberi erti kepastian.

Kamu sufi sepakat berpendapat mengenai keharusan melakukan suatu pekerjaan, berniaga dan bertukang yang mana itu semua dibuat untuk bertolong bantu sesama manusia bagi mendatangkan kebaikan dan ketaqwaan, namun kaum sufi melihat semua usaha itu tidaklah memberi apa-apa bekas untuk mendatangkan rezeki. Kaum sufi juga berpendapat bahawa pekerjaan terakhir yang dapat dilakukan buat mencari rezeki ialah minta sedekah, tapi ini tidak halal dikerjakan oleh orang kaya dan orang yang punya maruah sempurna.

---

[1] - Istisna' dieja الاستثناء , ertinya pengecualian. Yang dimaksudkan disini ialah ucapan (Insya ALLAH) selepas ikrar : "Saya beriman…".

Persoalan Fakir Dan Kaya

Dalam soal kefakiran dan kekayaan kaum Sufi sepakat menyatakan bahawa kefakiran jika disertai sifat redha itu lebih afdhal dari kekayaan, sebab itulah ia menjadi pilihan Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم dan ini jualah yang dianjurkan oleh Malaikat Jibril tika Baginda ditawarkan dengan seluruh anak kunci perbendaharaan bumi tanpa sedikitpun mengurangi ganjaran di sisi ALLAH walau sebelah sayap lalat. Diceritakan didalam hadis bahawa Saiyidina Jibril عليه السلام berkata kepada baginda :

... : أن تواصع، فقال : "أريد أن أجوع يوما وأشبع يوما
فإذا جعت تضرعت إليك وإذا شبعت حمدتك وشكرتك".

..."Tawadhu'-lah tuan (dengan tawaran ini)", maka sabda Baginda Nabi : "Ya ALLAH, hamba ingin lapar sehari, kenyang sehari. Bila lapar dapat hamba mengadu padaMu, bila kenyang dapat hamba bersyukur dan memuji-mujiMu".-At- Tirmizi : 9/209

Inilah hujjah yang dipakai oleh mereka yang menolak bila ditawarkan dunia. Dan lagi sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

اللهم احيني مسكينا وأمتني مسكينا، واحشرني في زمرة المساكين

Ya ALLAH, hidupkan aku sebagai orang miskin, matikan aku sebagai orang miskin dan bangkitkan aku di Padang Mahsyar bersama golongan miskin.

Menjadi satu penghormatan besar dan kebanggaan yang tiada taranya kepada golongan miskin kalau yang Baginda doakan ialah golongan miskin dibangkitkan bersama Baginda, tapi yang berlaku ialah sebaliknya ; Baginda berdoa minta dibangkitkan bersama mereka!

Jika orang lain menyanggah perkara ini dengan sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

اليد العليا خير من اليد السفلى

Tangan yang diatas lebih baik dari tangan yang dibawah
.- Musnad Imam Ahmad

اليد العليا هي المعطية واليد السفلى هي السائلة

Tangan yang diatas ialah tangan yang memberi,
tangan yang dibawah ialah tangan yang menerima.

Maka jawapannya ialah ; tangan yang diatas mendapat kemuliaan jika memberi apa yang dimiliki, tangan yang dibawah jatuh nilainya apabila menerima pemberian. Melalui fadhilat bersedekah dan sikap pemurah dapat dilihat kelebihan fakir, maksudnya jika memiliki harta merupakan sesuatu yang terpuji maka sudah tentu melepaskan harta dengan bersedekah menjadi sifat yang tercela. Dapat difahami bahawa mengutamakan kekayaan dengan alasan untuk memberi dan berkorban ibarat mengutamakan maksiat dari ketaatan demi mengejar fadhilat taubat. Sesungguhnya taubat menjadi fadhilat kerana dengannya maksiat yang keji dapat ditinggalkan, begitulah keadaannya dengan berkorban harta ; tujuannya ialah untuk membuang mata benda yang melalaikan dari ALLAH *Azza Wajalla*.

Kefakiran Tidak Bererti Tasawuf

Kefakiran tidak bererti tasawuf, namun hujung kefakiran adalah pangkal tasawuf. Begitulah halnya dengan zuhud ; zuhud tidak bererti fakir. Takrif fakir dalam terminologi sufi bukan sekadar miskin yang tidak memiliki apa-apa, bahkan fakir yang terpuji ialah yakin sepenuhnya kepada ketentuan ALLAH dan redha dengan segala yang telah ditetapkan olehNya.

Seorang sufi tidak sama dengan *malamati*[1] ; orang *malamati* tidak menzahir kebaikan diri dan tidak pula menyembunyikan kejahatan, sedang orang sufi ialah mereka yang tidak sibuk dengan apa yang orang lain kata dan tak peduli apakah mereka diterima orang lain atau ditolak.

Jika seseorang tidak lagi memikirkan soal mencari rezeki dan telah yakin benar terhadap jaminan ALLAH serta bulat tawakkalnya maka kaum sufi sepakat memutuskan bahawa yang terlebih afdhal baginya ialah meninggalkan pekerjaan dan perusahaan untuk menumpukan ibadah membuat ketaatan sepenuh masa, melainkan kalau *khalwah* (bersendirian) maupun *jalwah* (ramai) terasa sama olehnya, *uzlah* (mengasingkan diri) maupun bergaul tiada bezanya ; maka inilah orang yang dapat menghayati kekuasaan ALLAH dalam setiap keadaan.

Ulama sufi berkata : "Jangan kau menyibukkan dirimu dengan rezeki, nanti imanmu kepada yang Maha Memberi Rezeki akan diragui lalu hilanglah keyakinanmu terhadap jaminan dariNya."

Seorang Sufi pernah ditanya : "Dari mana kamu makan? Lantas dijawab : Kalau sumbernya "dari mana" sudah lamalah habisnya". Soalan yang sama ditanya kepada sufi yang lain, lantas dijawab : "Bertanyalah kepada Dia yang memberi aku makan ; dari mana Dia memberi aku makan?!".

Kaum Sufi sepakat mengatakan bahawa amalan seseorang bukan penyebab bahagia atau celaka dirinya, kerana Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

السعيد من سعد في بطن أمه والشقي من شقي في بطن أمه

Orang bahagia itu bahagia sejak ditentukan dalam perut ibunya,
sedangkan orang celaka itu celaka sejak ditentukan dalam perut ibunya.

Kaum Sufi percaya kita mendapat pahala ialah kerana sifat pemurahnya ALLAH, jika dihukum ALLAH maka hukuman itu adalah keadilan dariNya. Sifat redha dan murka ALLAH Taala adalah *qadim* (sediakala sejak azali), tidak terpengaruh dengan perkerjaan mahkluk yang bersifat baharu. Siapa yang diredhaiNya akan digerak untuk melaksanakan amalan ahli syurga, siapa yang dimurkaiNya akan digerak untuk melakukan amalan ahli neraka.

Kaum Sufi mengatakan bahawa wajiblah setiap insan untuk redha dengan segala qadha dan qadar, sabar dengan ujian dan bersyukur dengan nikmat. Sesungguhnya rasa *khauf* (takut) dan *raja'* (harap)[2] adalah benteng yang menjaga seorang hamba dari tidak beradab dengan Tuhannya. Hati yang kosong dari rasa takut dan harap adalah hati yang punah. Selagi mana seorang insan berakal waras wajiblah dia mentaati hukum-hakam, suruhan dan larangan atau apa

---

[1] - Dieja الملامتي , takrifnya : orang yang tidak menzahirkan hakikat batinnya yang baik, atau orang yang menyembunyikan kesolehannya.
[2] - Dieja الخوف dan الرجاء .

jua beban taklif yang ditentukan keatas hamba ALLAH. Apabila hati telah jinak dengan ALLAH, seseorang tidak lagi terbeban dengan tanggungjawabnya sebagai hamba. Dengan ertikata yang lain segala hukum-hakam tetap menjadi kewajiban, namun kerana jinaknya hati dengan ALLAH dia melaksanakan tanpa rasa berat lagi.

Kaum Sufi berpendapat bahawa sifat kemanusiaan akan tetap dan kekal pada diri manusia sekalipun dia mampu merentasi batas alam buana, cuma kemanusiaan seseorang itu kadang-kadang kuat dan kadang-kadang lemah.

Golongan *siddiqin* jiwanya bebas dari belenggu nafsu. Golongan *arifin* pula adalah orang yang bersih total dari sifat mazmumah[1], manakala jika seseorang masih bertaraf murid maka mazmumahnya masih ada cuma ia tidak menyala.

Seorang hamba mampu meningkatkan dirinya dari satu *hal*[2] (keadaan) kepada *hal* yang lebih tinggi hingga dapat mencapai darjat kerohanian tertentu yang membolehkannya melipat bumi, berjalan di atas air dan ghaib dari pandangan mata kasar.

Kaum Sufi melihat bahawa cinta kerana ALLAH dan benci kerana ALLAH merupakan antara benteng iman yang terkuat, menyuruh orang lain membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah kewajiban bagi setiap orang yang mampu melaksanakannya berdasarkan kemampuan masing-masing.

Ijmak kaum Sufi mengatakan bahawa karamah adalah hal yang harus berlaku kepada para wali ; baik di zaman Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم maupun selain zaman Baginda. Kenabian seseorang bukanlah dikira dengan berlakunya mukjizat (perkara yang mencarik adat) keatas dirinya, kenabian itu bermula apabila seorang Nabi diutus (dengan wahyu) oleh ALLAH Taala.

Beza antara mukjizat dengan karamah ialah seorang nabi wajib baginya menzahirkan mukjizat dan mencabar penentangnya, sedangkan seorang wali wajib baginya menyembunyikan karamah melainkan ALLAH sendiri yang menzahirkannya. Sesungguhnya apa yang sabit disisi ALLAH itulah yang dizahirkan kepada makhlukNya.

Kaum Sufi menolak sikap bermujadalah yang tak berkesudahan dalam agama. Yang mereka anjurkan ialah berkerja melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang keatas mereka.

Kaum Sufi sepakat mengatakan bahawa semua jenis pakaian adalah boleh digunakan melainkan pakaian yang ditegah oleh syariat -keatas kaum lelaki- yaitu pakaian yang kebanyakan (bahannya dari) kain *ibraysam*[3].

Kaum Sufi berpendapat cukuplah berpakain yang lama dan lusuh, kalau bertampung itu lebih afdhal kerana Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

ما قل وكفى خير مما كثر وألهى

Apa yang sedikit tapi mencukupi itu lebih baik dari yang banyak dan melalaikan.
- Al-Jami'us Saghir

---

[1] - Sifat mazmumah : sifat tercela, seperti pemarah, sombong, riya dll.
[2] - Dieja حال , jamaknya أحوال. Dalam istilah sufi hal/ahwal bererti suatu keadaan maknawi yang berlaku pada diri seorang sufi.
[3] - Dieja الإبريسم : sejenis kain sutera mewah.

Sementelahan pula pakaian ini termasuk dalam persoalan dunia yang halalnya dihisab dan haramnya diazab, sepertimana sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

من ترك ثوب جمال وهو قادر على لبسه كساه الله من حلل الكرامة يوم القيامة

Barangsiapa meninggalkan pakaian yang indah di dunia sedangkan dia mampu untuk memakainya, nescaya ALLAH akan menyarungkannya dengan pakaian kemuliaan di hari kiamat.

- Al-Mustadrak Lil-Hakim

Ada beberapa sebab mengapa kaum Sufi cenderung memilih pakaian bertampung, antaranya ialah : pakaian sebegini lebih murah belanjanya, kurang koyaknya, lebih lama dapat dipakai, lebih dekat dengan sifat tawadhu', tahan lasak, dapat menahan hawa dingin dan panas, orang jahat tidak cenderung memandangnya serta dapat mencegah pemakai dari kejahatan dan sifat ego. Diriwayatkan dari Saiyidatina Ummul Mukminin Aisyah رضي الله عنها bahawa beliau berkata :

أمرني حبيبي رسول الله صلى الله عليه وسلم أن لا أطرح درعا حتى أرقعه

Kekasihku Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم menyuruhku agar tidak membuang kain tudungku yang terkoyak ; Baginda menganjurkanku untuk terus memakai dengan menampalnya.

Dalam satu hadis yang lain Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنه meriwayatkan :

رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم يرقع ثوبه،

ورأيت أبا بكر يتخلل بالعباءة، ورأيت عمر يرقع جبته برقاع

Aku pernah melihat Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم menampal baju Baginda, aku juga pernah melihat Abu Bakar hanya berpakaian sehelai aba'ah[1]*, aku juga pernah melihat Umar Al Khattab menampal jubahnya dengan beberapa tampungan.*

Diriwayatkan dari Saiyidina Anas bin Malik رضي الله عنه katanya :

كان أحب الألوان إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم الخضرة وثياب أهل الجنة الخضر

Warna yang paling digemari oleh Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم ialah hijau. Sesungguhnya pakaian ahli syurga berwarna hijau.

- Al-Jami'us Saghir

Dalam hadis lain Saiyidina Anas meriwayatkan sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

خير ثيابكم البياض

Pakaian terbaik kamu ialah yang berwarna putih

- As-Sunan Al-Kubro Lin-Nasa'i

Maksud hadis ini ialah pakaian putih merupakan pakaianmu yang tercantik dan yang paling sesuai dipakai untuk sekelian manusia.

Kaum Sufi sepakat berpendapat bahawa sunat hukumnya mengelokkan suara ketika membaca Al-Quran selagi tidak menjejaskan makna bacaan, berdasarkan sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

زينوا القرآن بأصواتكم

Hiasilah Al Quran dengan suaramu.

– Al-Mustadrak Lil-Hakim

---

[1] - Dieja العباءة : sejenis pakaian Arab yang biasa dipakai menyelimuti jubah asas, bentuknya juga seperti jubah dengan saiz yang lebih besar dan longgar, belah tengah dan tanpa lengan.

Sabda Baginda lagi :

إن لكل شيء حلية وحلية القرآن الصوت الحسن

Sesungguhnya tiap sesuatu ada perhiasannya
dan perhiasan Al Quran itu ialah suara yang merdu.
Aj-Jami'us Saghir

Walau bagaimanapun mereka menghukumkan makruh jika bacaan dilakukan dengan lagu yang terputus-putus.

Mengenai lagu qasidah dan syair pula Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم pernah ditanyakan tentangnya, maka sabda baginda :

هو كلام فحسنه حسن وقبيحه قبيح

Syair adalah kata-kata ; jika baik maka baiklah ia, jika buruk maka buruklah ia.

Jadi syair yang baik ialah kata-kata nasihat, hikmah, yang mengingatkan tentang keagungan ALLAH serta mensyukuri nikmatNya, juga yang menyebut sifat-sifat para solihin dan orang bertaqwa. Syair-syair begini sunat didengar. Syair yang harus pula ialah kata-kata mengenai runtuhan desa, kampung halaman, penderitaan jiwa dan kisah umat manusia. Syair yang haram ialah kata-kata ejekan dan omongan bodoh. Syair yang makruh ialah gambaran wajah jelita, pipi, bentuk tubuh, alunan rambut dan apa-apa yang disukai oleh tabiat nafsu. Kecuali bagi seorang alim yang *rabbani* (terdidik dan mendidik) kerana dia dapat membezakan antara tabiat (yang normal) dan syahwat, mampu membezakan antara ilham dan was-was. Alim *rabbani* ialah peribadi yang dapat membunuh nafsunya dengan riadhah dan mujahadah, jiwa manusiawinya telah disucikan dan kepentingan diri telah diungkai. Peribadi sebegini disifatkan oleh ALLAH sebagai :

الذين يستمعون القول فيتبعون أحسنه

Mereka adalah orang yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti mana yang baik
- Surah Az-Zumar : 18

Tanda seseorang telah mencapai tahap ini ialah : pujian dan kejian dirasakan sama, diberi atau tidak tiada berbeza, dipulaukan atau dikawan sama sahaja. Dikalangan syeikh sufi ada yang pernah ditanya tentang hukum *sama'*[1] (mendengar syair), beliau menjawab : "Sunat hukumnya bagi ahli hakikat, harus untuk ahli ibadah dan orang-orang warak, manakala untuk orang yang bernafsu rakus maka hukumnya makruh". Sidi Al-Junaid Al-Baghdadi[2] telah ditanya mengenai *sama'*, jawab beliau : "Apa jua yang boleh mengarahkan hamba mengadap ALLAH Taala… itu dibolehkan".

Mendengar suara merdu dan nyanyian yang baik merupakan makanan jiwa dan ini dibenarkan dalam syariat. Secara dasarnya suara merdu adalah sesuatu yang dipuji. Firman ALLAH Taala :

---

1 - Dieja السماع , ia merupakan istilah sufi yang bermaksud mendengar kalimat-kalimat sufi samada dalam bentuk prosa atau puisi. Kebiasaannya sama' selalu diertikan sebagai mendengar nyanyian qasidah sufi.

2 - Abul Qasim Al-Junaid Bin Muhammad Bin Al-Junaid, wafat tahun 267H. Ulama sufi teragung di zamannya, para ulama Islam mengiktiraf beliau sebagai pendeta dalam bidang syariat dan hakikat serta Imam mazhab ahli sufi.

يزيد في الخلق ما يشاء

ALLAH menambah pada ciptaanNya dengan apa yang dikehendakiNya.
– Surah Fathir : 1

Ada pendapat yang menafsirkan bahawa yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah suara yang elok dan merdu. Ada ulama sufi berkata : "Suara merdu tak dapat memasukkan apa-apa ke dalam jiwa, namun ia mampu menggerakkan apa yang ada di dalamnya".

Ahli *sama'* punya tingkatan yang berbeza-beza terhadap apa yang mereka dengarkan ; ada yang mendengar hingga diselubungi perasaan takut, atau sedih, atau rindu hingga menyebabkan dia menangis, mengaduh, menjerit, mengoyak baju, pengsan dan tak tentu hala.

Ada yang mendengar hingga diselubungi rasa harap, suka dan gembira hingga rasa terhibur lalu menari, bertepuk tangan. Dalam satu riwayat dikhabarkan bahawa Nabi Daud عليه السلام akan menari bila merasa ketenangan jiwa. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Ali رضي الله عنه berkata :

أتينا النبي صلى الله عليه وسلم أنا وزيد وجعفر، فقال لجعفر : ((أشبهت خلقي وخُلُقي)) فحجل فرحا بقوله.
وقال لزيد : ((أنت أخونا ومولانا)) فحجل. وقال لي : ((أنت مني وأنا منك)) فحجلت.

Satu hari aku bersama Zaid dan Jaafar datang mengadap Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم. Baginda lantas bersabda kepada Jaafar : ((Engkau menyerupai rupa paras dan budi pekertiku)), kerana terlalu gembira dengan sabda Baginda, Jaafar melompat-lompat kegirangan. Baginda kemudian bersabda kepada Zaid : ((Engkau saudara kami juga kerabat dikalangan kami)), mendengarkan itu Zaid terlompat-lompat. Baginda kemudian bersabda kepadaku (Ali) : ((Engkau pula sebahagan dari diriku dan aku sebahagian dari dirimu)), lantas aku pun terlompat-lompat.

Sidi Abu Ubaidah[1] mendefinasi kalimat *hajala* **حجل** sebagai : mengangkat sebelah kaki kemudian melompat dengan kaki yang sebelah lagi, kalimat ini kadangkala turut bererti melompat dengan kedua belah kaki. Yang jelasnya kata kerja ini memberi erti gerakan melompat dan bukan berjalan.

Dalam keadaan lain ada orang mendengarkan *sama'* hingga diselubungi rasa rindu yang mendalam terhadap apa yang disebut dalam qasidah atau syair itu. Rasa rindu ini mendorongnya secara spontan bangun dari duduknya umpama seorang perindu ingin pergi kepada kekasihnya ; bilamana mendapati ia tak mungkin sampai kepada yang dirindui dia berulang-ulang duduk-bangun dan berputar-putar ditempatnya. Ini mungkin terjadi apabila berlakunya *hal* ulang-alik antara jasad dan roh waktu mendengar *sama'* . Ini kerana jasad itu sifatnya rendah ; tercipta dari tanah, roh pula rohaniah yang tinggi ; tercipta dari kegembiraan, dengan itu roh naik ke alamnya dan jasad pula turun ke tempatnya hinggalah keadaan menjadi tenang. Kadang-kadang kaum sufi melakukan perkara tadi kerana perasaan gembira dan kelapangan jiwa waktu mendengar *sama'*, ini tidak dilarang cuma ia bukanlah sifat golongan *muhaqqiqin*.

Dihikayatkan bahawa Sidi Abdullah Ahmad Bin Atha' Ar-Rouzbari[2] berkata : "Rahsia orang yang jujur mendengar *sama'* tiga perkara : kenal ALLAH, setia dengan janji padaNya, dan menghimpun hemah." Tempat majlis *sama'* diadakan haruslah berbau harum, terhormat, tidak

---

[1] - Beliau ialah Mu'ammar Bin Muthanna, wafat tahun 209H, dari kalangan penghafaz hadis serta ulama sastera dan bahasa yang terkemuka di zaman salafus soleh. Mengarang lebih 200 buah kitab dalam pelbagai disiplin ilmu Islam.
[2] - Ulama sufi dari negeri Syam, pakar dalam ilmu qira'at Al-Quran, feqah dan ilmu hakikat. Wafat di kota Sur.

boleh dihadiri oleh yang memusuhi atau kelihatan ada yang datang untuk berseronok dan tersenyum-senyum.

Mendengar *sama'* itu hendaklah dengan tiga makna : mendengar dengan *mahabbah*, mendengar dengan takut, mendengar dengan harap.

Gerakan yang berlaku waktu mendengar *sama'* itu ada tiga jenis : pertama kerana jiwa terhibur, kedua kerana *wajd*[1], ketiga kerana *khauf* (takut). Jiwa rasa terhibur itu ada tiga alamat : menari, bertepuk tangan dan gembira *Wajd* ada tiga alamat : pengsan, kebimbangan hati dan jeritan. *Khauf* ada tiga alamat : tangisan, menampar diri dan pekikan.

[1]- Dieja - وجد ertinya : perasaan cinta yang amat mendalam. Dalam Kamus Idris Al-Marbawi perkataan ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sebagai : marah gembira

Cabang-cabang Agama Dan Hukum-hakamnya

Ijmak ahli Sufi menegaskan bahawa wajib hukumnya mempelajari segala hukum syariat yang mesti diketahui serta darihal halal dan haram dalam agama (ilmu fardhu ain). Ilmu ini wajib dituntut supaya amalan sejajar dengan ilmunya. Pepatah sufi mengatakan : "Ilmu tanpa amal ; mandul, amal tanpa ilmu ; penyakit." Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

طلب العلم فريضة على كل مسلم

Menuntut ilmu adalah kewajiban setiap orang Islam.
- Sunan Ibnu Majah

Kaum Sufi memilih mazhab salafus soleh dari kalangan ulama feqah yang pakar dalam bidang hadis. Kaum sufi tidak menolak perkara ikhtilaf yang berlaku antara ulama dalam ranting-ranting agama kerana Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

اختلاف أمتي رحمة

Ikhtilaf (perselisihan pendapat) dikalangan umatku adalah rahmat

Mengenai ulama yang diiktiraf perselisihan mereka sebagai rahmat, kaum Sufi berpendapat bahawa mereka itu ialah para ulama yang berpegang teguh kepada kitab ALLAH, berjuang mengikut sunnah Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan mencontohi para sahabat. Ulama-ulama ini terbahagi kepada tiga golongan : ulama hadis, ulama feqah dan ulama sufi.

Ulama hadis berpegang teguh kepada makna yang zahir dari hadis Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم yang merupakan asas agama. Konsep ini didasarkan kepada firman ALLAH :

وما آتاكم الرسول فخذوه وما نهاكم عنه فانتهوا

Dan apa yang datang dari Rasul hendaklah kamu ambil,
manakala yang ditegah oleh Baginda wajiblah kamu meninggalkannya.
- Surah Al-Hasyr : 7

Ulama hadis adalah para pengawal agama yang telah bekerja keras menuntut ilmu hadis, mengajarkannya, memahami isi kandungannya dan menyaring riwayat-riwayat hadis yang sahih dan yang tidak sahih.

Ulama Feqah – yang benar ilmunya – mengatasi kedudukan ahli hadis kerana keistimewaan mereka dalam memahami dan menggali hukum dari hadis, juga kefahaman mereka yang mendalam terhadap aturan hukum-hukam agama ; membezakan yang mana *nasikh* dan *mansukh*, *muthlak* dan *muqayyad*, m*ujmal* dan m*ufassar*, *khas* dan *'aam*, *muhkam* dan *mutasyabih*. Pendek kata para ulama feqah adalah ahli hikmah dan golongan terkemuka dalam agama Islam.

Golongan sufi menyetujui kefahaman serta perjalanan golongan feqah dan hadis selagi mana tetap berada diatas landasan sunnah dan tidak didasari oleh nafsu. Mana-mana ahli sufi yang tidak mengetahui suatu hukum syarak akan merujuk kepada ulama feqah dan hadis, bila dua golongan ini sependapat maka ahli sufi bersama pendapat mereka. Jika berlaku khilaf antara ulama feqah dan ulama hadis dalam menentukan satu hukum, ahli sufi akan memilih pendapat yang terbaik dan yang lebih patut diikut ; dalam mazhab sufi tidak boleh mencari-cari helah (dalam melaksanakan apa-apa hukum), juga tidak boleh mengikut dorongan syahwat (dalam apa jua perkara).

Lebih dari itu golongan sufi telah diistimewakan ALLAH Taala dengan ilmu-ilmu yang tinggi serta ehwal yang mulia. Ahli sufi membicarakan persoalan hubungan (sesama ALLAH dan sesama manusia), gerak dan diam (dalam jiwa) yang tak nampak oleh mata kasar, *maqam-maqam* yang terpuji seperti *maqam* taubat, zuhud, warak, sabar, redha, tawakkal, cinta, takut, harap, *musyahadah* (penghayatan), ketenangan, yakin, *qana'ah*, kejujuran, ikhlas, syukur, zikir, fakir, *muraqabah* (awas), iktibar, gementar, mengagungkan ALLAH, membesarkan ALLAH, menyesal, malu, *jam'u*, *tafriqah*, *fana'* (sirna), *baqa'* (kekal), mengenal diri, melawan nafsu, melatih jiwa, pengetahuan yang seni-seni mengenai sifat riya' (menunjuk-nunjuk kemampuan diri), syahwat yang tersembunyi, *syirik khafi* (syirik tersembunyi) dan bagaimana cara mahu selamat dari penyakit-penyakit tadi.

Golongan sufi juga mampu menggali ilmu-ilmu yang tak tercapai oleh para ulama feqah seperti perbahasan mengenai halangan dan rintangan (yang menyekat perjalanan menuju Allah), hakikat segala zikir, mengikhlaskan tauhid, peringkat-peringkat *tafrid*, rahsia-rahsia tersembunyi di dalam jiwa, kesirnaan yang baharu bila mengadap yang Maha *Qadim*, hilang segala ehwal, menghimpun segala yang tercaing, berpaling dari segala maksud dengan meninggalkan sikap menentang.

Golongan sufi adalah manusia-manusia yang diistimewakan ALLAH untuk memahami segala permasalahan dari perkara-perkara yang disebutkan tadi dengan terjun secara langsung ke medannya, merempuh segala rintangannya dengan menggadai nyawa. Dengan itu bagi sesiapa yang mendakwa-dakwi diri mencapai *maqam* itu dan ini dalam perkara-perkara yang disebutkan tadi, para ulama sufilah yang akan berhadapan dengan mereka ; menuntut agar didatangkan bukti dan dalil atas dakwaan seumpama itu. Para ulama sufilah yang dapat menjelaskan mana yang benar serta mana yang salah dalam hal-hal tersebut. Pendek kata ulama sufi adalah benteng, penolong dan pembesar agama Islam.

Maka barangsiapa yang punya kemusykilan dalam mana-mana bidang yang telah dijelaskan hendaklah merujuk kepada pakar di bidang tersebut. Siapa yang ingin mendapat penjelasan mengenai ilmu hadis dan perawi-perawinya hendaklah merujuk kepada ulama hadis, bukan kepada ulama feqah. Siapa yang ingin penyelesaian masalah berhubung soal-soal hukum-hakam yang halus perinciannya hendaklah merujuk kepada ulama feqah. Siapa yang ingin jawapan mengenai permasalahan hal ehwal tasawuf, latihan jiwa, seni-seni warak serta tingkatan tawakkal hendaklah merujuk kepada ulama sufi, bukan kepada yang lain. Siapa yang salah tempat merujuk bererti salah memilih jalan dan menempuh lorong yang sempit.

Definisi Tasawuf

Jawapan para syeikh sufi (mengenai definisi tasawuf) berbeza berdasarkan latar belakang soalan itu sendiri. Setiap syeikh menjawab berdasarkan ehwal dirinya, atau dengan sekadar yang mampu difahami oleh yang bertanya ; kalau yang bertanya masih seorang murid maka jawapannya berdasarkan zahir mazhab sufi dibidang *muamalat*, jika yang bertanya telah berada ditahap pertengahan maka jawapannya berdasarkan *ahwal*… jika yang bertanya seorang arif maka jawapan yang akan diberi berdasarkan hakikat.

Apapun jawapan ahli sufi yang paling zahir ialah : Permulaan tasawuf adalah ilmu, pertengahannya amal dan penghujungnya kurniaan (dari Allah). Ilmu akan menyuluh jalan, amalan membantu untuk mencapai tujuan, sedangkan kurniaan (dari ALLAH di hujungnya) akan menyampaikan kepada apa yang dicita.

Ahli tasawuf terbahagi kepada tiga golongan :

- pertama golongan murid yang sedang menuntut **مريد طالب** - *muridun thalib*
- kedua golongan pertengahan yang sedang menempuh perjalanan **متوسط سائر** - *mutawassithun saa'ir*
- dan yang ketiga golongan yang telah sempurna lagi sampai (kepada Allah) **منته واصل** - *muntahin washil*.

Maka murid itu empunya *waqt* (waktu semasa), yang pertengahan empunya *hal*, yang *muntahi* (telah sempurna dan sampai) empunya nafas ; perkara yang paling utama disisi mereka ialah menghitung nafas.

Golongan murid diberati dengan kewajiban-kewajiban dalam memenuhi tuntutannya, golongan pertengahan dipertanggungjawab untuk memenuhi tuntutan adab pada setiap peringkat yang menjadikan warna dirinya berubah-ubah berdasarkan peningkatan dari satu *maqam* ke satu *maqam* yang lain, yang menjadikan pencapaian golongan pertengahan akan terus meningkat. Golongan yang telah sempurna pula adalah golongan yang dijamin kerana mereka telah melepasi semua *maqam*, kedudukan mereka adalah terjamin dan takkan terkesan dengan sebarang keadaan maupun bencana yang menimpa. Kedudukan ini diistilahkan sebagai *at-tamkin* (yang tak tergoyah) sepertimana diibaratkan ketika peristiwa Zulaikha mempamerkan Nabi Yusuf عليه السلام kepada wanita-wanita bangsawan ; semua hadirin terpesona hingga memotong jari-jemari sendiri, namun Zulaikha sedikit pun tak tergoyah disitu kerana dia telah mencapai darjat *tamkin* terhadap Yusuf, sedangkan realitinya dikalangan wanita-wanita itu dialah yang paling tergila-gilakan Yusuf.

Dengan itu dapatlah difahami bahawa peringkat murid penuh dengan mujahadah melawan kehendak nafsu, menanggung beban, meneguk kepahitan, menolak tepi segala kepentingan diri serta kelazatan yang diingini nafsu. Peringkat pertengahan umpama menongkah gelora di lautan demi mencapai tujuan, memelihara kejujuran diri dalam semua keadaan serta menjaga adab dalam setiap *maqam* yang dicapai. Manakala di peringkat kesempurnaan adalah peringkat sedar dan waras serta *tamkin,* berinteraksi dengan ALLAH Taala yang Maha Benar dalam situasi apa pun. Di peringkat kesempurnaan ini bagi seorang sufi susah dan senang adalah sama, diberi atau tidak, berteman mesra atau dipulaukan semuanya sama tak berbeza reaksinya. Makan atau lapar sama, tidur atau jaga sama ; kepentingan dirinya sudah sirna, yang kekal adalah apa yang diwajibkan keatasnya, zahirnya bersama makhluk batinnya bersama ALLAH. Semuanya itu adalah dicontohi dari ehwal kehidupan junjungan Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم dan

para sahabatnya ; diperingkat awal baginda *khalwah* (menyendiri) di Gua Hira', kemudian baginda bergaul dengan manusia ; dimana tiada beza lagi disisi Baginda antara *khalwah* dengan *jalwah* (bersama makhluk). Begitu juga dengan para sahabat ahli suffah sesudah mencapai ehwal *tamkin* mereka menjadi para penguasa dan pentadbir ; waktu itu bergaul dengan manusia tidak lagi memberi kesan terhadap jatidiri mereka.

Aturan Mazhab Ahli Sufi

Ketahuilah bahawa mazhab ahli sufi mengandungi disiplin yang lahir dan batin. Disiplin lahir mazhab sufi ialah beradab sopan dengan makhuk, manakala disiplin batinnya ialah *munazalah* (mempraktis) segala ahwal dan maqam dengan ALLAH Taala, perhatikanlah sabda Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم ketikamana melihat orang bermain-main dalam solatnya :

لو خشع قلب هذا لخشعت جوارهه

Jika hatinya khusyuk sudah tentu anggota lahirnya turut khusyuk.
- Al-jami'us Saghir

Sidi Al-Junaid Al-Baghdadi berkata kepada Sidi Abi Hafs Al-Haddad[1] *rahimahumALLAH* : "Tuan telah mendidik anak murid dengan peradaban raja-raja", maka dibalas oleh Sidi Abi Hafs : "Bukan itu tujuanku wahai Abal Qasim, namun elok pekerti yang zahir adalah tanda eloknya pekerti batin". Sidi As-Sirriy As-Saqti[2] r.h pula berkata : "Keelokan adab (budi pekerti) merupakan terjemahan dari akal yang sejahtera".

Dikalangan ahli sufi menjaga adab sesama ahli lebih utama dari pekerjaan lain. Ini sesuai dengan apa yang difirmankan ALLAH Taala ketika memuji para *rijal*Nya :

الذين يغضون أصواتهم عند رسول الله أولئك الذين امنتحن الله
قلوبهم للتقوى لهم مغفرة وأجر عظيم

Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Saiyidina Rasulullah mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh ALLAH untuk bertaqwa. Bagi mereka keampunan dan pahala yang besar. -Surah Al-Hujurat : 3

Sidi Abu Abdullah bin Khafif[3] meriwayatkan dari Sidi Ruwaim[4] yang berkata kepadanya : "Hai anakku, jadikanlah ilmumu ibarat garam dan jadikan adabmu umpama tepung." Ulama sufi berkata :

- "Tasawuf itu semuanya adab ; tiap waktu ada adabnya yang khusus, tiap keadaan ada adabnya yang khusus, tiap *maqam* ada adabnya yang khusus. Barang siapa berpegang teguh dengan adab dia akan mencapai darjat para *rijal*. Siapa yang mengabaikan adab dia adalah jauh walau menyangka dekat, dia adalah tertolak walau mengharap diterima".
- "Barangsiapa tidak beradab haramlah baginya tiap kebaikan".
- "Siapa yang tidak beradab dengan masa, masanya adalah kecelakaan".
- "Adabnya jiwa ialah engkau mengenalkan dan mendorongnya membuat kebajikan, adabnya jiwa ialah engkau mengenalkan dan mencegahnya dari membuat kejahatan".
- "Adab merupakan sandaran para faqir dan perhiasan orang kaya".

Dalam hal adab kesopanan ini manusia terbahagi kepada tiga tingkatan ; tingkatan pertama ahli dunia, tingkatan kedua ahli agama, manakala tingkatan teratas ialah golongan istimewa dikalangan ahli agama. Pada tingkatan ahli dunia majoriti adab sopan mereka ialah

---

[1] - Abu Hafs Umar bin Salamah Al-Haddad, berasal dari kota Kurd Abaaz (berhampiran dengan Naisabur). Seorang ulama besar tasawuf yang amat warak lagi tekun beribadah. Wafat sekitar tahun 267H. Beliau merupakan murid kepada Sidi Ma'aruf Al-Karkhi.

[2] - Abul Hasan As-Sirriy bin Al-Maghlis merupakan guru kepada Syeikh Al-Junaid Al-Baghdadi. Beliau pula berguru kepada Sidi Ma'aruf Al-Karkhi. Ahli warak dan taqwa terkemuka di zamannya ; tak pernah membaringkan badan melainkan di hari matinya.

[3] - Abu Abdullah Muhammad bin Al-Khafif Ad-Dhabbi. Ahli ibadah dan zuhud terkemuka di zamannya. Wafat tahun 371H.

[4] - Ruwaim bin Ahmad bin Yazid bin Ruwaim. Ulama sufi tersohor dari kota Baghdad. Wafat tahun 330H.

tentang kefasihan bahasa dan sastera menghafaz ilmu, sejarah raja-raja dan syair-syair Arab. Pada tingkatan ahli agama selain memerhatikan soal ilmu, adab sopan mereka secara majoriti ialah melatih jiwa, menjaga kesopanan anggota lahir, membaiki tabiat, mematuhi aturan, meninggalkan syahwat, menjauhi yang syubhat serta segera melakukan kebajikan. Manakala tingkatan istimewa dikalangan ahli agama pula adab kesopanan mereka ialah pada memelihara keelokan hati, menyimpan rahsia, seterusnya keadaan zahir dan batin yang tidak berbeza.

Dikalangan murid, mereka bersaing dengan amal ketaatan, golongan pertengahan bersaing dengan adab kesopanan, manakala golongan *arifin* mereka bersaing dengan *al-himmah* (jiwa besar). Definisi *himmah* antaranya ialah : perasaan positif yang mendorong jiwa untuk mencapai ketinggian. Kerana itulah harga diri seseorang diukur pada jiwa besarnya.

Sidi Abu Bakar Al-Wasithi[1] telah ditanya mengenai Sidi Malik bin Dinar[2], Sidi Daud At-Tha'iy[3], Sidi Muhammad bin Wasi'[4] dan kalangan ahli ibadah yang lainnya, maka jawab Sidi Abu Bakar : "Mereka adalah satu kaum yang telah keluar dari diri mereka untuk masuk kedalam diri mereka jua ; mereka meninggalkan nikmat sementara untuk mendapat nikmat yang abadi, (mereka meninggalkan makhluk yang dicipta) demi menuju Tuhan Al Khaliq yang menciptakan sirna dan keabadian".

Sidi Junaid Al Baghdadi telah ditanya mengenai firman ALLAH Taala :

لا يسألون الناس إلحافا

Mereka tidak meminta-minta kepada orang dengan mendesak…

- Surah Al-Baqarah : 273

Beliau menjawab : "Hemah mereka yang tinggi itu telah menahan diri dari meminta apa-apa hajat selain kepada ALLAH Taala."

Sidi Al-Hushri[5] meriwayatkan : "Apabila terdengar deburan api dari neraka jahannam semua manusia ketakutan, tak kira yang mulia atau yang hina semua hanya memikirkan diri sendiri, masing-masing berkata : diriku, diriku… Kecuali Baginda Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم yang ingat pada tanggungjawab memberi syafaat lantas berkata : Umatku, umatku…"

Demikianlah keadaan nafsu manusia yang pasti ada kecacatan, dengan itu manusia akan selalu mengadu : Tuhanku… Tuhanku… Hingga sedarlah diri bahawa makhuk yang bersifat baharu itu tak terlepas dari kekurangan.

---

[1] - Abu Bakar Muhammad bin Musa Al-Wasithi. Berasal dari Ferghana dan wafat di Merw tahun 331H. Antara murid terbaik Sidi Junaid Al-Baghdadi. Syarahannya mengenai usul ilmu tasawuf amat mengagumkan.

[2] - Malik bin Dinar Al-Basri, wafat tahun 131H di kota Basrah. Seorang perawi hadis terkemuka. Sangat warak dan tidak makan melainkan dari usaha tangannya sebagai penulis mashaf Al-Quran.

[3] - Abu Sulaiman Daud At-Tha'iy, ulama besar tasawuf yang hidup di zaman pemerintahan Khalifah Al Mahdi Al Abbasi. Berasal dari sebuah keluarga Khurasan namun dilahirkan di Kufah. Beliau berguru dengan Imam Abu Hanifah An-Nukman (imam mazhab Hanafi) di baghdad. Setelah tamat belajar beliau kembali semua ke Kufah lalu memencilkan diri dari manusia untuk beribadah hingga hari wafatnya.

[4] - Abu Bakar ; Muhammad bin Wasi' bin Jabir Al-Azdiy. Ulama feqah yang warak dari kalangan golongan zuhud di kota Basrah, pernah ditawar menjadi qadhi namun beliau menolaknya. Beliau juga ahli hadis yang jujur. Wafat tahun 132H.

[5] - Abul Hasan Ali bin Ibrahim Al-Hushri, mahaguru sufi di zamannya. Menetap di Baghdad, wafat tahun 371H.

Budi Pekerti Sufi

Ummul Mukminin Saiyidatina Aisyah رضي الله عنها pernah ditanya mengenai budi perkerti Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم maka beliau pun menjawab :

كان خلقه القرآن

Budi pekerti Baginda adalah Al Quran.
- Musnad Imam Ahmad

Firman ALLAH Taala :

خذ العفو وأمر بالعرف وأعرض عن الجاهلين

Ambillah kemaafan, suruhlah berbuat kebaikan
dan janganlah dilayan kaum yang jahil.
- Surah Al-A'raaf : 199

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

ألا أحبركم بأحبكم إلي وأقربكم مني مجلسا يوم القيامة؟ قالوا بلى،
قال : أحاسنكم أخلاقا الموطئون أكنافا الذين يألفون ويؤلفون

Maukah aku khabarkan kepadamu siapakah yang paling kucintai dan paling dekat kedudukannya denganku di hari kiamat nanti? Kata para sahabat : Mau ya Rasulullah. Baginda pun bersabda : "Yang paling baik akhlaknya, baik pergaulannya, mesra dengan orang dan orang pun mesra dengannya." - Al-Jami'us Saghir

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

سوء الخلق شؤم، وشراركم وأسوؤكم أخلاقا

Akhlak buruk adalah kecelakaan, orang yang paling jahat dikalangan kamu ialah yang paling buruk akhlaknya. - Al- Jami'us Saghir

Sidi Abu Bakar Al-Kattani berkata : "Tasawuf adalah akhlak ; siapa yang dapat meningkatkan akhlakmu bererti dia telah menambah nilai tasawufmu."

Diantara budi pekerti ahli sufi ialah : lemah lembut, tawadhuk, memberi nasihat, belas kasihan, menanggung kesusahan, sepakat, ihsan, pandai melayan karenah, mengutamakan orang lain, berkhidmat, mesra berwajah manis, murah hati, *futuwwah* (kesatriaan), mengorbankan kedudukan, menjaga maruah, berkasih sayang, dermawan memberi tanpa mengharap balasan, bermesra memberi maaf, melupakan kesalahan orang, pemurah, setia, malu, berlemah lembut, berwajah gembira bersahaja, tenang, wibawa diri, berdoa, memuji pada tempatnya, berbaik sangka, memandang diri sebagai tiada apa, memuliakan saudara mengagungkan para syeikh, mendoakan kebaikan untuk yang kecil dan besar, memandang remeh kebaikan yang dilakukan untuk orang lain serta memandang besar kebaikan orang untuknya.

Sidi Sahl Bin Abdullah[1] telah ditanya mengenai akhlak, beliau menjawab : "Akhlak yang paling bawah ialah sanggup menanggung kesusahan, meninggalkan balasan dari kebaikan yang dilakukan, mengasihani orang yang berbuat zalim serta mendoakannya."

[1] - Sahl bin Abdullah At-Tustari. Ulama besar sufi, wafat tahun 283H.

Inilah dia budi pekerti ; akhlak sufi sejati, bukan seperti golongan yang mendakwa-dakwi dirinya sufi ; golongan yang menamakan ketamakan mereka sebagai "minta tambah", tidak beradab dikata "ikhlas", berbuat batil dikata "melatah", sedap-sedap membuat mazmumah dikata "baik", mengikut hawa nafsu dikata "ujian", mencari dunia dikata "sudah mencapai *maqam*", buruk perangai dikata "serangan balas", bakhil dikata "hemat", jahat mulut dikata "menegur"… Ini semua tiada kaitan langsung dengan perjalanan ahli sufi.

Satu hari Sidi Abu Yazid Al-Busthami[1] mengajak temannya : "Ayuh, mari pergi kepada si anu yang mempromosi kezuhudan dirinya". Ketika sudah hampir mereka mendapati orang yang dimaksudkan sedang keluar dari rumah mahu menuju ke masjid. Dari jauh Sidi Abu Yazid memerhatikan orang itu meludah ke arah kiblat. Beliau terus berkata kepada temannya : "Orang ini satu dari sekian banyak adab syariat pun tidak dijaga, lalu apakah dakwa dirinya mencapai maqam kewalian itu terjamin jujurnya?!" Sidi Abu Yazid berpatah balik dan langsung tidak menyapa lelaki itu.

[1] - Abu Yazid Thayfur bin Isa Al-Busthami. Tokoh sufi terkenal, berasal dari daerah Bustham ; satu kawasan yang terletak antara Khurasan dan Iraq. Wafat tahun 238H.

Maqam Hamba Dihadapan ALLAH

Istilah *maqam* (dalam literasi tasawuf) bererti pencapaian atau darjat hamba dihadapan ALLAH Taala dalam beribadah kepadaNya. Firman ALLAH Taala :

وما منا إلا له مقام معلوم

Tiada seorang pun di antara kami (malaikat) melainkan mempunyai kedudukan yang tertentu. – Surah As-Saffat : 164

Tingkatan maqam yang dimaksudkan ialah seperti berikut :-

Permulaan *maqam* ialah **kesedaran** ; ertinya menginsafi diri dari kelalaian terhadap ALLAH. Kemudian **taubat** ; ertinya kembali kepada ALLAH (setelah menginsafi kelalaian) dengan kekal menyesali dosa serta banyak beristighfar. Kemudian ***inabah*** ; ertinya merubah diri dari lalai kepada zikir mengingati ALLAH. Ada pendapat mengatakan taubat ertinya rasa gerun (dengan ancaman Allah), *inabah* ertinya keinginan untuk kembali kepada ALLAH. Pendapat lain mengatakan : taubat pada yang zahir, *inabah* pada yang batin.

Seterusnya **warak** ; ertinya meninggalkan yang syubhat (tak jelas halal haramnya). Kemudian ***muhasabatun nafs*** ; ertinya mengkoreksi diri apakah meningkat atau menurun, apakah yang bertambah kebaikan atau kejahatan. Kemudian ***iradah*** ; ertinya terus beramal tanpa rehat. Kemudian **zuhud** ; ertinya meninggalkan kenikmatan dunia yang halal, menjauhi dunia dan segala syahwatnya. Kemudian ***faqr*** (fakir) ; ertinya tidak memiliki matabenda dunia serta mengosongkan hati dari apa yang tak tercapai oleh tangan. Kemudian **jujur** ; ertinya : zahir dan batin sama sahaja. Kemudian ***at-tasobbur*** (menahan sabar) ; ertinya menguatkan diri menempuh segala rintangan dan menelan kepahitan. Menahan sabar merupakan maqam terakhir bagi golongan murid.

Selepas *maqam at-tasobbur* meningkat pula ke *maqam* **sabar** ; ertinya tidak mengadu dalam menanggung kepedihan. Kemudian **redha** ; ertinya : rasa manis dengan ujian. Kemudian **ikhlas** ; ertinya dalam beramal tidak nampak lagi makhluk, tujuannya hanya kerana ALLAH. Kemudian **tawakkal** kepada ALLAH ; ertinya bergantung semata-mata kepadaNya, sama sekali tidak mengharap selainNya.

Ehwal Pekerjaan Hati

Istilah *al-ahwal*[1] (dalam literasi tasawuf) atau *hal* bererti pekerjaan hati. Ertinya perasaan hati yang lahir dari ketulusan zikir. Sidi Junaid Al-Baghdadi berkata : "*Hal* itu satu keadaan yang turun ke hati, tapi tidak kekal." Antara tingkatan *hal* ialah :

Al-Muraqabah ; ertinya merenung pada yang ghaib dengan setulus keyakinan. Kemudian ***al-qurb*** ; ertinya menetapkan jiwa di"hadapan" ALLAH Taala dengan men"ghaib"kan diri dari selainNya. Kemudian ***al-mahabbah*** ; ertinya cinta apa yang dicintaiNya, benci apa yang dibenciNya. Kemudian ***ar-raja'*** ; ertinya yakin dengan janji ALLAH. Kemudian ***al-khauf*** ; ertinya memperlihatkan hati akan Maha Kerasnya ALLAH dan balasan buruk dariNya.

Kemudian ***al-haya'*** ; ertinya malu dengan ALLAH, lantas menjaga hati dari merasa lega. Sebabnya ialah apabila hati mula dekat dengan ALLAH datanglah perasaan yang berbagai ragam ; ada yang terasa Maha Hebat dan Maha Agungnya ALLAH lalu perasaannya menjadi takut dan malu, ada pula yang terasa Maha Lemah Lembutnya ALLAH dan belas ihsanNya mengatasi kemurkaanNya lalu perasaan menjadi cinta dan harap.

Kemudian ***as-syauq*** ; ertinya rindu dengan ALLAH, hati jadi tak tentu hala bila terkenangkan Dia. Kemudian ***al-uns*** ; ertinya mesra dengan ALLAH Taala dan meminta pertolongan kepadaNya dalam setiap perkara Kemudian ***at-thuma'ninah*** ; ertinya tenang menghadapi segala takdir. Kemudian ***al-musyahadah*** ; ertinya menghayati dengan mata hati yang yakin, tidak hanya dengan mata kasar. Inilah yang disabdakan oleh junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم :

اعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

Sembahlah ALLAH seolah-olah kamu melihatNya, jika kamu tidak dapat merasakan yang demikian itu maka sesungguhnya (hayatilah) bahawa Dia melihatmu.

Musyahadah adalah *hal* yang terakhir dalam tingkatan ehwal, sesudah itu pembukaan dari ALLAH, pemberianNya, kurniaanNya dalam berbagai bentuk adalah sesuatu yang tak terjangkau oleh ibadah lagi. Firman ALLAH Taala :

وإن تعدوا نعمة الله لا تحصوها

Dan jika kamu mengira nikmat Allah
nescaya kamu takkan dapat menghitung jumlahnya. - Surah Ibrahim : 34

[1] - Dieja الأحوال , kata jamak dari kata tunggal حال .

Jalan Berbeza, Tujuannya Sama

Dikalangan ahli sufi ada yang memilih jalan ibadah ; lokasinya sentiasa dekat dengan air wudhu' dan mehrab. Masanya dipenuhi dengan zikir dan amalan *nawafil*, wirid-wiridnya tak pernah ditinggal ; dan inilah jalan yang paling selamat. Firman ALLAH Taala :

أولئك الذين هداهم الله وأولئك هم أولو الألباب

Merekalah golongan yang diberi hidayah oleh Allah
dan merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan. - Surah Az-Zumar : 18

Ada yang memilih jalan melatih jiwa, menanggung penderitaan serta melawan segala keinginan nafsu ; dan inilah jalan yang paling afdhal. Firman ALLAH Taala :

أولئك يؤتون أجرهم مرتين بما صبروا

Mereka akan diberikan ganjaran dua kali ganda atas kesabaran mereka…
- Surah Al-Qasash : 54

Ada juga yang memilih jalan khalwah (memencil diri) dan uzlah supaya terselamat dari risiko bergaul dengan makhluk ; dan inilah jalan yang paling sahih. Firman ALLAH :

فأولئك ما عليهم من سبيل

…maka mereka tidak dapat dirosakkan. - Surah As-Syura : 41

Ada yang memilih jalan mengembara dan bermusafir, merantau jauh dari kampung halaman, membiarkan diri tak dikenali ; dan inilah jalan yang paling jelas. Firman ALLAH Taala :

أولئك الذين نتقبل عنهم أحسن ما عملوا ونتجاوز عن سيئاتهم

Merekalah golongan yang Kami terima amalan baiknya
dan kami maafkan kesalahan mereka…- Surah Al-Ahqaaf : 16

Ada pula yang memilih jalan khidmat, mengorbankan kedudukan untuk saudara sufi serta menggembirakan hati mereka ; dan inilah jalan yang paling mulia. Firman ALLAH Taala :

أولئك يجزون الغرفة بما صبروا

Mereka itulah orang yang dibalasi dengan denan martabat yang tinggi (dalam syurga) kerana kesabaran mereka…- Surah Al-Furqan : 75

Ada yang memilih jalan mujahadah yang bermacam ragamnya, menempuh segala rintangan dan mempraktik segala ehwal.

Ada yang memilih jalan membuang kemegahan diri dihadapan makhluk, tak mengambil peduli terhadap orang lain dan tak memikirkan baik-buruk mereka.

Ada yang memilih jalan mengaku lemah di hadapan ALLAH, hati remuk redam dengan ALLAH seperti firmanNya dalam Al-Quran :

وآخرون اعترفوا بذنوبهم خلطوا عملا صالحا وآخر سيئا عسى الله أن يتوب عليهم

Ada yang mengakui dosa-dosa mereka, mencampur amal soleh dengan kejahatan, semoga ALLAH memberi taubat kepada mereka…- Surah At-Taubah : 102

Ada pula yang memilih jalan menuntut ilmu, bertanya dengan yang tahu, bergaul dengan ulama untuk mendengar riwayat perkhabaran, menghafaz ilmu … Yang jelas setiap jalan yang mahu ditempuh memerlukan panduan serta guru yang membimbing agar selamat dari keraguan dan fitnah ditengah perjalanan.

Dalam satu riwayat sufi ada diceritakan : "Eh, nampaknya si anu telah berpatah ke belakang… Aku tahu ; dia berpatah balik kerana jalan yang dicuba terlalu sunyi, hanya sedikit orang yang menempuhnya".

Fadhilat Ilmu

Firman ALLAH Taala :

شهد الله أنه لا إله إلا هو والملائكة وأولوا العلم قائما بالقسط

ALLAH menyaksikan bahawasanya tidak ada Tuhan selain Dia. Yang menegakkan keadilan. Para malaikat dan orang-orang yang berilmu (turut menyaksikan yang demikian itu) – Surah Aali Imran : 18

Dalam ayat ini ALLAH memulakan kesaksian dengan DiriNya, diikuti dengan malaikatNya seterusnya dengan ahli ilmu. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

العلماء ورثة الأنبياء

Para ulama adalah pewaris para Nabi. - riwayat Al-Bukhari

Sabda Baginda lagi :

فضل العالم على العابد كفضلي على أدناكم رجلا

Keutamaan orang alim keatas seorang abid ibarat kelebihanku keatas orang yang terbawah dikalangan kamu

Lagi sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

الناس رجلان عالم ومتعلم وسائرهم همج

Manusia itu dua golongan ; orang alim dan penuntut ilmu, lain dari mereka adalah hina-dina.

Pepatah sufi ada berkata :

- Ilmu adalah ruh, jasad amalnya.
- Ilmu ibarat sebatang pohon, amalan pula bagai rantingnya.
- Ilmu umpama hakim, sedang amalan adalah hukumnya.

Jumhur dikalangan guru-guru kami cenderung berpendapat bahawa ilmu lebih afdhal dari makrifat dan akal ; kerana ALLAH bersifat *Al-'Ilm* (Maha Berilmu), selain itu ilmu adalah hakim diatas akal, sedangkan akal tidak boleh menghakimi ilmu. Disebutkan bahawa : "Ilmu tak bermanfaat kecuali disertakan akal, akal juga tak bermanfaat kecuali disertakan ilmu". Seorang failasuf pernah ditanya : "Bilakah masanya adab menjadi mudharat?" beliau menjawab : "Bila akal menjadi kurang".

Pepatah sufi menyebut : "Adab ialah cerminan akalmu, oleh itu elokkanlah akal dengan sekehendakmu". Keutamaan ilmu dapat dilihat dalam kisah burung Hud-hud ketika ditanya oleh Nabi Sulaiman عليه السلام ; Hud-hud hanya seekor burung kerdil dihadapan Nabi Sulaiman yang berdarjat tinggi lagi gagah perkasa. Tapi dengan kemuliaan ilmu sedikitpun Hud-hud tak gentar dengan ancaman Nabi Sulaiman, bahkan dengan tenang dia menjawab :

أحطت بما لم تحط به

Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui. - Surah An-Naml : 22

Bahasa Dan Bicara Sufi

Hendaklah seorang sufi itu apabila mahu berbicara meniatkan agar kata-katanya menjadi nasihat dan bimbingan, mencari jalan keselamatan dan memberi manfaat kepada semua pehak. Seorang sufi harus berbicara sekadar kemampuan akal yang mendengar kerana Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

أمرنا معاشر الأنبياء أن نكلم الناس على قدر عقولهم

Kami para Nabi telah diperintah untuk berbicara kepada manusia
sekadar kemampuan akal mereka.

Seorang sufi tidak harus membicarakan satu masalah yang tidak ditanyakan kepadanya, jika dia ditanya jawapannya harus sesuai dengan keadaan yang bertanya. Diriwayatkan bahawa Sidi Al-Junaid pernah dipersoal : "Tuan ditanya oleh si anu mengenai masalah ini lalu menjawab begian-begian. Soalan yang sama diajukan oleh orang lain kepada tuan tapi mengapa jawapannya berbeza?" Beliau pun berkata : "Bagaimana penyoal begitulah jawapannya".

Jika seorang sufi mahu mengemukaan soalan maka hendaklah dia menyoal berdasarkan *maqam* (kedudukan)nya. Tidak sayugia bagi seorang sufi membicarakan sesuatu yang belum dicapai olehnya. Pun begitu ada pendapat yang membolehkan perkara ini berdasarkan sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

رب حامل فقه إلى من هو أفقه منه

Boleh jadi orang yang mengajar ilmu feqah itu
menyampaikan kepada yang lebih alim darinya.
- Sunan Ibnu Majah

Tidak boleh mengajarkan ilmu melainkan kepada penuntut ilmu. Pendapat lain mengatakan tak mengapa mengajar ilmu kepada penuntut ilmu dan yang bukan penuntut ilmu, kerana diakhirnya ilmu itu sendiri hanya akan sampai kepada ahlinya saja.

Seorang sufi tidak harus berbicara dihadrat orang yang lebih alim darinya. Sidi Ibnu Mubarak[1] pernah ditanya satu masalah ketika beliau bersama Sidi Sufian As-Thauri[2], Sidi Ibnu Mubarak lalu berkata : "Bila bersama dengan ustaz (mahaguru) aku tak patut bercakap". Ahli sufi berkata : "Ilmu tasawuf tidak patut dibicarakan melainkan oleh orang yang melafaz perasaan *wajd* (cinta mendalam pada Allah) dan berkata apa yang diamalkan olehnya", dikatakan lagi bahawa : "Barangsiapa yang tiada manfaat pada diamnya, tiadalah manfaat pada bicaranya".

Antara adab yang patut dijaga lagi ialah seorang sufi tidak patut mengajar ilmu sebelum layak menjadi guru, kerana ditakuti akan mendatangkan kesan negatif yang nanti menghalang faedah darinya. Dan lagi dilarang keras bagi seorang alim mencari kedudukan dan kemasyhuran disisi masyarakat atau penguasa kerana ALLAH akan mencabut manfaat dari ilmunya. Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah memohon perlindungan ALLAH dari ilmu yang tidak bermanfaat, Baginda bahkan bersabda :

---

[1] - Abdullah Ibnu Mubarak bin Wadhih Al Hanzhali. Wafat tahun 181H. Ulama agung dalam pelbagai bidang ilmu Islam dari generasi tabi'in, seorang pedagang dan mujahid. Umurnya dihabiskan dengan menuntut ilmu, mengajar, mengembara berjihad, berniaga dan naik haji. Pahlawan perang yang terkenal dengan sifat dermawan. Ulama pertama mengarang dalam bab jihad. Meninggal dunia di Hayt, Iraq ketika dalam perjalanan pulang dari berperang di negeri Rom.

[2] - Sufian bin Said bin Marwan عليه السلام Thauri. Amirul Mukminin dalam ilmu hadis dan mahaguru semua bidang ilmu Islam, penghulu orang bertaqwa di zamannya. Wafat tahun 161H di Basrah.

من طلب العلم ليماري به العلماء أو يجاري به السفهاء أو ليصرف به وجوه الناس إليه
فليتبوأ مقعده من النار

Barangsiapa menuntut ilmu untuk berdebat dengan ulama, atau memperlekeh orang jahil, atau supaya dia menjadi orang terpandang maka tempahlah tempatnya di neraka. - Al-Jami'us Saghir

Dan lagi adab yang perlu dijaga hendaklah seorang sufi itu bersungguh-sungguh beramal dengan ilmu yang telah dipelajari dan didengarnya. Kaum sufi berkata : "Siapa yang mendengar satu maklumat dari ilmu sufi lantas diamalkan olehnya nescaya ilmu itu akan menjadi hikmah di dalam hatinya, kemudian bila orang lain mendengar darinya mereka akan beroleh manfaat. Sebaliknya bagi siapa yang mendengar sesuatu dari ilmu sufi tapi tidak diamalkan, ia hanya menjadi hikayat yang dapat dihafal beberapa hari kemudian lupa". Pepatah sufi ada menyebut : "Kata-kata yang terpancar dari lubuk hati akan turun ke hati jua, apa yang terluncur dari lidah hanya melepasi corong telinga".

Sidi As-Syibli[1] menceritakan bahawa Sidi Ruwaim bertanya kepada Sidi Al-Junaid *rahimahumALLAH* : "Berapa banyak tuan menyerukan ALLAH kepada manusia ramai?" Jawab Sidi Al-Junaid : "Yang aku lakukan ialah menyerukan manusia ramai dihadapan ALLAH," kemudian Sidi Al-Junaid berkata lagi : "Manusia-manusia yang menghabiskan jiwa mereka menuntut kepentingan diri dan mata mereka asyik menonton keduniaan maka bagaimanakah mahu berzikir mengingat ALLAH."

Sidi An-Nuri[2] ditanya : "Mengapa tidak berbicara kepada para ihkwanmu?" Beliau menjawab : "Kerana mereka sedang dalam permusafiran yang sepi."

Diceritakan dalam satu majlis Sidi Al-Junaid, Sidi As-Syibli [tiba-tiba] menyebut lafaz ALLAH, maka berkatalah Sidi Al-Junaid : "Jika sebutanmu ini dalam keadaan sedar maka ini dikira meninggalkan kesopanan, jika tidak sedarkan diri maka tidak sedarkan diri itu haram." Sidi Abu Bakar As-Syibli bertanya kepada Sidi Al-Junaid tentang satu masalah, maka jawab Sidi Al-Junaid : "Jarak antaramu dengan para pembesar (sufi) ialah sepuluh ribu *maqam*, *maqam* yang pertama ialah memadamkan apa yang engkau mulakan ini."

---

[1] - Abu Bakar Dalf Bin Jahdar As-Syibli, wafat di Baghdad tahun 334H. Sebelum menjadi seorang sufi beliau pernah menyandang jawatan gabenor dan setiausaha sulit khalifah Al-Muwaffaq Al-Abbasi.

[2] - Abul Husein Ahmad Bin Muhammad An-Nuri, wafat tahun 295H. Ulama sufi yang bergandingan dengan Sidi Al-Junaid di Baghdad.

Syathahat Sufi

Kata-kata *syathahat* (latahan)[1] yang diriwayatkan dari kaum sufi seperti Sidi Abu Yazid Al-Busthami adalah sesuatu yang tidak boleh dijadikan pegangan. Hukumnya : tidak boleh diterima juga tidak boleh ditolak kerana ucapan sebegini berlaku ketika seorang sufi tak mampu mengawal diri akibat kekuatan *hal* yang menyelubungi dirinya ketika terlalu mabuk dan terlalu cinta dengan ALLAH.

Sidi Sahl bin Abdullah berkata : "Ilmu itu tiga bahagian ; pertama ilmu dari ALLAH yaitu ilmu yang zahir seperti suruhan, larangan serta hukum-hakam. Kedua ilmu bersama ALLAH yaitu ilmu khauf, raja', mahabbah dan syauq. Ketiga ilmu tentang ALLAH yaitu tentang sifat-sifat ALLAH dan peri kelakuanNya.".

Ahli sufi berkata :

- "Ilmu zahir ialah ilmu tariqat (jalan menuju Allah) sedangkan ilmu batin ialah ilmu *manzil* (persinggahan dalam perjalanan)."
- "Ilmu batin adalah ambilan dari ilmu yang zahir. Maka apa saja batin yang tidak berdasarkan ilmu zahir adalah perkara batil".

Pepatah sufi ada menyebut :

- Siapa mendengar dengan telinga akan berhikayat, siapa mendengar dengan hati dapat memberi nasihat, manakala orang yang beramal dengan (ilmu) yang didengar telah mendapat petunjuk lagi memberi petunjuk.
- ALLAH yang Maha Alim menyeru kita beramal, jika seruan tak diendahkan Dia pun mengucap selamat tinggal.
- Ilmu bererti mengetahui sesuatu tepat seperti keadaannya.
- Akal yang jernih mampu memandang dengan tepat, ia merupakan satu kekuatan di dalam hati. Pandangan ini dapat membezakan kebenaran dan kebatilan, memisahkan kebaikan dan keburukan. Ibarat mata lahir yang dapat berfungsi begitulah akal yang memandang dengan mata hati.
- Orang alim contoh tauladan, orang arif petunjuk kehidupan.
- Ilmu itu saksinya khabar, makrifat itu saksinya pengalaman.
- Orang warak boleh ditipu, orang berakal tidak begitu.
- Akal ialah alat yang dapat menjauhkanmu dari lembah kecelakaan.
- Asal akal umpama diam-diam ubi berisi ; batinnya menyimpan rahsia, zahirnya mengikut sunnah.
- Jika nafsu telah berkuasa akal waras tidak menjelma.
- Orang yang sedikit akalnya akan banyak mengganggu.
- Jika kamu mahu mengenal seseorang itu berakal atau tidak maka ceritakanlah kepadanya benda mustahil, jika dia menerimanya maka itulah orang yang bodoh.
- Jika engkau merasa perlu kepada ilmu seseorang maka janganlah ditilik keaibannya. Jika keaibannya yang engkau pandang hilanglah berkat dan manfaat dari ilmu yang kau perolehi darinya.

---

[1] - Ungkapan yang salah pada zahirnya, yang diucap dalam keadaan tidak sengaja, contohnya : "Ya ALLAH, aku adalah tuhan dan Engkau adalah hamba", "ALLAH tidak ada, yang ada hanya Aku…"…

Adab Ahli Sufi Ditahap Pemula

Apabila seorang murid telah sedar dari kealpaannya maka perkara pertama yang mesti dilakukan ialah mencari seorang guru atau syeikh mursyid di zamannya, yang dipercayai soal agamanya, diketahui ramai sebagai orang yang ikhlas memberi nasihat dan amanah serta arif mengenai jalan menuju ALLAH. Jika berjaya menemui guru mursyid maka hendaklah seorang murid itu menyerah diri berkhidmat padanya, tidak berfikir untuk menyalahi mursyid seterusnya bersikap jujur dengannya.

Maka sesudah itu wajiblah bagi si guru mursyid mengenalkan murid cara-cara untuk kembali kepada Tuhan dan memandunya ke jalan ALLAH. Guru mursyid hendaklah memudahkan murid menempuh perjalanannya, mengajarkan syariat Islam kepadanya ; soal halal haram dan yang paling utama dalam menyucikan hal makan minum dan pakaian kerana inilah yang akan membantu peningkatan si murid. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

طلب الحلال فريضة بعد الفريضة

Mencari rezeki yang halal adalah fardhu sesudah fardhu

Ahli sufi berkata : "Mencari yang halal adalah kewajiban semua orang, tapi bagi kaum sufi meninggalkan yang halal itu satu kewajiban kecuali mengambil setakat yang perlu". Kemudian guru mursyid harus menyuruh murid mengqadha' amalan fardhu yang selama ini telah ditinggalkan dan mengembalikan hak orang lain yang diambil secara zalim. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

رد دانق من حرام يعدل عند الله سبعين حجة

Mengembalikan wang seperenam dirham yang diambil secara haram
nilainya disisi ALLAH ibarat mengerjakan haji tujuh puluh kali.

Jika pernah memukul orang lain, mencederakan atau mencacatkan anggota maka si murid mesti sedia dihukum *qishas*. Jika dosanya pernah mengumpat, mengata atau mencela maka mesti meminta maaf kepada yang berkenaan serta istighfar.

Sesudah itu guru mursyid harus mengajarnya mengenal diri dan cara mendidiknya dengan latihan-latihan jiwa. Diri atau nafsu manusia punya dua tabiat : tenggelam dalam syahwat serta degil dari membuat taat. Cara menjinakkan nafsu mestilah dengan mujahadah ; yaitu menghentikan tabiat nafsu yang sudah mendarah daging, memaksa nafsu melakukan ketaatan yang tidak disukai, menahan nafsu dari keinginan syahwat, menyeret nafsu untuk menanggung kepayahan, meneguk kepahitan ; dengan banyak berwirid, sentiasa berpuasa dan banyak solat nawafil disamping terus menyesali kesalahan masa lalu serta meninggalkan kebiasaan lama yang buruk.

Jika waktu lalai banyak tidur, selalu kenyang dan hidup senang maka sekarang perlu berkerja keras untuk diganti dengan qiyamullail, berlapar dan hidup susah. Dengan ini si murid akan tergolong dalam golongan ahli taubat yang diistimewakan mendapat kasih sayang dari ALLAH Taala

إن الله يحب التوابين

Sesungguhnya ALLAH mencintai orang-orang yang bertaubat
- Surah Al-Baqarah : 222

juga menjadi kalangan mereka yang ALLAH gantikan kejahatannya dengan kebaikan. Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

ليتمنين أقوام أنهم أكثروا من السيئات. قيل من هم يا رسول الله؟
قال : الذين يبدل الله سيئاتهم حسنات

"Di Akhirat nanti ada manusia-manusia yang rasa menyesal dulu di dunia tak lebih banyak membuat kejahatan", lantas sahabat bertanya : Siapa mereka ya Rasulullah? Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم : "Mereka ialah kaum yang ALLAH gantikan kejahatan mereka menjadi kebaikan". - riwayat Bukhari & Muslim

Dengan ini juga seorang murid akan termasuk dalam golongan mereka yang didoakan malaikat penjaga arash, seperti yang difirmankan di dalam Al-Quran :

فاغفر للذين تابوا واتبعوا سبيلك... ذلك هو الفوز العظيم

Ya ALLAH, ampunilah mereka yang bertaubat dan mengikut jalanMu… itulah kemenangan yang agung. - Surah Ghafir : 9-10

Demikianlah penghargaan besar kepada mereka yang bertaubat apabila ALLAH menjadikan para malaikat penjaga arash berkerja mendoakan mereka. Inilah perkerjaan yang mesti dibuat dan inilah perlumbaan yang harus disertai.

Taubat merupakan amalan wajib bagi setiap orang beriman, firman ALLAH Taala :

وتوبوا إلى الله جميعا أيها المؤمنون

Wahai semua orang yang beriman hendaklah kamu bertaubat kepada Allah…
-Surah An-Nur : 31

ومن لم يتب فأولئك هم الظالمون

Dan mereka yang tidak bertaubat itulah kaum yang zalim. - Surah Al-Hujurat : 11

Ulama sufi berkata : "Lalai dari taubat sesudah melakukan dosa itu lebih besar dari dosa yang kamu kerjakan, barang siapa mati sebelum sempat bertaubat maka terpulanglah bagi ALLAH yang akan menentukan nasibnya :

إن ربك لذو مغفرة للناس على ظلمهم

Demi sesungguhnya Tuhanmu itulah yang berkuasa
memberi keampunan atas kezaliman manusia. - Surah Ar-Ra'ad : 6

peluang taubat tetap terbuka selagi nyawa belum sampai ke halkum dan pintunya masih belum ditutup. Bila pintu taubat telah ditutup tiada gunanya lagi kalau baru mau beriman atau baru mau beramal.

Sesudah melakukan taubat seorang murid harus bersikap warak dalam semua hal serta meyakini bahawa ALLAH Taala menghisab segala perbuatannya dengan teliti. Firman ALLAH :

وإن كان مثقال حبة من خردل أتينا بها وكفى بنا حاسبين

…Dan kalau ada amalan walaupun sebesar biji zarrah (atom) akan Kami hitung jua. Dan cukupah Kami yang membuat perhitungan – Surah Al-Anbiya : 47

Apabila sudah mantap di maqam taubat dan warak mulalah si murid untuk masuk ke maqam zuhud dimana sudah sampailah masa untuknya memakai *muraqqa'ah*[1], jika mahu. Apabila sanggup memakai pakaian ini adab-adabnya kenalah dijaga supaya sipemakai tidak menjadi

[1] - Al Muraqqa'ah : pakaian khas kaum sufi. Dinamakan muraqqa'ah kerana bertampung-tampung.

seperti kacukan[1] atau dipakai untuk menunjuk-nunjuk. Malang sekali sekarang[2] kaedah ini sudah tidak diambil kira ; peraturan sufi telah diabaikan, tiada apa yang mau diistimewakan lagi. Yang mengikut setuju saja supaya disenangi yang diikut, yang diikut pun setuju saja demi mencari redha pengikut, maka inilah punca kerosakan dan kedegilan.

Untuk menghindar perkara yang tersebut maka pemakai *muraqqa'ah* mesti terlebih dahulu telah :

- memperelok budi pekertinya dengan adab kesopanan,
- telah menjinakkan nafsunya dengan berbagai mujahadah,
- telah berpengalaman menanggung kepayahan, penderitaan, merasai kepahitan,
- telah melepasi beberapa tingkatan maqam yang ditetapkan,
- telah menerima didikan dari guru mursyid yang layak dicontohi,
- telah berteman dengan kaum sufi yang jujur
- dan telah belajar hukum hakam agama.

Sebelum memenuhi kriteria yang telah disenaraikan tadi haramlah bagi seseorang menampilkan diri sebagai syeikh sufi dan ahli *iradah* kesufian. Ulama sufi berkata : "Siapa yang tidak melihat keaiban sendiri dan kebodohan nafsunya lagi tidak berusaha membaiki keadaannya dengan mujahadah maka orang ini adalah biadap. Orang sebegini tidak harus dijadikan ikutan".

Selanjutnya mulalah dirinya bermujahadah dan sentiasa memeriksa apakah jiwanya meningkat atau menurun. Sentiasalah merujuk kepada guru mursyid dan melaporkan perkembangan dirinya baik yang positif maupun negatif. Pepatah sufi ada berkata : "Tidaklah cerdik bagi seorang pesakit yang enggan menceritakan sakitnya kepada tabib". Diriwatkan bahawa Syeikh Abu Muhammad bin Salamah RH berkata : "Pada sehari semalam jika seorang murid tidak muzakarah (ilmu sufi) begian-begian jumlahnya maka murid sebegini masih belum menempuh perjalanan (menuju Allah)". Diceritakan bahawa sekumpulan murid-murid datang mengadap Sidi As-Syibli lalu beliau mendapati mereka dalam keadan lalai kerana tidak bermuzakarah. Sidi As-Syibli pun berkata :

كفى حزنا بالواله الصب أن يرى * منازل من يهوى معطلة قفرا

pilunya hati sang pencinta kerana matanya melihat
halaman kekasih gersang dan kontang

Kemudian murid hendaklah menuntut dirinya menempuh *maqam-maqam* kesufian mengikut urutannya. Janganlah berpindah dari satu maqam kepada yang lain melainkan terlebih dahulu menguasai segala adabnya, contohnya sebelum mempraktikkan maqam zuhud terlebih dahulu kenalah menyempurnakan maqam warak, demikianlah dengan yang lainnya supaya muamalah benar-benar masuk ke hati.

Ulama sufi menyebutkan : "Mengerjakan gerakan hati lebih terpuji dari mengerjakan gerakan lahir". Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

لو وزن إيمان أبي بكر بإيمان أهل الأرض لرجح بهم

Kalaulah iman Abu Bakar ditimbang dengan iman seluruh penduduk bumi
nescaya imannya yang lebih berat. - Kanzul Ummal

[1] - Maksudnya jangan berpakaian ahli sufi tapi berperangai ahli dunia.
[2] - Di zaman pengarang iaitu kurun ke 6 hijrah.

Sabdanya lagi :

ما فاق أبو بكر بكثرة الصلاة والصيام ولكن بشيء وقر في قلبه

Tidaklah kelebihan Abu Bakar itu kerana banyak solat dan puasanya, tapi kerana apa yang tersemat dilubuk hatinya.

Kerana itulah di hari wafat Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم *hal* Saiyidina Abu Bakar tidak sama dengan *hal* para sahabat yang lainnya ; (dengan keteguhan jiwanya) beliau naik ke atas mimbar memuji-muji ALLAH lalu berkata : "Barangsiapa menyembah Muhammad maka sesungguhnya Muhammad telah mati, tapi barangsiapa menyembah ALLAH maka sesungguhnya ALLAH Maha kekal dan tidak mati!". Inilah dia Saiyidina Abu Bakar yang telah memerangai golongan murtad hingga Islam kekal terpelihara

Ulama sufi berkata : "Jika muamalah benar-benar masuk ke hati, jasad lahir akan menjadi tenang". Inilah masanya untuk membangun jiwa, memasuki medan ehwal para sufi, menjaga rahsia dan mengira nafas sepertimana yang disebutkan : "Ibadah seorang fakir (sufi) ialah menafikan lintasan hati".

Ambillah perhatian serius -wahai murid-, janganlah kata pujian orang lain merosakkan awal perjalananmu (menuju Allah). Ketepikan itu semua kerana seorang murid harus tahu diri. Pepatah sufi menyebutkan : "Mendengar kata orang dan melihat dengan mata kepala ; dua perkara yang jauh berbeza". Seterusnya seorang murid harus membiasakan dirinya berpuasa di siang hari, qiyamullail dan berkhidmat kepada rakan. Sidi Al Junaid menyebutkan : "Siapa yang tidak membiasakan diri dengan puasa dan qiyamullail maka dia ibarat berangan-angan mahu mencapai apa yang tidak layak untuk dirinya".

Seorang murid mesti mengisi masanya dengan amal kebaikan, sesungguhnya masa yang telah berlalu tidak mungkin dapat diganti. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

لا ينبغي للعاقل أن يكون شاخصا إلا في ثلاث ؛ مرمة للمعاش،
أو تزود للمعاد أو لذة في غير محرم

Orang berakal tidak harus membuka matanya melainkan pada tiga perkara : pertama memperbaiki mutu kehidupan, kedua mencari bekalan akhirat dan ketiga kesukaan yang tidak haram.

Saiyidina Ali رضي الله عنه berkata : "Sayugia bagi seorang mukmin membahagikan waktu siangnya kepada empat perkara ; pertama munajat kepada Tuhan, kedua mengkoreksi diri sendiri, ketiga mendatangi ulama yang dapat mengajarnya tentang ALLAH dan memberi nasihat untuknya dan yang keempat untuk mengurus peribadi dengan perkara yang disukai ; halal dan baik".

Sidi Al-Jariri[1] menceritakan : Satu hari aku menemui Sidi Al-Junaid, aku lihat beliau sedih lalu aku pun bertanya : "Mengapa Tuan?", jawab beliau : "Aku tertinggal wirid…". Aku berkata : "Gantilah sekarang". Maka jawab beliau : "Bagaimana mungkin itu?! Masa yang pergi tak mungkin kembali".

Pepatah sufi mengatakan : "Kalau seorang itu jujur, selangkah dia mara nescaya tak dapat dipintas lagi". (Dengan ertikata lain) wajiblah bagi seorang murid sentiasa melazimi wirid secara zahir, batinnya pula mesti penuh dengan *iradat* sehingga sampailah *waridat* kepadanya. Apabila

[1] - Abu Muhammad Ahmad bin Muhamad bin Al Husain Al Jariri, wafat tahun 311H. Antara murid terkanan dari Sidi Junaid. Sesudah Sidi Al Junaid wafat beliaulah yang mengganti posisinya.

sudah mencapai *waridat*, wirid dan *iradat* tidak lazim lagi buatnya. Diceritakan bahawa seorang syeikh melihat muridnya memegang tasbih, syeikh pun berkata : "Apa yang kamu lakukan?". Jawab murid : "Hamba membilang zikir tasbih". Maka kata syeikh : "Sayugia yang kamu bilang ialah kesalahanmu, bukannya tasbih".

Hendaklah seorang murid sentiasa mencari peluang untuk berkhidmat kepada teman-temannya, bahkan ini lebih utama untuknya dari amalan sunat. Saiyidatina Aisyah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa :

ما رئى رسول الله صلى الله عليه وسلم فارغا في أهله ؛
إما أن يخصف نعلا لمسكين أو يخيط ثوبا لأرملة

Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم tidak pernah kelihatan ada masa kosong bersama keluarga ; beliau samada dilihat sedang membaiki kasut orang miskin atau menjahitkan pakaian untuk janda yang malang.

Sidi Abu 'Amru Az-Zujaji[1] bercerita : Aku pernah tinggal bersama Sidi Junaid untuk satu tempoh yang lama. Sepanjang masa beliau tidak pernah melihat keadaanku melainkan aku sedang sibuk menjalankan satu ibadat, kerana itulah beliau tidak pernah menegurku sehinggalah satu hari tempat penginapan telah ditinggalkan oleh semua jemaah selain aku. Aku lantas bangun menanggalkan pakaian ; kawasan itu kusapu bersih dan kurenjis dengan air, begitu juga bilik air aku cuci semuanya. Apabila Sidi Al Junaid pulang beliau melihat kesan debu pada badanku. Beliau lantas memanggil aku dengan gembira seraya mendoakan kebaikan. Tiga kali beliau mengulang kata-katanya : "Bagus! Inilah yang patut kamu kerjakan! Inilah dia!".

Makruh bagi seorang murid meninggalkan guru mursyidnya sebelum mata hatinya terbuka, jadi haruslah dia bersabar dalam berkhidmat kepada mursyid serta menerima segala suruhan dan larangannya.

Ulama sufi berkata :

- "Jika tidak beradab menerima perintah dan didikan guru maka sseorang itu takkan dapat beradab dengan Al-Quran dan As-Sunnah".
- "Tanda murid sejati ialah dengar dan taat kepada penunjuk jalan serta menyerah urusan rawatan kepada tabib[2]".
- "Jika engkau melihat seorang murid masih lekat dengan syahwat lagi mengusahakan kepentingan diri, maka inilah pembohong. Jika engkau melihat seorang *mutawassith* (diperingkat pertengahan) cuai menjaga hati dan mengawal ehwalnya, maka ini juga pembohong. Jika engkau melihat pembicara makrifat tapi penerimaannya terhadap pujian dan kejian berbeza, begitu juga bila diterima atau ditolak tidak sama, maka ini jua pembohong".

Sidi Al Junaid berkata : "Kalaulah bukan kerana adanya bukti-bukti tertentu nescaya siapa saja boleh mendakwa diri menempuh jalan tarikat (menuju Allah)". Firman ALLAH Taala :

فلعرفتهم بسيماهم ولتعرفنهم في لحن القول

...dan kamu benar-benar dapat mengenal mereka dengan tanda-tandanya, dan kamu benar-benar dapat mengenal mereka dengan kiasan-kiasan perkataan mereka.
- Surah Muhammad : 30

---

[1] - Abu Amru Az Zujaji ; Muhammad bin Ibrahim bin Yusuf, ulama sufi kelahiran Nisabur. Berguru dengan Sidi Al Junaid, Sidi Al Khawwas dan Sidi Ruwaim. Berhijrah ke Mekah hingga terkenal menjadi ulamanya. Naik haji sekitar 60 kali, wafat tahun 348H.

[2] - Penunjuk jalan dan tabib yang dimaksudkan ialah guru mursyid.

Dan patutlah diingat bahawa seseorang itu takkan sah padanya apa-apa *hal* kesufian, *maqam* atau apa jua ibadah melainkan disertai ikhlas yang bererti menyucikan amalan dari menginginkan pandangan makhluk. Diriwayatkan sebuah hadis qudsi dari Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

يقول الله تعالى : أنا أغنى الشركاء عن الشرك ؛
فمن عمل لي عملا أشرك فيه معي غيري فأنا بريء منه ومن عمله

Firman ALLAH Taala : Akulah yang Maha Suci dari syirik ; maka barangsiapa beramal untukku tapi disertakan juga amalan itu kerana yang lain maka Aku berlepas diri darinya dan dari amalannya.

Ulama sufi berkata : "Apa jua yang benar bila dicampur dengan yang batil maka nilai kebenarannya akan hilang lalu perkara itu menjadi batil sepenuhnya, kerana kebenaran itu bersifat cemburu". Namun tidak salah kalau dari ibadah dan *ahwal*nya itu terzahir kesannya tanpa ada niat untuk dizahirkan.

Keikhlasan tulin hanya dapat dicapai apabila mengerti betapa makhluk itu tidak berharga apa-apa, lemah lagi tidak memberi manfaat maupun mudharat seperti yang disifatkan oleh Nabi Ibrahim Al-Khalil عليه السلام dalam Al-Quran :

لم تعبد ما لا يسمع ولا يبصر ولا يغني عنك شيئا

Mengapa engkau menyembah sesuatu yang tidak mendengar dan melihat lagi tidak dapat memberi kebaikan apapun kepadamu?
- Surah Maryam : 42

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

لا يجد أحدكم حلاوة الإيمان حتى يعلم أن ما أصابه لم يكن ليخطئه وما أخطأه لم يكن ليصيبه

Siapa pun dikalangan kamu takkan dapat merasa kemanisan iman hinggalah dia meyakini bahawa apa jua yang menimpanya takkan berlaku jika bukan telah ditetapkan (oleh Allah), begitu juga sebaliknya ; apa yang terlepas darinya takkan terlepas melainkan dengan ketentuan (Allah).

Baginda juga bersabda :

إن من ضعف اليقين أن ترضي الناس بسخط الله وأن تحمدهم على رزق الله تعالى، وتذمهم على ما لم يؤتك الله. إن رزق الله لا يجره إليك حرص حريص ولا يدفعه عنك كراهة كاره.

Antara tanda lemah keyakinan ialah kamu mencari keredhaan manusia dengan kemurkan ALLAH, kamu memuji mereka atas rezeki yang ALLAH kurniakan, kamu mencerca mereka terhadap apa yang ALLAH tidak berikan padamu ; sesungguhnya rezeki ALLAH itu takkan dapat didatangkan kepadamu oleh siapa yang menyukaimu, juga tidak dapat dihalang oleh siapa yang membencimu.

Firman ALLAH Taala :

وإن يمسسك بضر فلا كاشف له إلا هو وإن يردك بخير فلا رادّ لفضله

Jika ALLAH menimpakan sesuatu kemudaratan kepadamu, maka tidak ada yang dapat menghilangkannya kecuali Dia, dan jika ALLAH menghendaki kebaikan bagimu maka tak ada siapa yang dapat menolak kurniaNya…- Surah Yunus : 107

Mengenal Diri Dan Rawatannya

Haruslah bagi seorang murid mengawal nafsu dan mengenal segala sifatnya kerana sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak untuk melakukan kejahatan walaupun keatas orang yang amat dalam pengetahuan terhadap nafsunya. Hatta Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم mengawal dirinya dari nafsu serta memohon perlindungan ALLAH Taala dari kejahatannya. Saiydina Ali bin Abi Thalib pernah berkata : "Perumpamaan diriku dengan nafsuku ibarat gembala dengan kambing-kambingnya ; bila dikumpul setempat ada saja yang bertempiaran". Sidi Abu Bakar Al-Warraq[1] berkata : "Dalam semua hal nafsu mahu menunjuk-nunjuk, dalam kebanyakan hal nafsu adalah munafik, dalam sebahagian hal nafsu adalah mushrik". Sidi Al-Washiti[2] pula berkata : "Nafsu ibarat berhala ; syirik kalau memberi muka kepadanya, jika dikoreksi menjadi ibadah".

Ulama sufi berkata : "Sifat nafsu menzahirkan kebaikan menyembunyikan kejelekan, ibarat bara api ; warnanya menarik hati, tapi awas ia membakar. Nafsu kalau dihukum akan merayu untuk bertaubat dan merujuk, kalau dibiarkan menjadi degil, makin melampau dengan kemahuannya". Firman ALLAH Taala :

وإذا أنعمنا على الإنسان أعرض ونأى بجانبه وإذا مسه الشر فذو دعاء عريض

Dan apabila kami memberikan nikmat kepada manusia ia berpaling dan menjauhkan diri, tetapi apabila ia ditimpa malapetaka maka ia banyak berdoa. - Surah Fussilat : 51

Pepatah sufi mengatakan : "Nafsu ibarat air jernih yang tidak mengalir ; jika dikacau air itu akan naiklah keladaknya dan terbitlah bau busuknya".

Ketahuilah bahawa nafsu itu sifatnya musuh lagi mau menyaingi ALLAH Taala. ALLAH menyuruh hamba-hambaNya memuji dan menghargai zatNya lalu nafsu pun minta dipuji dan dihargai. ALLAH menuntut hamba-hambaNya jangan melanggar perintah dan laranganNya lalu nafsu pun menuntut perintah dan larangannya mesti dipenuhi. ALLAH menyuruh para hambaNya beramal setulus hati berhabis-habisan kepadaNya lalu nafsu pun menuntut perkara yang sama. ALLAH mau dari hamba-hambaNya agar menjadikan hanya Dia yang dicintai dan hanya Dia yang ditakuti lalu nafsu pun membuat tuntutan serupa dari kita.

Ada pendapat mengatakan bahawa nafsu adalah perasaan yang halus diletak dalam acuan hati, ia menjadi tempat untuk akhlak mahmudah sepertimana mata untuk melihat, telinga untuk mendengar dan hidung untuk menghidu. Ulama sufi berkata : "Roh adalah sumber kebaikan manakala nafsu sumber kejahatan. Akal sebagai tentera roh, keinginan-keinginan diri pula menjadi tentera nafsu. Kalau ALLAH memberi taufik maka roh akan mendapat kekuatan, jika tewas maka yang kuat ialah nafsu. Hati pula akan tunduk kepada pihak yang menang".

Ketahuilah bahawa setiap perkara itu samada :

1- jelas kebaikannya maka wajib diteruskan,
2- jelas keburukannya maka wajib dihindarkan,
3- samar-samar hakikatnya maka wajib ditinggalkan sehingga ilmu atau akal dapat menjelaskan baik dan buruknya.

---

[1] - Abu Bakar Al-Warraq ; Muhammad bin Umar Al Hakim. Ulama sufi berasal dari Termez. Berguru dengan Sidi Ahmad bin Khadrawaih.

[2]- Abu Bakar Al-Wasithi ; Muhammad bin Musa. Ulama sufi besar dari kalangan murid Sidi Al Junaid yang terkanan. Berasal dari Ferghana, wafat tahun 331H. Perbahasan beliau mengenai usul ilmu tasawuf amat mengagumkan.

Ulama sufi berkata : "Kalau kamu menjadi ragu terhadap dua pilihan ; mana satukah yang terbaik, maka lihatlah yang paling tidak sesuai dengan nafsumu, itulah yang mesti dipilih kerana itulah yang terbaik".

Seorang murid mesti bermujahadah membuang perangai mazmumah nafsu seperti ego, bakhil, loba, angan-angan, keras kepala, hasad, riya', pura-pura suka bergaduh, mengumpat, mencetus perkelahian, buruk sangka, tdak tahu malu dan lain-lain mazmumah supaya dapat diganti dengan akhlak mahmudah. Semoga ALLAH memberi taufik.

Adab Pergaulan Sufi

وحدة الإنسان خير من * جليس سوء عنده
وجليس الخير خير من * جلوس المرء وحده

Menyendiri itu lebih baik dari bergaul dengan teman yang buruk
Berteman dengan yang baik lebih utama dari duduk menyendiri

Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

المرء على دين خليله فلينظر أحدكم من يخالل

Bagaimana nilai agama seseorang itu akan dipengaruhi oleh temannya,
oleh itu lihatlah dengan siapa kamu berteman.

المؤمن يخالط الناس ويصبر على أذاهم خير من المؤمن الذي لا يخالطهم
ولا يصبر على أذاهم وفي الكل خير

Orang mukmin yang bergaul dengan manusia serta bersabar dengan karenah mereka itu lebih utama dari mukmin yang tidak bergaul dan tidak bersabar dengan karenah orang lain. Apapun kedua jenis orang mukmin ini adalah baik.

لا خير فيمن لا يألف ولا يؤلف

Tiada kebaikan bagi orang yang tidak mesra dan tak dapat dimesrai

Sidi Abu Hafs An-Nisaburi[1] ditanya mengenai aturan kefakiran dan peradaban *fuqara* sufi dalam pergaulan, beliau menjawab : "Menjaga kehormatan para syeikh, elok kelakuan dengan ikhwan, menasihati yang muda, tidak bergaul dengan orang yang tidak sefaham, lazim mengutamakan kepentingan kawan, tidak menyimpan, bertolong-bantu dalam perkara dunia dan agama."

[1] - Amru Bin Salamah Abu Hafs An-Nisaburi, ulama agung dan imam terkemuka di zaman salafus soleh, wafat tahun 270H.

Aturan Persahabatan Sufi

Aturan mazhab ahli sufi antara lain menganjurkan murid untuk berkawan dengan orang yang sama tujuan dan dapat dicontohi kebaikannya. Ulama sufi berkata : “Orang yang paling utama dijadikan teman ialah yang satu iktikad dengan iktikadmu dan apabila bersama kamu dapat menghormatinya ; firman ALLAH Taala :

ولا تؤمنوا إلا لمن تبع دينكم

Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikuti agamamu…

- Surah Aali Imran : 73

Dan janganlah bergaul dengan orang yang mengingkari mazhab sufimu sekalipun dia saudara dekat. Lihatlah ketika Nabi Nuh berkata : “Ya Tuhanku, sesungguhnya anakku termasuk keluargaku…”, namun ALLAH menafikannya seraya berfirman : “…sesungguhnya dia bukan termasuk keluargamu…”. Diriwayatkan apabila turun ayat :

لا تجد قوما يؤمنون بالله واليوم الآخر يوادون من حاد الله ورسوله

Kamu tidak akan mendapati satu kaum yang beriman kepada ALLAH dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang ALLAH dan RasulNya…

-Surah Al-Mujadalah : 22

Rasulullah pun berdoa :

اللهم لا تجعل لفاجر عندي يدا فيحبه قلبي

Ya ALLAH janganlah Engkau takdirkan orang jahat berbudi kepadaku supaya hatiku tidak mengasihinya.

Yang harus dipilih menjadi kawan ialah orang yang dapat dipercayai agamanya, mazhabnya, amanah dan warak baik secara zahir maupun batin.

Seterusnya peradaban sufi ialah berkhidmat kepada para ikhwan dan rakan-rakan, meringankan bebanan mereka, sabar dengan karenah mereka, tidak mengingkari mereka kecuali jika menyalahi syariat serta memberi penghormatan sesuai dengan kedudukan masing-masing. Sidi Sufian bin ‘Uyainah[1] berkata : “Siapa yang jahil tentang kedudukan para *rijal* (ahli sufi) sebenarnya lebih jahil terhadap dirinya sendiri”, beliau berkata lagi : “Yang tidak menghargai kedudukan para *rijal* ialah orang yang tak punya harga diri”.

Kawan mestilah disedarkan jika ada keaiban, sebagai kawan kenalah menunjukkan apa baik dan elok untuk kawan. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

المؤمن مرآة المؤمن

Seorang mukmin adalah cermin untuk mukmin yang lain

Saiyidina Umar رضي الله عنه berkata : “Semoga ALLAH merahmati orang yang menunjukkan kepadaku keaiban diriku”.

[1] - Sufian Bin Uyainah Bin Maimun Al-Hilali Al-Kufi, ulama' salaf kelahiran Kufah, hijrah ke Mekah dan wafat di sana. Imam Syafie berkata : "Kalau tiada Imam Malik dan Sufian, habislah ilmu Tanah Hijaz."

Dalam peradaban sufi bila bergaul perlu beradab sesuai dengan kedudukan dan keadaan seseorang. Bergaul dengan golongan syeikh dan yang berkedudukan dalam tasawuf mestilah dengan hormat, adab sopan, khidmat dan mengerjakan urusan-urusan mereka.

Bergaul dengan teman yang setaraf dengan berwajah manis, rasa gembira bermuafakat, berbuat baik dan ihsan kepadanya, bersama mereka kenalah mengikut keadaan semasa. Diceritakan bahawa Sidi Abu Al-Abbas bin Atha'[1] pernah berlunjur kaki ketika bersama teman-temannya, beliau berkata : "Meninggalkan adab waktu bersama ahli adab juga termasuk adab". Sidi Al-Junaid berkata : "Jika kasih sayang benar-benar terjalin soal adab tidak lagi menjadi syarat".

Diriwayatkan bahawa Saiyidina Rasulullah pernah duduk bersantai bersama bersama Saiyidina Abu Bakar dan Umar -*radhiyallahu anhuma*- tiba-tiba Saiyidina Uthman masuk lalu Baginda segera menutup tubuhnya ; mengemaskan baju dan membetulkan duduknya. Apabila ditanya mengenai kelakuan ini Baginda menjawab :

ألا أستحي ممن تستحي منه الملائكة

Tidakkah patut bagiku untuk malu kepada orang yang malaikat pun malu dengannya?

Demikianlah tinggi penghormatan keatas Saiyidina Uthman, walau bagaimana pun keadaan antara Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم dengan para sahabatnya tetaplah lebih murni.

Selanjutnya dalam persaudaraan sufi seorang teman tidak harus bertolak ansur pada perkara yang menyalahi prinsip mazhab sufi. Mengenai ini Sidi Ruwaim[2] pernah berkata : "Kaum sufi sentiasa berada dalam kebaikan jika mereka saling berkrisis, jika mereka berdamai maka semuanya binasa".

Dalam pergaulan kebenaran mesti dipatuhi dan diterima. Diriwayatkan bahawa Khalifah Umar رضي الله عنه mengeluarkan perintah mencabut pancuran air dari atap rumah Saiyidina Abbas bin Abd. Muttalib رضي الله عنه yang menghalang jalan antara Safa dan Marwah. (Perintah dilaksanakan) lalu Saiyidina Abbas membantah kepada beliau : "Apakah tuan mencabut pancuran yang dipasang oleh tangan Baginda Saiyidina Rasulullah SAW?!". Saiyidina Umar (dengan sesal) berkata : "Kalau begitu hanya tanganmu saja yang layak memasangnya kembali, dan tangganya tidak lain melainkan bahu Umar". Dengan itu Saiyidna Abbas pun memasangnya kembali dengan berpijak kepada bahu Khalifah Umar.

Bergaul dengan yang lebih muda dengan belas kasihan, memberi didikan, memimpin mereka melaksanakan aturan mazhab sufi, menegah mereka dari perkara yang tiada kena mengena dengan mereka serta menunjukkan apa yang baik dan berfaedah untuk mereka ; bukan yang sesuai dengan keinginan dan kesukaan mereka. Lihatlah bagaimana ALLAH Taala menegur golongan rabbani dan para rahib apabila mereka tidak menegur kemungkaran yang dilakukan oleh kaum mereka. Firman ALLAH Taala :

لولا ينهاهم الربانيون والأحبار عن قولهم الإثم وأكلهم السحت

Mengapa orang-orang alim mereka, pendeta-pendeta mereka tidak melarang mereka dari mengucapkan perkataan bohong dan memakan yang haram?

- *Surah Al-Ma'idah : 63*

---

[1] - Abu Al- Abbas Bin Atha', ulama besar sufi yang turut berganding dengan Sidi Al-Junaid. Wafat tahun 309H.

[2] - Ruwaim Bin Ahmad Bin Yazid Bin Ruwaim, wafat tahun 330H. Syeikh sufi kenamaan di kota Baghdad.

Bergaul dengan guru mursyid dengan mentaati suruhan dan larangannya. Pada hakikatnya hubungan antara murid dengan guru ialah khidmat, bukan sebagai teman pergaulan. Sidi Abu Mansur Al Maghribi pernah ditanya : "Berapa lama tuan bergaul dengan Sidi Abu Uthman?", Sidi Abu Mansur menjawab : "Aku tidak bergaul, tapi berkhidmat kepada beliau…". Bekerja mengkhidmati guru adalah kewajiban murid ; hendaklah sabar menerima ketentuannya, tidak menyalahi guru pada yang zahir maupun batin, kata-katanya mesti dipatuhi, merujuk kepadanya dalam tiap perkara bersikap takzim terhadap kehormatannya, tidak membantah guru baik dalam diam maupun terang-terangan. Firman ALLAH Taala :

فلا وربك لا يؤمنون حتى يحكموك فيما شجر بينهم

Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan…- Surah An-Nisa' : 65

Pepatah mengatakan : "Seorang syeikh di tengah kaumnya ibarat nabi di kalangan umatnya". Seorang murid Sidi Al-Junaid pernah bertanya satu masalah kepada beliau, bila dijawab si murid membantah, Sidi Al-Junaid lalu berkata : "Jika kamu tak ber"iman" kepadaku maka tinggalkanlah aku".

Sifat hubungan murid dengan guru mursyid ialah sepertimana para sahabat yang berpegang dengan adab-adab Al-Quran dalam pergaulan mereka dengan Nabi صلى الله عليه وسلم. Firman ALLAH Taala :

لا تقدموا بين يدي الله ورسوله

…janganlah kamu mendahului ALLAH dan RasulNya…

- Surah Al-Hujurat : 1

لا ترفعوا أصواتكم فوق صوت النبي

…janganlah kamu meninggikan suaramu lebih dari suara Nabi…

- Surah Al-Hujurat : 2

لا تجعلوا دعاء الرسول بينكم كدعاء بعضكم بعضا

Janganlah kamu jadikan panggilan Rasul di antara kamu seperti panggilan sebahagian kamu kepada sebahagian yang lain…- Surah An-Nur : 63

Ulama sufi berpesan : "Barangsiapa tidak mentakzim kehormatan guru yang mendidiknya dia takkan mendapat keberkatan dari didikan tersebut". Dipesankan lagi : "Siapa yang berkata kepada mursyidnya "kenapa?" sekali-kali takkan berjaya".

Bergaul dengan khadam yang berkhidmat dengan berlemah lembut, mendoakan, serta janganlah diingkari apa yang terzahir dari dirinya. Saiyidina Anas bin Malik رضي الله عنه berkata : "Aku berkhidmat kepada Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم sepuluh tahun ; tak pernah Baginda bersikap keras terhadapku, tak pernah mengherdik, bila aku melakukan sesuatu baginda tak pernah berkata : "Mengapa kamu lakukan ini?", kalau ada sesuatu yang tidak aku lakukan Baginda tak pernah berkata : "Mengapa kamu tak melakukannya?", kadang-kadang waktu keluar bersama Baginda bergurau memanggilku : "*Ya Abal Uzunain* – wahai bapak dua telinga".

Bergaul dengan orang asing dengan kemesraan, senang hati, wajah ceria, pekerti mulia, dan menghargai keutamaan mereka ; ini kerana mereka telah memilih untuk bertamu kepada kita dan tidak kepada teman sufi yang lain. Kenalah bersungguh-sungguh berkhidmat dan memuliakan tetamu asing, melayan permintaan mereka dan bersabar terhadap keputusan mereka.

Sesungguhnya ALLAH telah memuji kaum Ansar yang menyintai orang-orang yang datang berhijrah kepada mereka, firman ALLAH :

والذين آووا ونصروا أولئك بعضهم أولياء بعض

...dan orang-orang yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada kaum Muhajirin)mereka itu satu sama lain saling lindung melindungi

- Surah Al-Anfal : 72

Bergaul dengan orang jahil dengan kesabaran, berakhlak baik, sanggup melayan karenah, memandang mereka dengan pandangan rahmat, merasai nikmat ALLAH yang tidak menjadikan kita seperti mereka, jangan lekas marah jika menghadapi kejahatan mereka ; contohilah jawapan para nabi yang dicerca oleh kaum mereka sendiri sebagai sesat, berfikiran jahat dan jahil (seperti yang diceritakan dalam Al-Quran) :

يا قوم ليس بي ضلالة...

Nuh menjawab : "Wahai kaumku, tidak ada padaku kesesatan sedikit pun…"

- Surah Al-A'raf : 61

ليس بي سفاهة ولكني رسول من رب العالمين

…tidak ada padaku kekurangan akal sedikit pun, tetapi aku ini adalah utusan dari Tuhan semesta alam.

- Surah Al-A'raf : 67

وإذا خاطبهم الجاهلون قالوا سلاما

...dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata yang baik – Surah Al-furqan : 63

سلام عليكم لا نبتغي الجاهلين

…kesejahteraan atas dirimu, kami tidak ingin bergaul dengan orang-orang jahil.

– Surah Al-Qasas : 55

Makin jahil orang yang kita hadapi makin patut berlembut dengannya. Firman ALLAH Taala :

قل للذين آمنوا يغفروا للذين لا يرجون أيام الله

Katakanlah kepada orang-orang yang beriman hendaklah mereka memaafkan orang-orang yang tiada takut akan hari-hari Allah…- Surah Al-Jaatsiyah : 14

وإن تصبروا وتتقوا فإن ذلك من عزم الأمور

...jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya yang sedemikian itu termasuk urusan yang patut diutamakan. - Surah Aali Imran : 186

Seorang lelaki pernah mencaci Sidi As-Sya'bi[1] hingga melampau batas, beliau pun berkata kepada lelaki tersebut : "Jika benarlah cacianmu itu moga-moga ALLAH mengampuni aku. Jika cacianmu bohong semata semoga ALLAH memaafkanmu".

Bergaul dengan isteri dan anak-anak dengan belas ihsan yang baik, melayan karenah mereka, mendidik dan mendorong mereka berbuat ketaatan. Firman ALLAH Taala :

---

[1] - 'Amir Bin Syarahil Bin 'Abd Zi Kibar As-Sya'bi, penghulu pengriwayatan ilmu di zaman tabi'in. Ahli Feqah dan hadis, qadhi di zaman Khalifah Umar Bin Abd. Aziz. Lahir di Kufah dan wafat di sana pada tahun 103H.

قوا أنفسكم وأهليكم نارا

Wahai orang-orang yang beriman peliharalah diri
dan keluarga kamu dari api neraka…
- Surah At-Tahrim : 6

Tafsiran ayat ini ialah : "…hendaklah kamu mendidik dan mengajar mereka supaya dengan itu kamu boleh melindungi mereka dari api neraka", khususnya terhadap isteri dalam soal hukum ALLAH Taala terhadapnya :

فإمساك بمعروف أو تسريح بإحسان

...sesudah itu bolehlah dirujuk dengan cara yang sepatutnya atau menceraikannya dengan cara yang baik – Surah Al-Baqarah : 229

Begitu jua hendaklah bertanggungjawab memberi nafkah kepada keluarga dari sumber yang halal.

Makruh bagi kaum sufi bergaul dengan anak remaja kerana banyak negatifnya. Maka barangsiapa yang terpaksa berkawan dengan mereka bolehlah bergaul dengan syarat mengambil jalan selamat, mengawal hati dan seluruh anggota, mendorong mereka untuk melatih jiwa dan beradab serta hendaklah menghindar dari bersuka hati dalam pergaulan bersama mereka. Ulama sufi berkata : "Adalah menjadi taufik dan kecerdikan bila anak muda cenderung untuk berkawan dengan orang tua, sebaliknya menjadi kecewa dan bodohlah bila orang tua cenderung berkawan dengan anak muda".

Bergaul dengan para ikhwan dengan seia sekata seboleh yang mungkin, mengenepikan perselisihan kecuali pada perkara yang menyalahi syariat, menjauhi hasad dengki dan melazimi setiap perkara yang dapat menjaga hubungan antara sesama.

Hubungan dengan sultan atau penguasa pula ialah dengan mendengar dan taat kecuali pada perkara maksiat atau yang melangar sunnah. Firman ALLAH Taala :

أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وآولي الأمر منكم

Taatlah kepada ALLAH dan taatlah kepada Rasul,
juga kepada pihak pemerintah di kalangan kamu…
- Surah An-Nisa' : 59

Seterusnya hendaklah mendoakan pemerintah dan tidak bercakap mencela mereka. Diriwayatkan bahawa Sidi Al-Hasan Al-Basri[1] RH telah mendengar khabar kematian Al-Hajjaj[2] lalu berkata : "Semoga ALLAH merahmati orang yang arif di zaman apa dia berada, menjaga lidahnya dan menggelecek pemerintahnya".

Soal masuk mengadap mereka pula, jika penguasa itu adil dia termasuk dalam tujuh golongan yang dilindungi ALLAH dihari tiada perlindungan selain perlindunganNya. Memandang kepada penguasa yang adil adalah ibadah. Manakala penguasa yang zalim pula maka wajiblah dijauhi melainkan bagi yang terpaksa mengadapnya, atau bagi yang datang untuk menasihati dan mengingkari kezaliman jika dapat dipercayai penguasa itu lebih cenderung untuk tidak mengapa-apakan (orang yang datang mengkritiknya).

---

[1] - Al-Hasan Bin Yasar Al-Basri, imam generasi tabi'in, membesar dibawah asuhan Saiyidina Ali Bin Abi Thalib رضي الله عنه Wafat tahun 110H.

[2] - Al-Hajjaj Bin Yusuf As-Tsaqafi, penguasa besar zaman Bani Umayyah. Terkenal dengan sikapnya yang kejam, penumpah darah, cekap dan unggul dalam pentadbiran. Mati tahun 95H.

Diceritakan bahawa khalifah di ibukota Baghdad berkenan mahu melawat Sidi Bishr Al-Hafi[1], bila berita ini sampai kepadanya beliau memberi amaran : "Jika khalifah menyebut lagi namaku nescaya aku takkan lagi tinggal berjiran dengannya dan akan keluar dari kota Baghdad!", (mendengarkan amaran itu) khalifah segera membatalkan niatnya. Ulama sufi berpesan : "Siapa berkongsi kemegahan dunia dengan pemerintah akan berkongsi kehinaan dengannya di hari akhirat". Ulama sufi berkata lagi : "Apabila golongan jahat mendekati golongan soleh ini akan membawa kebaikan untuk kedua belah pihak, sebaliknya jika golongan soleh mendekati golongan jahat ini akan membawa kecelakaan untuk kedua belah pihak".

Siapa terpaksa pergi mengadap golongan pemerintah hendaklah mendoakan mereka menjadi pemerintah yang baik, menasihati, memberi pengajaran dan membantah kesalahan mereka sekadar yang termampu dilakukan. Ada juga dikalangan guru-guru sufi yang mendekati penguasa untuk menunaikan keperluan masyarakat. Diriwayat dari Sidi Zaid bin Aslam[2] RH bahawa beliau berkata : "Ada seorang Nabi dikalangan umat terdahulu menuntun tunggangan raja atas dasar menjinakkan hati baginda supaya keperluan rakyat jelata dapat dipenuhi". Sidi Abu Al-Abbas Ibnu Atha' pula berkata : "Kalau seorang lelaki terpaksa hidup bertahun-tahun dengan bermuka-muka untuk mendapat kedudukan (disisi pemerintah) demi menyelamatkan imannya itu lebih terjamin dari mengusahakan satu amalan yang ikhlas untuk keselamatan diri".

Yang terakhir ialah adab bergaul dengan orang awam ; hendaklah seperti pergaulan Abi Dhamdham yang disabdakan oleh Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

أيعجز أحدكم أن يكون كأبي ضمضم ؛ كان إذا أصبح وأمسى يقول : اللهم إني قد وهبت نفسي وعرضي لك، اللهم إني قد تصدقت بعرضي على عبادك، فمن شتمني لا أشتمه ومن ظلمني لا أظلمه.

Apakah kamu lemah dari menjadi seperti Abi Dhamdham? Setiap pagi dan petang beliau berdoa : Ya ALLAH sesungguhnya aku menyerah diri dan maruahku kepadaMu. Ya ALLAH sesungguhnya aku telah menyedekahkan harga diriku kepada hamba-hambaMu ; siapa yang mencercaku takkan kubalas, siapa yang menzalimiku takkan kubalas".

Sidi Abu Abdullah Bin Khafif menceritakan : "Satu masa aku masuk ke negeri Mekah lalu duduk berbual dengan Sidi Abu Amru Az-Zujaji. Dalam perbualan itu beliau mengkritik aku habis-habisan. Bilamana di tidak berhenti dari kritikannya aku pun berkata ; "Apakah semua kritikan ini ditujukan kepada Abu Abdullah bin Khafif?", beliau berkata : "Ya, dialah maksudku", maka aku pun berkata : "Oh, dia sudah kutinggalkan di Syiraz". Mendengar kataku itu Abu Amru tersenyum". Sidi Syah Bin As-Syuja'[3] berkata : "Siapa yang melihat makhluk dengan pandangan matanya maka panjanglah perbalahan. Siapa yang memandang makhluk dengan pandangan hakikat dia akan dapat memaafkan kelemahan dan tak begitu menghiraukan kekurangan mereka".

---

[1] - Bishr Bin Al-Harith Bin Ali, sufi agung dari zaman salaf, perawi hadis yang jujur. Berasal dari Merw dan wafat di Baghdad tahun 227H.

[2] - Zaid Bin Aslam Al-Adawi Al-Umari, salah seorang ulama Madinah di zaman tabi'in, wafat tahun 137H.

[3] - Syah Bin As-Syuja', Abul Fawaris, salah seorang tokoh sufi kurun ke 3H, murid kepada Sidi Abu Turab An-Nakhsyabi.

Adab Seluruh Anggota Badan

Setiap anggota pada badan manusia ada adab-adabnya. Firman ALLAH Taala :

إن السمع والبصر والفؤاد كل أولئك كان عنه مسؤولا

...sesungguhnya pendengaran, pengelihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertangungjawabnya. – Surah Al-Isra' : 36

Ulama sufi menyebutkan : "Keelokan budi pekerti kepada ALLAH ialah jangan ada anggota tubuhmu yang bergerak pada sesuatu yang tidak diredhai Allah".

- **Adab Lidah**

Adab lidah ialah sentiasa basah dengan zikrullah, menyebut-nyebut kebaikan para ikhwan dan mendoakan mereka, memberi nasihat dan pengajaran dan tidak bercakap apa yang dibenci oleh mereka. Diriwayat dalam sebuah hadis :

أن رجلا قال للنبي صلى الله عليه وسلم : أين أبي؟ قال : أبوك في النار فعرف الكراهة في وجهه، فقال صلى الله عليه وسلم : أبي وأبوك وأبو إبراهيم في موضع واحد.

Bahawa seorang lelaki bertanya kepada Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم : Di mana tempat ayahku? Jawab Nabi : "Ayahmu di neraka," maka terlihatlah oleh Baginda wajah lelaki itu berubah, lantas Baginda pun bersabda : "Ayahku, ayahmu dan ayah Nabi Ibrahim di satu tempat yang sama".

Adab lidah seterusnya ialah tidak mengumpat dan mengadu domba, tidak mencerca dan tidak bicara apa yang tiada kena mengena dengan dirinya. Kalau duduk bersama orang lain berbuALLAH dengan mereka selagi ada faedahnya, jika mereka mula bercakap soal yang sia-sia berhentilah bercakap dan tinggalkan mereka. Di mana berada bercakaplah perkara yang sesuai dengan keadaan. Pepatah sufi ada mengatakan :

- Untuk setiap keadaan ada bicaranya yang sesuai.
- ALLAH menjadikan lidah sebagai penterjemah hati serta anak kunci kebaikan dan kejahatan.
- Jika mau hatimu baik, kawALLAH lidah waktu berkata.

Sayugialah melazimi diam kerana diam itu dapat memelihara orang jahil dan menjadi perhiasan bagi orang berakal. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

وهل يكب الناس في النار على مناخرهم إلا حصائد ألسنتهم

Apakah yang akan melempar jatuh hidung manusia ke dalam neraka
kalau bukan hasil kejahatan lidahnya

- **Adab Telinga**

Adab telinga pula tidak mendengar kata-kata keji dan busuk, kata-kata umpatan, adu domba dan segala bicara mungkar. Ada madah menyebutkan :

أحب الفتى ينفي الفواحش سمعه * كأن به عن كل فاحشة وقرا

Gembira hati melihat pemuda
tidak mendengar umpat dan dusta
ibarat terpelihara seluruh tubuhnya
dari segala kejahatan melata

Yang patut didengar ialah zikir, kata nasihat dan hikmah dan segala perkataan yang memberi faedah untuk akhirat dan dunia. Kata-kata sebegini harus didengar dengan teliti.

- **Adab Mata**

Adab mata ialah menundukkan pandangan dari yang ditegah, juga tidak melihat keaiban orang dan para ikhwan, dan lagi tidak memandang perkara-perkara mungkar dan haram kerana ALLAH Taala berfirman :

يعلم خائنة الأعين وما تخفي الصدور

ALLAH mengetahui pengkhianatan mata dan apa yang tersembunyi di dalam dada.
- Surah Ghafir : 19

Pepatah sufi ada menyebut :

- Siapa menurut jelingan mata bererti dia menempah matinya.
- Siapa menunduk pandangan mata sempurnalah sudah indah budinya.
- Siapa yang banyak merenung orang menyesal nanti tiada sudahnya.

Mata hendaklah digunakan untuk mengambil iktibar serta merenung kekuasaan dan keagungan ALLAH Taala yang menciptakan segala keindahan. Sucikanlah pandangan mata dari dorongan hawa nafsu yang sangat mengajak kepada kejahatan. Diriwayatkan satu kisah dari seorang sufi, beliau berkata : "Satu hari aku memandang kepada seorang dengan pandangan syahwat. Kemudian aku bermimpi ada suara berkata kepadaku : "Sesungguhnya ALLAH Taala befirman : Bahawa dunia ini milikKu, makhluk di dalamnya yang lelaki maupun perempuan adalah hamba-hambaKu, maka barangsiapa memandang seorang dari mereka tanpa hak sesungguhnya dia telah mengkhianatiKu". Aku segera terjaga lantas berjanji pada diriku sendiri untuk tidak memandang seorang manusia pun selepas itu melainkan dengan pandangan amanah".

Sidi Abu Yaakub An-Nahrjuri[1] menceritakan : "Ketika sedang bertawaf aku melihat seorang lelaki buta sebelah matanya sedang berdoa : "Ya Tuhan, hamba berlindung denganMu dariMu", aku terus membantahnya : "Doa apakah ini?". Dia berkata : "Ketahuilah bahawa aku telah tinggal di Mekah sejak lima puluh tahun. Satu hari aku memandang kepada seorang yang terasa olehku amat bagus paras rupanya, lalu tiba-tiba mukaku ditampar hingga tersembul biji mataku ini meleleh ke pipi. Aku mengaduh, lantas kudengar satu suara berkata : "Satu detik pandangan dibalas satu tamparan, jika kamu menambah pasti akan kami tambah jua!". Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pernah bersabda kepada Saiyidina Ali رضي الله عنه :

إياك أن تتبع النظرة النظرة ؛ فإن الأولى لك والثانية عليك

Janganlah kamu menyambung pandangan pertama dengan pandangan kedua ; sesungguhnya yang pertama halal bagimu, yang kedua menjadi dosa.

- **Adab Hati**

Adab hati pula ialah menjaga ehwal yang terpuji lagi mulia, menepis segala lintasan hati yang buruk dan terkeji, merenung kurniaan ALLAH dan segala nikmat dariNya serta segala keajaiban ciptaanNya. ALLAH Taala berfirman :

ويتفكرون في خلق السموات والأرض

...dan mereka merenung kepada penciptaan langit dan bumi
Surah Aali Imran : 191

Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

---

[1] - Ishak Bin Muhammad, ulama sufi kelahiran Iraq, mengembara ke Hijaz dan tinggal di Mekah beberapa tahun seterusnya wafat di sana pada 330H.

تفكر ساعة خير من عبادة سنة

Berfikir sejenak lebih baik dari ibadah setahun.

Selanjutnya adab hati yang lain ialah berbaik sangka kepada ALLAH Taala dan kepada seluruh kaum Muslimin. Juga menyucikan hati dari sifat iri, tipu daya, hasad, khianat, iktikad buruk dan lain-lain sifat yang merupakan jenayah hati. Firman ALLAH Taala :

إن السمع والبصر والفؤاد كل أولئك كان عنه مسؤولا

Sesungguhnya pendengaran, pengelihatan dan hati, itu semua akan diminta pertanggungjawabnya.
- Surah Al-Isra' : 36

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

ألا إن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح بصلاحها سائر الجسد،
وإذا فسدت فسد بفسادها سائر الجسد، ألا وهي القلب

Ketahuilah bahawa di dalam diri manusia itu ada seketul daging ; baiknya daging itu akan menyebabkan seluruh anggota menjadi baik dan jahatnya daging itu akan menyebabkan seluruh anggota menjadi jahat. Itulah hati.

Sidi As-Sirri As-Saqthi berkata : "Hati terbahagi kepada tiga macam ; pertama umpama gunung yang tak pernah dapat digoyah, kedua umpama pohon kurma ; akarnya menunjang kebumi cuma bila angin datang pohonnya bergoyang ke kanan dan kiri, ketiga umpama sehelai bulu burung yang terbang ke sana sini mengikut tiupan angin".

- **Adab Tangan**

Adab tangan pula ialah bekerja membuat kebaikan dan ihsan, berkhidmat kepada ikhwan, dan tidak digunakan untuk maksiat.

- **Adab Kaki**

Adab kaki pula ialah melangkah kearah kebaikan diri dan para ikhwan, tidak berjalan dalam keadaan melampau, meninggi diri dan sombong kerana ini akan mengundang kemurkaan ALLAH, dan tidak menggunakan kaki untuk membuat maksiat.

Sesudah itu maka ketahuilah *suhbah* (persahabatan) itu bermula dengan kenal, kemudian rasa sayang, kemudian kemesraan, kemudian bercampur gaul, kemudian mahabbah, kemudian persahabatan dan akhirnya sempurnalah persaudaraan. Pepatah sufi mengatakan : "Makanan jiwa pada pergaulan, makanan hati pada persahabatan". Persahabatan sejati itu tidak berlaku melainkan dengan permuafakatan hati. Lihatlah apa yang difirmankan ALLAH mengena sifat munafik :

تحسبهم جميعا وقلوبهم شتى

Kamu kira mereka bersatu tapi sebenarnya hati mereka berpecah-belah
- Surah Al-Hasyr : 14

Adapun *suhbah* itu jika lengkap segala syaratnya maka inilah hal yang paling mulia. Lihatlah keadaan para sahabat -moga ALLAH meredhai mereka- ; mereka adalah manusia-manusia paling alim, paling tahu hukum feqah, paling kuat ibadah, zuhud, tawakkal, redha dan lain-lain tapi mereka digelar sebagai sahabat, tidak dengan gelar lainnya kerana persahabatan mereka itulah hal yang paling mulia.

Adab ahli sufi dalam perbualan mereka ialah tidak berkata :

- ini saya punya,

- ini kamu punya,
- kalau itu dilakukan tentu tak jadi begini,
- alangkah eloknya kalau…
- kenapa kamu lakukan…
- mengapa kamu tidak lakukan…

dan perkataan seumpamanya kerana ini semuanya akhlak orang awam. Sidi Ibrahim bin Syaiban[1] berkata : "Kami (ahli sufi) tidak bersahabat dengan orang yang berkata : Perbuatan saya…".

Dikalangan ahli sufi juga tidak berlaku soal pinjam meminjam, hingga dikatakan bahawa : "Seorang sufi itu tidak meminjam dan tidak memberi pinjam". Dikalangan mereka juga tidak berlaku perbalahan, mujadalah, ejek-mengejek, berdesak-desak, berlebih-lebih, mengumpat, menjatuhkan yang lain, mengurangi dan mempermainkan orang lain. Hubungan sesama ahli sufi ialah ; yang muda umpama anak pada yang tua, sesama rakan setaraf bagai saudara yang tua seperti ayah pada yang muda, hubungan dengan para guru pula bagaikan khadam dengan tuannya.

- **Adab Dalam Jemaah Sufi**

1- Memilih Pemimpin

Adab kesufian apabila berjemaah sesama mereka akan memilih seorang untuk menjadi rujukan dan pemimpin. Orang yang dipilih itu merupakan yang paling cerdas akalnya, kemudian paling tinggi hemahnya, kemudian paling tinggi halnya, kemudian paling alim dalam mazhab sufi, kemudian paling tua umurnya. Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

ليؤم القوم أقرؤهم لكتاب الله، فإن استووا فأفقههم في الدين،
فإن استووا فأشرفهم، فإن استووا فأسنهم، فإن استووا فأقدمهم هجرة

Hendakah yang menjadi imam kamu orang yang paling bagus bacaan Al-Quran-nya, jika semua sama maka yang paling faham hukum agama, jika semua sama maka yang paling mulia kedudukannya, jika semua sama maka yang paling tua umurnya, jika semua sama maka yang lebih awal berhijrah.

Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم selalu mengutamakan ahli Badar[2] dikalangan para sahabat ; diriwayatkan bahawa satu ketika Baginda sedang duduk bersama para sahabat di satu pangkin yang agak sempit lalu datanglah sekumpulan sahabat ahli Badar. Yang baru datang tak mendapat tempat untuk duduk bersama, maka Saiyidina Rasulullah pun menyuruh sahabat yang bukan ahli Badar bangun memberi tempat untuk ahli Badar. Para sahabat yang disuruh bangun merasa agak kesal maka turunlah wahyu ALLAH menegur mereka :

وإذا قيل انشزوا فانشزوا

…dan apabila dikatakan padamu : "Berdirilah kamu," maka hendaklah kamu berdiri.
- Surah Al-Mujadalah : 11

Kemudian yang dipilih menjadi rujukan (selepas faktor umur) ialah yang paling baik akhlaknya, kemudian yang paling awal berhijrah, kemudian yang paling sempurna adabnya, kemudian yang terlebih dahulu berguru dengan syeikh. Dihikayatkan bahawa Sidi Abu Ali bin Bundar As-Sirafi[3] datang dari Nisabur berziarah kepada Sidi Abu Abdullah bin Khafif, mereka berdua lantas keluar bersiar-siar. Sidi Abu Abdullah berkata : Silakan tuan jalan di depan". Sidi

[1] - Ibrahim Bin Syaiban, Syeikh Al-Jabal. Berguru dengan Sidi Ibrahim Al-Khawwas. Wafat tahun 337H.
[2] - Ahli Badar : para sahabat yang menyertai Saiyidina Rasulullah SAW dalam perang Badar.
[3] - Ali Bin Bundar Bin Al-Husein, ulama agung dan ahli hadis dari Nisabur, wafat tahun 359H.

Abu Ali bertanya : "Atas alasan apa?", lalu jawab Sidi Abu Abdullah : "Kerana tuan telah berguru dengan Sidi Al-Junaid, hamba tidak".

2- Ahli Khidmat

Yang dipilih untuk berkidmat kepada jemaah ialah yang paling tulus niat dan hatinya, paling tahan sabar dan kuat jiwanya, paling kuat beragama, paling amanah dan sangat menjaga dirinya, paling sedikit melihat kepentingan diri dan keluarganya. Kerana khidmat itu darjat kedua sesudah darjat syeikh (pemimpin) seperti yang diriwayatkan dalam hadis Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

سيد القوم خادمهم

Penghulu satu kaum itu adalah khadam mereka.

Ulama sufi berkata : "Bila kamu bersahabat dengan seseorang maka pandanglah akalnya lebih dari memandang agamanya, kerana sesungguhnya agamanya itu untuk dirinya manakala akalnya itu untuk dirinya dan untukmu juga. Dan janganlah kamu berteman dengan orang yang hemahnya lebih kepada dunia dan hawa nafsu, kerana ALLAH Taala telah berfirman :

فأعرض عن من تولى عن ذكرنا ولم يرد إلا الحياة الدنيا

Dan berpalinglah dari orang yang tidak mengingati Kami
dan tidak memikirkan selain kehidupan dunia…
- Surah An-Najm : 29

ولا تطع من أغفلنا قلبه عن ذكرنا واتبع هواه

Dan janganlah kamu mentaati orang yang Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami dan mengikut hawa nafsunya…
- Surah Al-kahf : 28

3- Sopan santun Pertuturan

Dalam pergaulan janganlah bercerita keaiban orang lain. Ulama sufi berkata : "Siapa yang bercerita keaiban orang lain sesungguhnya telah menjadi saksi atas diri sendiri. Yang diceritakan itu sebenarnya kadar keaiban dirinya juga". Sidi Abu Uthman Al-Hayri[1] ditanya mengenai *suhbah*, maka jawab beliau : "Hendaklah kamu senang membelanjakan hartamu untuk saudaramu tapi jangan menuntut sikap yang sama darinya, kamu sanggup menurutinya dan tidak menuntut dia menurutmu, kebaikannya padamu kamu anggap besar dan kamu memandang remeh kebaikanmu padanya".

Sidi Muhammad bin Daud Ad-Duqqi[2] bercerta : "Aku bertanya kepada Sidi Az-Zuqqaq : Siapa yang patut kuambil menjadi penyimpan rahsia?. Jawab beliau : "Seorang yang tahu segalanya tentangmu –seolah-olah sepertimana ALLAH tahu tentang dirimu- dan kamu rasa selamat dengannya". Ada ulama sufi berkata : "Tidaklah aku ditimpa bala melainkan akibat bergaul dengan orang tak dapat kuhormati dia".

Pepatah sufi menyebut :

- Dalam pertemuan sesama ikhwan tidak berlakunya kemesraan itu akibat sunyi perpisahan.

[1] - Said Bin Ismail Bin Said, berasal dari Ray. Mengembara ke Nisabur lalu berguru dengan Sidi Abu Hafs. Melaluinyalah ilmu tasawuf berkembang di Nisabur. Wafat di sana tahun 298H.

[2] - Abu Bakr Muhammad Bin Daud Ad-Duqqi. Ulama besar sufi yang seganding dengan Sidi Ali Ar-Rouzbari. Wafat sekitar tahun 350H.

- Kemulian pergaulan itu pada tiga perkara ; pertama menghormati yang tua, kedua melayan rakan setaraf, ketiga menghindar dari orang yang hina (perangainya).
- Kawan itu tiga jenisnya ; pertama kawan yang memberi faedah maka selalulah bersamanya, kedua kawan yang mahu ditolong maka senangkanlah hatinya, ketiga kawan yang tidak memberi faedah kepadamu dan tak dapat kamu beri faedah maka larilah darinya.

Adab kaum sufi dalam perbualan juga tidak membesar diri atau menyerang mana-mana pihak. Sidi Abu Ali Ar-Ruzbari[1] berkata : "Bercakap menyerang orang yang lebih tinggi darimu adalah kebiadapan, bercakap menyerang yang setaraf denganmu adalah buruk perangai, bercakap menyerang yang rendah darimu adalah kelemahan". Ulama sufi berkata : "Siapa memegang suatu jawatan lalu menyombongkan diri, itu tanda harga dirinya lebih rendah dari jawatannya, tapi bagi yang tawadhu' itu menunjukkan harga dirinya lebih tinggi dari jawatannya". Dikatakan bahawa : "Kalau seseorang membangga dirinya itu tanda rosak akalnya". Firman ALLAH Taala :

تلك الدار الآخرة نجعلها للذين لا يريدون علوا في الأرض ولا فسادا

Itulah negeri akhirat yang Kami sediakan untuk mereka yang tidak mahu meninggi diri dan tak mahu kerosakan di muka bumi. - Surah Al-Qasas : 83

Seorangan yang beradab harus berhati-hati jangan sampai memperlekeh seorang Muslim yang lain. Diriwayat hadis dari Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

حسب امرئ من الشر أن يحقر أخاه المسلم

Cukuplah seseorang itu mendapat kejahatan
apabila dia memperkecil saudara Islamnya.
- Riwayat Muslim

من استذل مؤمنا أو مؤمنة أو حقره لفقره وقلة ذات يده شهره الله يوم القيامة ثم يفضحه

Barangsiapa yang menghina seorang mukmin –lelaki atau perempuan- atau merendah-rendahkannya kerana miskin atau kerana sedikit hartanya, nescaya ALLAH akan menghebahkan nama penghina di hari kiamat lalu dibongkar keaibannya.

Ulama sufi berkata : "Siapa yang diredhai ALLAH menjadi hambaNya maka redhailah dia menjadi saudaramu".

4- Melayan Tetamu

Kalau seorang ikhwan atau satu rombongan datang bertamu maka hendaklah tuan rumah menghidangkan kepada tamunya semua makanan dan minum yang tersedia padanya baik sedikit ataupun banyak. Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

هلاك المرء أن يدخل عليه رجل من إخوانه فيحقر ما في بيته أن يقدمه إليه
وهلاك القوم أن يحقروا ما قدم إليهم.

Akan binasa seseorang itu apabila datang seorang saudaranya bertamu lalu dia merasa makanan yang ada di rumah terlalu rendah nilai untuk dihidang kepada si tamu. Dan akan binasa satu kaum apabila merendah-rendahkan
makanan yang dihidang kepada mereka.

إن من مكارم الأخلاق التزاور في الله وحق على المزور أن يقرب إلى أخيه ما تيسر عنده، وإن لم يجد إلا جرعة ماء، فإن احتشم أن يقرب إليه ما تيسر لم يزل في مقت الله تعالى يومه وليلته.

[1] - Ahmad Bin Muhammad Bin Al-Qasim, Abu Ali Ar-Rouzbari. Ulama feqah dan hadis, berguru dengan Sidi Al-Junaid, Sidi An-Nuri. Wafat tahun 322H.

Antara akhlak yang mulia itu ialah saling datang menziarahi kerana ALLAH. Menjadi kewajiban bagi yang tuan rumah untuk menghidangkan kepada saudara yang datang apa yang ada padanya walau hanya seteguk air. Jika dia merasa malu untuk menghidang apa yang ada teruslah dia berada dalam kemurkaan ALLAH siang dan malamnya.

Lihatlah kisah Nabi Ibrahim عليه السلام apabila baginda didatangi oleh para tamu yang dimuliakan, segera Baginda menghidangkan seekor anak lembu panggang kepada mereka, (bila melihat mereka diam) lantas Baginda bertanya : "Tuan-tuan tidak makankah?".

Diriwayatkan bahawa Sidi Al-Hasan Al-Basri bila ada saudaranya datang maka diizinkan masuk jika di rumah ada makanan. Jika tidak ada makanan di rumah beliau yang akan keluar menemui mereka dan tidak memberati dirinya atas apa yang ada. Diriwayatkan bahawa Sidi Abu Al-Bukhturi[1] bercerita : "Kami pernah bertamu kepada Saiyidina Salman Al-Farisi di Madain lalu beliau menghidangkan roti dan ikan seraya berkata : "Jemputlah makan, adapun Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم menegah kami dari memberati diri, kalaulah bukan kerana larangan ini nescaya pasti aku akan bersusah payah (menyediakan makanan lain) untuk kamu".

Ketika Sidi Abu Hafs sampai ke rumah Sidi Al-Junaid maka bersusah-susahlah tuan rumah mengkhidmati tamunya. Sidi Abu Hafs mengingkari susah payah ini dengan berkata : "Kalau tuan datang ke Khurasan nescaya kami tunjukkan tuan apa itu sebenarnya *futuwwah*[2]," Sidi Al-Junaid pun berkata kepada tamunya : "Teman-temanku dah jadi gila semuanya, tiap hari dihidang segala jenis makanan, pakaian dan wangian. Adapun *futuwwah* disisi kami ialah tidak menyusah-nyusahkan diri tapi sedia memberi apa yang ada."

Jika kaum fuqara' (sufi) datang kepadamu maka khidmatilah mereka tanpa menyusah-nyusahkan diri ; sampai ke tahap mereka dapat sama-sama kenyang dan lapar bersamamu, dan lagi sampai mereka duduk disisimu dan pergi itu sama sekali tak berbeza. Sidi Yusuf Bin Al-Husein[3] menceritakan : "Aku bertanya kepada Sidi Zun Nun[4] : Siapa yang patut kujadikan sahabat?" Jawab beliau : "Orang yang bila engkau sakit dia datang menjenguk, bila engkau berdosa dia bertaubat untukmu," kemudian Sidi Zun Nun bermadah :

إذا مرضنا أتيناكم نعودكم * وتذنبون فنأتيكم فنعتذر

Kalau kami sakit kami yang datang menjengukmu
Kalau kamu bersalah kami yang datang meminta maaf

Madah sufi menyebut : "Tidaklah seorang teman itu bila diajak, dia bertanya : ke mana?".

Dan lagi janganlah mencarut kerana perkara ini menggalak kemarahan. Firman ALLAH Taala :

قد بدت البغضاء من أفواههم وما تخفي صدورهم أكبر

---

[1]- Abu Al-Bukhturi, Said Bin Fairuz At-Tha'iy. Ulama feqah dari generasi tabi'in di Kufah, merawikan hadis dari Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنه turut serta dalam pemberontakan melawan Al-Hajjaj. Wafat tahun 200H.

[2]- Futuwwah dieja الفتوة ertinya ialah sikap sentiasa bekerja untuk kesenangan orang lain, satu kaul lain mengatakan futuwwah ialah sikap sudi memaafkan kesilapan orang lain. Dari sisi lain futuwwah juga diertikan sebagai sifat kesatriaan.

[3] - Yusuf Bin Al-Husein Bin Ali, Abu Yaakub Ar-Razi. Tokoh ahli sufi, ulama, pujangga dan pengembara Mengenai keilmuannya Ibnu Abi Ya'la berkata : "Beliau merupakan ulama paling pakar dalam ilmu kalam dan tasawuf di zamannya." Wafat tahun 304H.

[4] - Zun Nun Al-Misri, Thauban Bin Ibrahim Al-Ikhmimi. Tokoh sufi dan pujangganya terkenal dari Mesir, dikatakan bahawa beliaulah orang pertama membicarakan soal maqamat, ahwal kewalian di Mesir. Wafat di Geiza tahun 245H.

Sesungguhnya kebencian telah terbit dari mulut mereka, dan apa yang tersimpan di dada mereka lebih besar lagi. - Surah Aali Imran : 118

Ulama sufi berkata : "Manusia itu tiga golongan ; ada yang seperti makanan asasi yang tidak boleh ditinggalkan, ada yang seperti ubat sekali sekala diperlukan dan ada yang seperti penyakit mesti mengelak darinya dan dari segala yang mendekat kepadanya".

Begitu juga hendaklah menghindar dari bergaul dengan orang-orang jahat, pepatah sufi menyebut :

- Bergaul dengan penjahat satu bahaya, berkawan dengan mereka memang sengaja menempah celaka.
- Siapa yang sengaja bergaul dengan orang jahat umpama orang yang berlayar di laut gelora kalau pun badan selamat tapi hati sentiasa cemas.
- Antara kesempurnaan bahagia dan petunjuk itu ialah bilamana orang merdeka memelihara diri dari si tolol.
- Siapa berkawan dengan orang jahat takkan selamat, siapa masuk ke pintu kejahatan akan tertuduh.
- Setiap orang dikenal melalui rakan-rakannya, dinisbahkan kepada teman pergaulannya.

Diriwayatkan bahawa Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم berdiri lalu berkata kepada satu kaum :

ألا أخبركم بخيركم من شركم؟ خيركم من يرجى خيره، ويؤمن شره،
وشركم من لا يرجى خيره ولا يؤمن شره

Mahukah kamu kukhabarkan siapa yang paling baik dan jahat dikalangan kamu? Yang paling baik dikalanganmu ialah orang yang diharapkan kebaikannya dan terasa aman bahawa dia takkan berbuat jahat pada orang lain, manakala yang paling jahat dikalangan kamu ialah orang yang tak dapat diharap kebaikannya lagi tak terasa aman terhadap kejahatan yang bakal dilakukan. - Riwayat Imam Ahmad

Adab Permusafiran Sufi Dan Fadhilatnya

ALLAH Taala berfirman :

رجال لا تلهيهم تجارة ولا بيع عن ذكر الله

Para rijal (laki-laki) yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) jual beli dari zikrullah…- Surah An-Nur : 37

Nabi صلى الله عليه وسلم ditanya : Siapakah orang yang dimaksudkan dalam ayat ini? Jawab Baginda : "Merekalah orang yang berjalan di atas muka bumi ALLAH mencari kurniaan dariNya". Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

سافروا تصحوا وتغنموا

Bermusafirlah nescaya kamu akan beroleh kesihatan dan keberuntungan.

Baginda juga bersabda :

الغريب شهيد، ويفسح للغريب في قبره كبعده عن أهله

Orang yang mati dalam perantauan matinya syahid, kuburnya akan diluaskan sejauh jarak perpisahan dengan keluarganya. - Riwayat Imam Ahmad

Sidi Abu Hafs An-Nisaburi berkata : "Hendaklah seorang musafir berpegang kepada tiga perkara ; pertama tidak mengatur perbekalan, kedua tidak mengira jarak perjalanan dan ketiga mengetahui bahwa ALLAH memeliharanya".

- **Tingkatan Musafir**

Permusafiran yang paling afdhal ialah untuk berjihad, kemudian naik haji, kemudian menziarahi kubur Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم. Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

وفد الله ثلاثة ؛ الحاج والغازي والمعتمر ثم زيارة المسجد الأقصى

Adapun rombongan ALLAH itu tiga golongan ; orang naik haji, orang pergi berperang dan orang yang menunaikan umrah lalu berziarah ke Masjidil Aqsa. - Riwayat An-Nasai

Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

لا تشد الرحال إلا إلى ثلاثة مواضع ؛ المسجد الحرام ومسجدي هذا والمسجد الأقصى

Tiada perjalanan yang disuruh benar untuk dilakukan melainkan ke tiga tempat ; pertama ke Masjidil Haram , kedua ke masjidku ini dan ketiga ke Masjidil Aqsa. - Riwayat Imam Ahmad

Kemudian permusafiran untuk menuntut ilmu, kemudian untuk menziarahi para syeikh dan ikhwan (saudara-saudara sufi). Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

يقول الله تعالى : حقت محبتي للمتحابين في والمتزاورين

ALLAH berfirman : Wajiblah kasih sayangKu keatas mereka yang berkasih sayang keranaKu dan keatas mereka yang saling berziarah keranaKu.
- Riwayat Imam Ahmad

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Saiyidina Abi Razin, Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

زر في الله فإن من زار في الله شيعه سبعون ألف ملك يقولون :
اللهم صله كما وصله فيك، وناداه مناد أن طبت وطاب ممشاك، وتبوأت من الجنة مقعدا

Pergilah kamu berziarah kerana ALLAH, maka sesungguhnya barangsiapa berziarah kerana ALLAH nescaya dia diiringi oleh tujuh puluh ribu malaikat yang berdoa : Ya ALLAH sambungkanlah dia (kepadaMu) sepertimana dia menyambung silaturrahim keranaMu. Dan lagi

akan ada (malaikat) yang menyeru untuknya : Selamatlah perjalananmu dan engkau telah mendapat tempat di syurga.

Kemudian permusafiran untuk memulangkan apa yang diambil secara zalim atau meminta halal (atas kezaliman yang pernah dilakukan), kemudian permusafiran untuk menjejaki peninggalan sejarah (orang soleh) dan mengambil iktibar, kemudian permusafiran untuk melatih jiwa dan membuang kemegahan diri. Dan janganlah dilakukan permusafiran itu untuk sekadar makan angin, angkuh, menunjuk-nunjuk dan merantau ke pelusuk negeri untuk mencari dunia mengikut kehendak hawa nafsu. Abu Turab An-Nakhsyabi[1] berkata : "Tiadalah permusafiran yang terlebih mudharat keatas golongan murid dari permusafiran yang mengikut hawa nafsu. Dan tiadalah binasa sekian murid yang binasa itu melainkan dengan permusafiran yang batil". Firman ALLAH Taala :

ولا تكونوا كالذي خرجوا من ديارهم بطرا ورئاء الناس

Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang keluar dari kampungnya dengan rasa angkuh dan dengan maksud riak kepada manusia…- Surah Al-Anfal : 47

Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

يأتي على الناس زمان يحج أغنياء أمتي للنزهة
وأوساطهم للتجارة وقراؤهم للرياء وفقراهم للمسألة

Akan datang suatu zaman golongan kaya di kalangan umatku naik haji makan angin, golongan pertengahan naik haji kerana berniaga, yang alim naik haji untuk menunjuk-nunjuk, golongan miskin naik haji untuk minta sedekah.

Sayidina Umar رضي الله عنه berkata : "Ketahuilah bahawa rombongan yang datang (ke Mekah) ramai, tapi yang benar-benar naik haji hanya sedikit".

- **Meminta Izin Sebelum Musafir**

Dan janganlah seseorang itu keluar bermusafir tanpa redha dan izin dari kedua orang tua serta gurunya supaya tidak jadi derhaka dalam permusafiran, kalau itu berlaku tiadalah keberkatan dalam perjalanan. Jikalau bermusafir dalam satu kumpulan maka hendaklah berjalan mengikut rentak yang paling dhaif dalam kumpulannya, bila kawan berhenti maka hendaklah dia berhenti. Begitu juga dengan sedapat mungkin janganlah solat dilewatkan dari waktunya.

Jika bermusafir itu dengan tujuan melatih jiwa dan pergi berziarah maka seeloknya mengutamakan berjalan kaki dari menaiki kenderaan kecuali jika perlu. Diriwayatkan dari Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

للحاج الراكب بكل خطوة تخطوها راحلته سبعون حسنة وللراجل بكل خطوة سبعمائة حسنة من حسنات الحرم، قيل وما حسنات الحرم؟ قال : الحسنة بسبعمائة ألف حسنة.

Orang yang naik haji menaiki tunggangan akan mendapat tujuh puluh kebaikan pada setiap langkah tunggangannya. Bagi yang berjalan kaki maka dia akan mendapat tujuh ratus kebaikan dari kebaikan Al-Haram untuk setiap langkahnya. Lalu ditanyakan kepada Baginda صلى الله عليه وسلم : Apakah kebaikan Al-Haram itu ya Rasulullah? Jawab Baginda : Satu kebaikan Al-Haram itu nilainya tujuh ratus ribu kebaikan biasa.

[1] - Abu Turab, Askar Bin Al-Hosein Ibnu Muhammad Bin Al-Husein An-Nakhsyabi. Ulama tasawuf dan ahli zuhud tersohor di zamannya. Imam Ahmad Bin Hanbal meriwayatkan hadis dari beliau. Naik haji sebanyak 55 kali. Wafat tahun 245H.

Dalam satu riwayat dikhabarkan bahawa para malaikat memeluk pejalan kaki yang menempuh jalan ke Mekah, menyalami penunggang-penunggang untanya dan mengucap salam dari jauh untuk penunggang usungan di atas unta.

- **Musafir Berjemaah**

Kalau bermusafir dalam satu kumpulan maka hendaklah seseorang itu berusaha mengkhidmati kumpulannya sedaya mungkin dan meringankan bebanan mereka. Diriwayatkan dari Saiyidina Adiy Bin Hatim bahawa beliau bertanya kepada Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

يا رسول الله أي الصدقات أفضل؟ فقال عليه الصلاة والسلام : خدمة الرجل أصحابه في سبيل الله

Wahai Rasulullah, apakah sedekah yang paling afdhal? Maka jawab Baginda صلى الله عليه وسلم : Yaitu khidmat seorang lelaki kepada teman-temannya pada jalan ALLAH. - Riwayat Muslim

- **Tertib Masuk Ke Negeri Orang**

Di antara adab permusafiran sufi itu apabila masuk ke satu negeri, jika ada syeikh sufi di negeri itu maka hendaklah pergi menziarahinya. Jika tiada syeikh di negeri itu maka hendaklah pergi ke tempat para *fuqara'* (ahli sufi). Kalau di negeri itu banyak tempat *fuqara'* maka pergilah ke tempat yang paling tua, paling ramai dan paling besar kehormatannya. (Apabila sampai) maka carilah tempat bersuci, kalau airnya mengalir itu lebih utama dari selainnya.

Jika di negeri itu tiada tempat *fuqara'* maupun jemaahnya maka pergilah kepada mereka yang paling cinta, percaya dan cenderung kepada golongan sufi. Apabila masuk ke tempat ibadah hendaklah menyisih di satu sudut untuk membuka kasutnya. Membuka kasut dimulakan dengan kaki kiri, jika memakai dimulakan dengan kaki kanan kerana sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إذا انتعل أحدكم فليبدأ باليمنى وإذا نزع فليبدأ باليسار

Jika kamu memakai kasut maka mulakanlah dengan kaki kanan,
waktu membukanya hendaklah dimulakan dengan kaki kiri.
- Riwayat Muslim

Sesudah itu pergilah ke tempat bersuci untuk mengambil wudhu', kemudian tunaikan solat dua rakaat. Kalau ada syeikh di tempat itu maka pergilah menziarahinya. Jika syeikh itu seorang tua maka ciumlah dahinya, kalau masih muda maka cukuplah mencium tangannya. Saiyidina Ka'ab Bin Malik berkata : "Waktu turun wahyu mengenai taubatku sudah diterima aku pergi mengadap Baginda Saiyidina Rasulullah lalu mencium tangannya...". Diceritakan bahawa Sidi Abu Abdullah Bin Khafif telah mencium tangan Sidi Al-Husein Bin Mansur Al-Hallaj[1] waktu beliau di penjara lantas Al-Hallaj berkata kepadanya : "Kalaulah tangan ini semata-mata milik kami nescaya takkan kami beri kamu menciumnya, namun tangan ini hanyalah tangan yang kamu cium hari ini dan pada esok hari akan dipotong".

Duduklah beberapa ketika bersama syeikh, jangan bercakap melainkan untuk bertanya sesuatu supaya syeikh boleh menjawab. Jangan menyampaikan kiriman salam dari orang lain kepada syeikh, jangan menyebut perihal orang lain kepadanya melainkan orang yang setaraf dengan halnya atau sama tua, itu dibolehkan.

[1] - Al-Husein Bin Mansur Al-hallaj, Abu Mughith. Beliau merupakan ahli ibadah dan zuhud. Kisahnya mashur di kalangan ahli sufi dan bahasanya yang tak dapat difahami oleh orang awam telah menimbulkan polemik yang hebat di zamannya hingga beliau dilabel sesat. Wafat dihukum bunuh pada tahun 309H.

Sesudah menziarahi syeikh kembalilah ke tempat menginap. Hendaklah orang yang mukim di negeri itu datang menyalami si musafir kerana menjadi hak bagi yang sampai untuk diziarahi. Tapi kalau ke Mekah, hendaklah si musafir itu yang pergi menziarahi orang-orang yang tinggal di Mekah kerana kehormatan tanah suci.

Selepas itu (tuan rumah) dengan tidak memberati diri hendaklah menghidang kepada si musafir makanan yang sudah tersedia. Ulama sufi berkata : "Adab dengan tetamu itu dimulakan dengan salam, kemudian memuliakannya, kemudian menghidang makanan, kemudian diajak bicara sepertimana yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim عليه السلام kepada para tetamunya yang mulia, seperti yang difirmankan ALLAH dalam Al-Quran :

ولقد جاءت رسلنا إبراهيم بالبشرى قالوا سلاما قال سلام فما لبث أن جاء بعجل حنيذ

Dan sesungguhnya utusan-utusan Kami (para malaikat) telah datang kepada Ibrahim dengan membawa khabar gembira mereka mengucapkan : "Selamat." Ibrahim menjawab : "Selamatlah," maka tidak lama kemudian Ibrahim menghidangkan untuk mereka seekor anak lembu yang dipanggang. - Surah Hud : 69

Janganlah menanyakan ehwal dunia dan perkhabarannya, begitu juga perihal ahli dunia yang tak berkaitan dengan musafir sufi, sebaliknya bertanyalah ehwal para syeikh, teman-teman dan ikhwan sufi yang bertolong bantu membuat kebaikan.

- **Persediaan Musafir**

Wajib bagi seorang musafir membawa *rikwah*[1] atau *kuz*[2] -yang lebih patut digunakan- untuk bersuci. Diceritakan bahawa ada di kalangan ahli sufi baik yang bertaraf syeikh atau teman dan ikhwan bila bersalam dengan musafir akan memeriksa bekas memegang rikwah pada tangan dan jari-jemari si musafir, jika ada maka si musafir akan diterima dengan baik, jika tiada maka dia akan tak dipeduli dan tidak diterima. Ahli sufi berkata : "Jika kamu mendapati seorang sufi bermusafir tidak membawa *rikwah* atau *kuz*, maka ketahuilah dia memang sengaja mahu meninggalkan solat dan membuka auratnya -dengan suka atau tidak suka-."

Disunatkan bagi seorang musafir untuk membawa tongkat, jarum, benang, gunting, pisau cukur dan yang seumpamanya, kerana itu semua dapat membantu menunaikan ibadah fardhu dengan sempurna.

Jika mahu pergi musafir maka adab yang patut dilakukan ialah menemui para ikhwannya untuk memberitahu niatnya dan mengucap selamat tinggal kepada mereka. Adalah dianjurkan bagi teman-teman sepergaulan (*suhbah*) untuk keluar menghantarkannya ; kerana inilah tradisi para syeikh sufi.

Hendaklah seorang sufi bersungguh-sungguh menjaga segala wiridnya dalam permusafiran, jangan tertinggal satu pun khususnya wirid-wirid yang wajib. Sidi Abu Yaakub As-Susi berkata : "Seorang musafir memerlukan empat persediaan untuk perjalanannya, kalau tiada maka janganlah pergi ; pertama ilmu yang memandunya, kedua sifat warak penahan dirinya, ketiga akhlak mulia yang menjaga kehormatannya dan keempat sifat yakin yang mengindahkan jiwanya." Sidi Ruwaim telah ditanya mengenai adab orang bermusafir lantas beliau menajwab : "Hemahnya jangan mendahului langkah kakinya, di mana hatinya berhenti di situlah tempat penginapannya."

---

[1] - Bekas yang diperbuat dari kulit, digunakan untuk minum.

[2] - Cebok air bertangkai. Dalam tradisi permusafiran sufi zaman dahulu kala rikwah dan kuz menjadi alat yang penting dalam permusafiran untuk mencedok air dari telaga di sepanjang perjalanan.

Adab Sufi Dalam Berpakaian

Firman ALLAH Taala :

وثيابتك فطهر

Dan hendaklah kamu menyucikan pakaianmu…
- Surah Al-Muddathir : 3

Ada kalangan ulama menafsirkan ayat ini seperti berikut : "Hendaklah kamu memendekkan pakaianmu". Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إن الله يحب كل متبذل لا يبالي ما لبس

Sesungguhnya ALLAH menyintai orang yang tidak kisah,
tak peduli apa pakaian yang dipakainya.
- Al-Jami' As-Saghir

Saiyidina Umar رضي الله عنه memotong lengan bajunya yang lebih dari paras jari. Ulama sufi berkata : "Orang *faqir* (sufi) yang jujur kalau menyarung pakaian apa pun akan kelihatan baik, dia tetap kelihatan manis dan hebat."

- **Berpakaian Yang Ringkas**

Antara lain adab ahli sufi dalam berpakaian ialah mengikut keadaan semasa ; memakai apa yang ada tanpa memberati diri (mencari-cari yang lain) dan tidak juga memilih-milih. Bagi orang sufi cukuplah pakaian itu yang dapat menunaikan kewajiban menutup aurat serta menahan sejuk dan panas, kerana inilah yang Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم tidak masukkan dalam perkara dunia, Baginda ada bersabda : "*Pakaian sebegini tidak termasuk perkara dunia.*" Ahli sufi gelisah bila banyak pakaian, kalau ada lebih dari keperluan mereka akan mengutamakan orang lain. Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

ثلاثة يدخلون الجنة بغير حساب ؛ رجل غسل ثوبه فلم يجد خلفا،
ورجل لم ينصب له على مستوقدة قدران، ورجل دعا بشراب فلم يقل له أيها تريد

Tiga golongan akan masuk syurga tanpa hisab ; pertama seorang lelaki yang membasuh pakaiannya lalu tiada baju lain untuk dipakai, kedua seorang lelaki yang di atas dapurnya tidak pernah memasak dua periuk dalam satu masa dan ketiga seorang lelaki yang dijemput minum tapi tak dikatakan padanya : Mahu minuman apa. - Al-Jami' As-Saghir

Saiyidatina Aisyah رضي الله عنه berkata : "*Rasulullah صلى الله عليه وسلم tidak pernah menyimpan sesuatu barang itu sepasang*".

- **Bersih Dan Elok**

Ahli sufi sentiasa mengambil berat soal kebersihan dan keelokan diri ; Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

النظافة من الإيمان

Kebersihan itu sebahagian dari iman.

Satu ketika Baginda pernah melihat ada di kalangan rombongan yang datang seorang berbaju kotor, lantas Baginda bersabda : "*Apakah lelaki ini tidak bertemu air untuk membasuh pakaiannya?!*" Baginda صلى الله عليه وسلم juga bersabda :

هب أن الفقر من الله فما بال الوسخ من الثياب؟!

Katalah bahawa kefakiran itu dari ALLAH,
tapi mengapa pula baju yang dipakai mesti kotor?!

Baginda صلى الله عليه وسلم bersabda lagi :

إن الله يبغض الوسخ

Sesungguhnya ALLAH membenci kekotoran.
- Al- Jami' As-Saghir : 1\71

- **Berkat Pakaian Syeikh**

Kaum sufi tidak suka pakaian kemegahan. Mereka suka mengambil berkat dari pakaian para syeikh sufi. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم masuk ke rumah Baginda bersama beberapa orang sahabat hingga penuhlah ruang, lalu datang pula Saiyidina Jarir Bin Abdullah Al-Bajali, tidak mendapat tempat duduk di dalam menyebabkan beliau duduk di luar rumah. Melihatkan itu Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم mengambil sehelai pakaian pakaian Baginda, digulung lantas dilempar kepada Jarir seraya bersabda : "*Duduklah di atasnya*," namun Saiyidina Jarir sebaliknya mengambil pakaian itu lalu disapukan ke wajah dan diciumnya.

Ada di kalangan ahli sufi memilih hanya memakai dua helai kain seperti keadaan orang memakai ihram. Oleh kerana pakaian sebegini akan mendatangkan kemasyhuran dan menampakkan diri lebih dari rakan lain, majoriti sufi menganggap itu sebagai makruh melainkan untuk orang yang benar-benar berihram atau berada di Mekah.

Ahli sufi menghukumkan makruh ke atas diri mereka memakai *farajiyyah*[1] melainkan untuk para syeikh. Pakain farajiyyah sama dengan *thailasan*[2], sejadah dan *qalanis*[3] ; itu semua dikhaskan untuk para syeikh, manakala golongan murid pula memakai *baranis*[4].

Pada golongan sufi adalah dianjurkan untuk hanya memiliki sehelai pakaian. Sidi Al-Jariri[5] menghikayatkan : "Ada seorang *faqir* (sufi) di Baghdad. Boleh dikatakan kami hanya mendapati beliau ini cuma memakai sehelai baju yang sama baik di musim sejuk maupun panas. Apabila ditanya tentang keadaannya ini, beliau menjawab : "Dulu aku amat gemar memiliki banyak pakaian, satu masa aku bermimpi melihat diriku seolah-olah masuk ke syurga, aku lihat di sana ada sekumpulan teman sufi kita sedang mengadap hidangan. Bila aku mau menuju kepada mereka tiba-tiba malaikat menghalang aku seraya berkata : "Kumpulan itu ialah mereka yang hanya memiliki sehelai pakaian sedangkan pakaianmu banyak," lantas aku tersedar dari tidur dan terus bernazar hanya akan memakai sehelai baju hingga aku bertemu ALLAH."

Pernah dikatakan kepada Sidi Al-Junaid : "Sesungguhnya sekarang sudah banyak (orang memakai) baju muraqqa'ah," lantas beliau berkata : "Ini kerana para penuntut jalan suluk memandang padamu dengan mata mereka waktu kamu sedang menuju ALLAH." Adapun Sidi Abu Hatim Al-Atthar[6] apabila melihat para pemakai muraqqa'ah beliau akan berkata : "Wahai tuan-tuan semua, tuan-tuan telah mengibar bendera ahli sufi dan memukul gendangnya. Aduhai,

[1] - Farajiyyah : jubah belah tengah berlengan besar yang biasa dipakai oleh ulama.
[2] - Thailasan : selendang lebar yang menjadi pakaian khas ulama.
[3] - Qalanis : kata jamak dari qalansuwah yang bererti kopiah.
[4] - Baranis : kata jamak dari burnus yang bererti jubah yang bersambung dengan penutup kepala. Biasa dipakai oleh orang Maghribi.
[5] - Ahmad Bin Muhammad bin Al-Hussein Al-Jariri. Ulama besar tasawuf, antara murid terkanan dari Sidi Al-Junaid dan Sidi Sahl At-Tasturi. Beliau menggantikan tempat gurunya Sidi Al-Junaid. Wafat tahun 311H.
[6] - Abu Hatim Al-Atthar Al-Basri, ulama sufi agung dari Khurasan yang masyhur dalam bidang keilmuan, futuwwah dan tareqat.

nanti di hari pembalasan entah di mana kedudukan tuan-tuan." Sidi Ali Bin Bundar berkata : "Baju (muraqqa'ah) ini kupakai untuk solat, tak senang hatiku menukarnya dengan pakaian yang lebih baik bila mau bertemu manusia." Abu Hafs Al-Haddad berkata : "Jika kamu dapat melihat cahaya seorang *faqir* pada bajunya maka janganlah diharap kebaikan darinya."

Adab Makan Menurut Ahli Sufi

ALLAH Taala berfirman :

وكلوا واشربوا ولا تسرفوا إنه لا يحب المسرفين

...makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan, sesungguhnya ALLAH tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan. - Surah Al-A'raf : 31

Hukum berlebih-lebihan adalah haram, ALLAH berfirman lagi :

فكلوا منها وأطعموا البائس الفقير

...maka makanlah sebahagian darinya dan (sebahagian lagi) berikanlah untuk dimakan oleh orang-orang yang susah lagi fakir. - Surah Al-Haj : 28

Ulama sufi berkata : "ALLAH Taala mendidik hamba-hambaNya untuk tidak memberi makan kepada yang fakir melainkan dari apa yang mereka sendiri makan." Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إذا أكل أحدكم فليقل باسم الله، فإن نسي في أوله فليقل إذا ذكر باسم الله أوله وآخره

Apabila seorang dari kamu mau makan maka ucapkanlah Bismillah, jika terlupa pada awalnya maka ucapkanlah bila ingat : Bismillahi awwaluhu wa akhiruhu (Bismillah di awal dan akhir).
- Riwayat Ibnu Majah

Sambil menunjuk kepada dulang makanan Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

كلوا من حواليها ولا تأكلوا من وسطها، فإن البركة تنزل في وسطها

Makanlah dari tepi-tepinya jangan makan dari tengahnya,
kerana keberkatan turun di tengahnya. - Riwayat Ibnu Majah

Antara adab ahli sufi waktu makan ialah tidak mengambil peduli soal rezeki, tidak sibuk untuk mencari rezeki atau menahan atau menyimpannya, kerana ALLAH Taala berfirman :

وكأين من دابة لا تحمل رزقها الله يرزقها وإياكم

Dan berapa banyak binatang yang tidak (dapat) membawa (menguruskan) rezekinya sendiri. ALLAH jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepadamu juga... - Surah Al-Ankabut : 60
Tafsir ayat ini ialah : jangan kamu menyimpan-nyimpan rezekimu. Telah sampai perkhabaran yang sahih bahawa Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم tidak menyimpan rezekinya untuk esok hari.

Ahli sufi juga tidak banyak bercakap mengenai makanan kerana itu sebahagian dari sifat pelahap. Diceritakan bahawa Sidi Ruwaim berkata : "Selama dua puluh tahun tak pernah aku terfikir soal makanan hinggalah makan terhidang di depanku." Waktu menjamah makanan hendaklah diniatkan bahawa makan itu untuk menahan lapar dan menunaikan hak nafsu (keperluan biologi) ; bukan untuk memenuhi peluangnya, kerana Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

إن لنفسك عليك حقا فإن منعتها حقها ظلمتها

Sesungguhnya dirimu ada hak yang mesti kamu tunaikan, jika kamu menghalang dirimu dari haknya, maka sesungguhnya kamu telah menzalimi dirimu.

Ditanyakan kepada ulama sufi : "Bagaimanakah halnya kaum sufi menjamah makanan?," maka dijawab : "Mereka menjamah makanan umpama pesakit makan ubat mengharap kesembuhan."

Waktu makan hendaklan menahan nafsu dari sifat haloba dan selera syahwat, sesuai dengan apa yang disabdakan oleh Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

ما ملئ وعاء شر من بطن ابن آدم، فإن كان لا بد فثلث للطعام وثلث للشراب وثلث للنفس

Tiadalah bekas yang lebih buruk untuk dipenuhi dari perut anak Adam, jika perlu juga mengisinya maka jadikanlah satu pertiga untuk makanan, satu pertiga untuk minuman dan satu pertiga lagi untuk pernafasan.

Pepatah sufi ada mengatakan : "Menjamah makanan kalau bukan untuk meluruskan tulang belakang akan hanya bermanfaat untuk mendatangkan penyakit."

Ahli sufi tidak mencerca makanan dan tidak pula memuji-mujinya. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه berkata :

ما عاب رسول الله صلى الله طعاما قط، إذا كان اشتهاه أكله وإلا تركه

Adapun Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم itu tidak pernah sekalipun mencerca makanan ; kalau suka maka Baginda makan, jika tidak maka Baginda akan meninggalkannya. - Riwaya Muslim

Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

أذيبوا طعامكم بذكر الله تعالى والصلاة، ولا تناموا عليه فتقسوا قلوبكم

Hendaklah makanan yang kamu telan itu dicairkan dengan mengingati ALLAH Taala dan solat, dan janganlah kamu terus tidur selepas makan, hati akan menjadi keras.

Diriwayatkan bahawa ALLAH Taala berfirman kepada Nabi Daud عليه السلام :

ما بال الأقوياء ومبادرتهم الشهوات، إنما جعلت الشهوات لضعفاء خلقي،

إن القلوب المعلقة بالشهوات عقولها محجوبة عني

Mengapalah mereka yang gagah suka bersegera mengikut syahwat, sesungguhnya syahwat itu Aku ciptakan untuk makhlukKu yang lemah. Sesungguhnya hati yang asyik dengan syahwat nescaya akalnya terhijab dariKu.

Diceritakan bahawa Sidi Bisyr Bin Al-Harith pernah kelihatan berada di pasar lalu beliau pun ditanya mengapa ke sana. Beliau menjawab : "Sudah bertahun-tahun nafsuku meminta-minta mau makan mentimun tapi aku enggan. Sekarang nafsuku merasa puas bila sekadar dapat melihat mentimun, maka aku pun memberinya makan mentimun."

Waktu makan kaum sufi tidak ditetapkan bila masanya, mereka juga tidak menyusah-nyusahkan diri dalam soal makanan, jika ada pilihan mereka akan mengambil makanan yang sedikit tapi bersih dan baik dari mengambil yang banyak tapi buruk, kerana ALLAH Taala berfirman :

فلينظر أيها أزكى طعاما فليأتكم برزق منه وليتلطف

...maka hendaklah dia melihat mana makanan yang lebih baik, maka hendaklah dia membawa makanan itu untukmu dan hendaklah dia berlaku lemah-lembut... - surah Al-Kahfi : 19

Ahli sufi tidak menyuap makanan berturut-turut. Jika makanan telah dihidang, sesama sendiri tidak akan saling berkata : "Silakan makan...," kerana semuanya setaraf kedudukan, melainkan jika yang bertaraf syeikh menyilakan makan kepada orang yang di bawahnya, ini supaya syeikh menyukakan hati mereka dan mendorong mereka membuat kebaikan (makan bersama) waktu mereka berasa malu. Adab yang disebutkan ini adalah khusus untuk kaum sufi.

Kalau untuk orang lain maka adabnya ialah menghidangkan makanan untuk tetamu yang datang dan mempersilakan mereka makan. Aku (pengarang) mendengar ayahndaku *rahimahullah* meriwayatkan bahawa Sidi As-Syirwani *rahimahullah* berkata : "Adapun Sidi Abdullah Bin Shamit itu dari kalangan syeikh, beliau tak pernah mempersilakan sesiapa untuk makan. Satu hari aku datang kepadanya lalu berkata : "Ilmu menyuruh kita mempersilakan makan bila hidangan sudah diletak," maka kata beliau : "Adapun hukum itu hanyalah hukum ALLAH," lalu aku pun terdiam."

Ahli sufi tidak makan melainkan yang diketahui asal makanan itu (jelas halalnya). Mereka menghindar diri dari makan makanan orang zalim dan fasik walaupun diketahui asalnya. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Imran Bin Al-Hasin berkata : "sesungguhnya Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم menegah kami dari pergi ke jemputan makan orang fasik." Ahli sufi menolak jamuan makan yang ada kaum wanita, mereka juga tidak makan makanan (pemberian) kaum wanita. Ahli sufi tidak melihat bahawa berbicara waktu sedang makan sebagai makruh, bahkan dikatakan bahawa tidak berkata-kata waktu sedang makan adalah perbuatan kaum majusi.

Antara adab makan lagi ialah menyingsing lengan, duduk di atas kaki kiri, membaca basmalah, mengambil makanan dengan tiga jari, makan makanan yang paling berdekatan, mengecilkan suapan, menyempurnakan kunyahan dan menjilat jari. Saiyidina Jabir رضي الله عنه berkata :

أمرنا رسول الله صلى الله عليه وسلم بلعق الأصابع والقصاع، وقال :
إن أحدكم لا يدري في أي طعامه البركة

Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah menyuruh kami menjilat jari dan (melicinkan) dulang makanan. Baginda bersabda : "Sesungguhnya kamu tidak tahu mana satu dari makananmu itu yang ada berkatnya." - Riwayat Muslim

Ahli sufi tidak memerhatikan suapan temannya, kerana Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

لا يتبعن أحدكم بصره لقمة صاحبه بالنظر، وإذا فرغ من الطعام قال :
الحمد لله الذي جعل أرزاقنا من أقواتنا

Janganlah hendaknya sesiapa mengekori suapan temannya dengan pandangan mata. Apabila selesai makan maka ucapkanlah : Segala puji bagi ALLAH yang telah menjadikan rezeki kami dari makanan kami.

Mencelup tangan ke dalam makanan sampai tangan melekat-lekit dengan makanan adalah perbuatan yang tidak sopan. (Bagi ahli sufi) makan dua kali sehari adalah makruh. Ulama sufi berkata : "Makan bersama ikhwan dengan senang hati, makan bersama orang asing dengan beradab, makan bersama orang fakir dengan mengutamakannya." Sidi Al-Junaid berkata : "Makan bersama ikhwan ibarat menyusu, maka hendaklah kamu prihatin dengan siapa kamu makan."

Kaum sufi memilih untuk makan berjemaah kerana Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

خير الطعام ما كثرت عليه الأيدي

Makanan yang baik ialah yang banyak tangan menjamahnya.
- Riwayat Al-Haithami

Dalam satu riwayat Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

الأكل مع الإخوان شفاء

Makan bersama ikhwan adalah kesembuhan.

Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

شر الناس من أكل وحده وضرب عبده ومنع رفده

Orang yang jahat ialah yang makan seorang diri, memukul hambanya dan tak mau memaafkan silapnya.

- Al-Jami' As-Saghir

Bila makan berjemaah ahli sufi tidak akan berhenti selagi yang lain masih menjamah makanan terutamanya jika dia lebih tua. Diriwayatkan bahawa Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم apabila makan berjemaah maka Baginda adalah orang terakhir yang berhenti makan. Seorang ulama sufi ditanya mengenai makanan yang tidak memberi mudharat, lalu dijawab : "Engkau makan dengan perintah, bukan dengan hawa nafsu." Sidi Ibrahim Bin Syaiban berkata : "Sejak tiga puluh tahun aku tidak pernah makan suatu apa pun dengan syahwatku".

Larangan Banyak Makan

Diriwayatkan dalam satu majlis Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم ada seorang lelaki bersendawa, lantas dia ditegur oleh Baginda :

كف عنا جشأك، فأكثرهم شبعا في الدنيا أكثرهم جوعا يوم القيامة

Jangan kamu bersendawa di depan kami! Orang yang paling banyak kenyangnya di dunia akan menjadi paling lapar di hari kiamat. - Riwayat Ibnu Majah

Sidi Al-Hasan berkata : "Adapun bala keturunan Adam itu pada makanan, inilah bala yang menimpa kamu sampai hari kiamat." Sidi Sahl Bin Abdullah berkata : "Mampu meninggalkan sesuap makan malamku lebih aku cintai dari bangun malam." Sidi Yahya Bin Muaz berkata : "Kalaulah lapar itu boleh dijual di pasar-pasar nescaya para pencari akhirat takkan membeli selainnya," beliau berkata lagi : "Kalaupun engkau minta syafaat para malaikat *muqarrabin* serta nabi-nabi dan para rasul supaya nafsumu dapat meninggalkan syahwat nescaya nafsumu tetap akan melawan, tapi jika engkau mendapatkan pertolongan lapar untuk meninggalkan syahwat pasti nafsumu akan tunduk dan menjadi taat."

Diriwayatkan bahawa Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه berkata :

دخلت على رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو يصلي جالسا فقلت ما أصابك؟ قال : الجوع، فبكيت، فقال : لا تبك، إن شدة القيامة لا تصيب الجائع إذا احتسب ذلك في الدنيا

Satu ketika aku masuk menemui Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم lalu aku dapati Baginda solat sambil duduk, aku pun bertanya : "Apa yang menimpamu ya Rasulullah?," jawab Baginda : "Lapar…" Aku menangis, lalu Baginda bersabda : "Usahlah kau tangiskan, sesungguhnya penderitaan hari kiamat tidak akan menimpa orang lapar jika dia redha dengan kelaparannya di dunia.

Diriwayatkan bahawa Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

من أحس من نفسه نشاطا فليذبها بالجوع والعطش

Barangsiapa mendapati hawa nafsunya bergerak cergas
maka cairkanlah ia dengan lapar dan dahaga.

Makruh hukumnya masih duduk menunggu waktu hidangan telah disediakan. Pepatah sufi mengatakan : "Hati golongan abrar tak sanggup menunggu lama." Makruh juga hukumnya menyibukkan diri dengan makanan hingga terlepas segala waktu (ibadah). Diriwayatkan bahawa ada ahli sufi berbuka puasa hanya menghirup sesudu sup, beliau berkata : "Masa lebih berharga dari menyibukkan diri dengan makanan."

Kebanyakan ahli sufi menghukumkan makruh menyuap hidangan kepada yang mengkhidmatinya lebih-lebih lagi jika menjadi tetamu, kerana tetamu tidak boleh bertindak sesuka hati keatas hidangan yang diberi kepadanya selain untuk dimakan. Para ulama berselisih pendapat dalam masalah sejauh mana tetamu memiliki apa yang dihidang untuknya :-

- Ada pendapat mengatakan tetamu memiliki hidangan itu sebaik saja ditaruh di depannya.
- Ada pendapat mengatakan hidangan menjadi miliknya apabila dia memegangnya.
- Ada pendapat mengatakan hidangan menjadi miliknya apabila disuap ke mulut.
- Pendapat lain mengatakan hidangan menjadi milik tetamu apabila sempurna ditelan.

Sidi Al-Junaid berkata : "Rahmat turun ke atas kaum *fuqara'* (sufi) waktu mereka makan, kerana sesungguhnya mereka tidak makan melainkan saling mengutamakan orang lain." Ada ulama sufi berkata : "Kewajiban tuan rumah tiga perkara kewajiban tetamu tiga jua ; wajib keatas

tuan rumah memberi makanan halal kepada tetamu, menjagakan waktu solatnya dan tidak menahan dari tetamu apa makanan yang ada di rumah. Kewajiban tetamu pula ialah duduk di mana dia diletak oleh tuan rumah, redha dengan apa yang dihidangkan dan tidak keluar melainkan dengan meminta izin terlebih dahulu." Dalam sebuah hadis riwayat Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنه Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

إن من السنة أن يشيع الضيف إلى باب الدار

Sesungguhnya antara amalan sunnah itu ialah menghantar tetamu hingga ke pintu rumah. - Riwayat Ibnu Majah

Adab Tidur

Diriwayatkan bahawa Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

من نام حتى أصبح بال الشيطان في أذنيه

Barangsiapa tidur hingga masuk waktu subuh
maka dia sudah dikencingi syaitan pada dua telinganya.

Antara adab ahli sufi ialah apabila sedang duduk bersama dalam satu kumpulan dia akan menghindari tidur ; jika diserang mengantuk dia akan bangun dari majlis itu, atau menyegarkan dirinya dengan perbualan atau perkara lain. Ahli sufi tidak membiasakan diri tidur meniarap. Jika dia pendengkur dia akan memilih kedudukan tidur mengiring ; bukan berbaring.

Ahli sufi mengusahakan agar tidurnya itu semata-mata kerana ALLAH dan dengan ALLAH, dia tidak tidur dari ALLAH. Orang yang tidur kerana ALLAH ialah mereka yang melelapkan mata sekadar mendapat kerehatan yang akan dimanfaatkan untuk menunaikan ibadah fardhu dan melakukan nawafil khususnya di hujung malam, kerana hadis Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم ada menyebut :

إن الحق عز وجل يقول آخر الليل : هل من داع فأستجيب له،
هل من سائل فأعطيه سؤله، هل من مستغفر فأغفر له

Sesungguhnya ALLAH Azza Wajalla berfirman di hujung malam : "Tiadakah hamba yang berdoa supaya Kukabulkan doanya?! Tiadakah hamba yang meminta supaya Kutunaikan permintaannya?! Tiadakah hamba yang beristighfar supaya Kuampun dosanya?! - Riwayat Muslim

Yang tidur dengan ALLAH pula ialah orang arif yang sentiasa berzikir ; dia tidak mengantuk dan tidur melainkan terpaksa, inilah golongan yang malamnya dipenuhi sujud dan qiyam kepada Tuhan. Adapun yang tidur dari ALLAH ialah orang yang lalai dariNya sepertimana (firman ALLAH dalam) munajat Nabi Daud عليه السلام :

كذب من ادعى محبتي إذا جنه الليل نام عني، أليس كل محب يحب خلوة حبيبه،
فها أنا مطلع على قلوب أحبائي

Siapa mendakwa cinta padaKu sedangkan dia tidur di malam hari adalah pembohong. Bukankah kekasih itu gembira kalau dapat bersunyi-sunyian bersama kekasihnya?! Maka di waktu inilah Aku memandang ke hati para kekasihKu.

Antara adab mereka lagi ialah tidur dalam keadaan suci (berwudhu'), mengiring ke lambung kanan dan mengucap doa tidur :

باسمك اللهم وضعت جنبي وباسمك أرفعه، اللهم إن أمسكت نفسي فارحمها، وإن أرسلتها فاحفظها بما تحفظ به عبادك الصالحين، اللهم قني عذابك يوم تبعث عبادك.

Ya ALLAH, dengan namaMu aku meletak lambungku dan dengan namaMu aku mengangkatnya. Ya ALLAH jika Engkau mengambil jiwaku maka kasihanilah, jika Engkau masih menghidupkannya maka peliharalah jiwaku sepertimana Engkau memelihara hamba-hambaMu yang soleh. Ya ALLAH, peliharakan aku dari azabMu di hari Engkau membangkitkan hamba-hambaMu.

Setiap kali terjaga terus mengingati ALLAH, jika berwudhu' lalu solat dua rakaat kemudian tidur semula maka ini lebih utama.

Makruh hukumnya tidur selepas waktu subuh dan maghrib. Dikatakan bahawa siapa yang mahu tidurnya kurang maka kurangkanlah minum air melainkan sekadar meredakan haus. Ahli

sufi yang sedang bersama jemaah jika semua jemaah tidur maka dia hendaklah tidur seperti mereka, jika tidak maka beredarlah dari tempat itu. Sunat hukumnya tidur *qailulah*[1] supaya dapat membantu untuk bangun malam. Pepatah sufi menyebutkan : "Tidur di awal siang : bodoh, tidur di tengahnya : akhlak, tidur di hujungnya : dungu."

Ada ahli sufi yang tidak tidur baring di malam hari kerana malu dengan ALLAH, begitulah keadaannya selama tiga puluh tahun. Kalau terlalu mengantuk dia cuma bersandar ke dinding, di siang hari dia berpuasa. Sidi Al-Junaid menceritakan : "Selama lebih tiga puluh tahun Sidi As-Sirriy tidak pernah dilihat berbaring melainkan waktu sakit matinya," dan diriwayatkan bahawa Sidi Abu Yazid melunjur kakinya di mihrab, tiba-tiba dia mendengar satu suara menyeru : "Barangsiapa duduk bersama Raja dengan tidak beradab maka dia menempah maut!"

[1] - Qailulah : tidur sedikit di waktu siang.

Adab As-Sama'[1]

Firman ALLAH Taala :

وإذا سمعوا ما أنزل إلى الرسول ترى أعينهم تفيض من الدمع مما عرفوا من الحق

Dan apabila mereka mendengarkan apa yang diturunkan kepada Rasul, kamu lihat mereka bercucuran air mata disebabkan kebenaran (Al-Quran) yang mereka ketahui.
- Surah Al-Ma'idah : 83

الذين يستمعون القول فيتبعون أحسنه

Mereka yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya.
- Surah Az-Zumar : 15

فهم في روضة يحبرون

...maka mereka di dalam taman (syurga) bergembira…
- Surah Ar-Rum : 15

Sidi Mujahid[2] mentafsirkan kalimah **يحبرون** dalam ayat di atas sebagai : mendengar (*sama'*). Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pula bersabda :

ما أذن الله لشيء كإذنه لنبي حسن الصوت بالذكر

ALLAH Taala tidak memberi suatu izin yang lebih baik dari izinNya kepada seorang nabi yang merdu suaranya berzikir. - Riwayat Muslim

Dalam satu riwayat dikhabarkan bahawa Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم menjerit sebaik sahaja mendengar ayat ini dibacakan kepadanya :

إن لدينا أنكالا وجحيما. وطعاما ذا غصة وعذابا أليما

Sesungguhnya pada sisi Kami ada belenggu-belenggu yang berat dan neraka yang bernyala-nyala, dan makanan yang menjadikan pemakannya tercekik dan azab yang pedih.
- Surah Al-Muzammil : 12-13

Diriwayatkan lagi bahawa Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم menangis berpanjangan setelah mendengar ayat ini dibacakan kepadanya :

فكيف إذا جئنا من كل أمة بشهيد وجئنا بك على هؤلاء شهيدا

Maka bagaimanakah (halnya orang kafir nanti), apabila Kami mendatangkan seseorang saksi (Rasul) dari tiap-tiap umat dan kamu mendatangkanmu (ya Muhammad) sebagai saksi atas umatmu. - Surah An-Nisa' : 41

Saiyidatina Aisyah رضي الله عنه menceritakan : "Ada seorang jariah sedang melagukan nasyid untukku, kemudian masuklah Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم manakala si jariah terus melagukan nasyidnya. Kemudian masuk pula Abu Bakar dan si jariah terus juga bernasyid, kemudian masuk pula Umar maka larilah jariah itu manakala Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم pula tertawa melihatnya. Umar bertanya : "Kenapa tuan ketawa ya Rasulullah?," Saiyidina Rasulullah pun mengkhabarkan padanya (perihal si jariah), maka Umar berkata :

---

[1] - As- Sama' dieja السماع , ertinya mendengar kalimat/lagu sufi.

[2] - Mujahid Bin Jabr, Abu Al-Hajjaj Al-Makki. Ulama tafsir generasi tabi'in, berasal dari Mekah, berguru dengan Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنه Wafat tahun 104H.

"Hamba tak mahu keluar hinggalah dapat mendengar apa yang telah didengar oleh Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم " dengan itu Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah menyuruh jariah melagukan nasyidnya hingga Umar pun turut mendengar."

Sidi Zun Nun Al-Misri ditanya mengenai *sama'*, beliau menjawab : "Datangnya dari kebenaran yang mengusik hati untuk mengingati ALLAH yang Maha Benar. Siapa mendengarnya dengan benar dia akan mendapat kebenaran, siapa mendengarnya dengan nafsu maka akan jatuh zindik." Sidi As-Sirriy berkata : "Waktu mendengarkan *sama'* hati orang *muhibbin* (pecinta Allah) merasa terhibur, hati ahli taubat akan ketakutan manakala hati para perindu akan menyala." Ulama sufi berkata :

- *Sama'* itu umpama hujan yang baik ; jika jatuh ke bumi, tanah akan menghijau subur. Begitulah keadaan hati yang bersih ; rahsia dan faedahnya akan zahir apabila mendengarkan *sama'*.
- *Sama'* dapat menggerakan perasaan hati yang berbagai macam ; gembira sedih, takut, harap, rindu… *sama'* boleh menyebabkan tangisan, boleh juga mendatangkan rasa terhibur.
- *Sama'* memberi kesan kepada seluruh anggota. Bolehjadi dengan *sama'* seseorang boleh menangis, atau bertepuk tangan, atau menari, atau jatuh pengsan.
- Para pendengar *sama'* terbahagi kepada tiga golongan : pertama yang mendengar dengan Tuhannya, kedua yang mendengar dengan hatinya dan ketiga yang mendengar dengan nafsunya.
- Ada ulama sufi berkata : Tidak boleh mendengar *sama'* kecuali untuk orang yang hatinya hidup dan nafsunya mati, orang yang hidup nafsunya mati hatinya tidak berkelayakan.
- Tidak layak mendengarkan *sama'* melainkan untuk orang yang sirna kepentingan dirinya, kekal menunaikan segala kewajibannya dan terpadam api kemanusiaannya.

Seorang sufi meriwayatkan ceritanya : "Aku telah bertemu Nabi Khidir AS, lalu kutanya Baginda : "Apa kata Tuan tentang *sama'* yang dikerjakan oleh teman-teman kami ahli sufi?," jawab Nabi Khidir : "Ia merupakan kejernihan, yang mampu bertahan diatasnya hanyalah kaki para ulama." Ulama sufi berkata : "*Sama'* ibarat pemetik api diraja, apinya takkan lekat melainkan kepada diri yang hatinya terbakar dengan mahabbah dan nafsunya terbakar dengan mujahadah."

Antara adab kaum sufi mengenai *sama'* ialah tidak berpura-pura tidak menetapkan waktu tertentu untuk mendengar *sama'*, tidak mendengar *sama'* untuk tujuan bersuka-suka dan bermain-main. Lirik *sama'* yang didengar oleh ahli sufi ialah yang memuatkan sifat ahli taubat, takut dan harap kepada Tuhan, yang mendorong mereka untuk beramal dan memberi nafas baru kepada kejujuran hati dalam kehendak. Siapa yang tidak mengetahui semua ini maka hendaklah dia pergi berguru dengan orang yang dapat mendidiknya untuk mendapatkan adab-adab itu.

Pernah dikatakan kepada Sidi An-Nasrabazi[1] : "Tuan terlalu gemarkan *sama'*," beliau membalas : "Benar, mendengar *sama'* lebih baik dari kamu duduk mengumpat." Sidi Abu Amru Bin Nujaid[2] pula menampik : "Mana mungkin ya Abal Qasim, sekali tergelincir dalam mendengar *sama'* itu lebih buruk dari kamu duduk sekian tahun mengumpat orang." Sidi Abu Ali

---

[1] - Ibrahim Bin Muhammad Bin Mahjub, Abul Qasim An-Nasrabazi. Ulama sufi dan ahli sejarah Khurasan di zamannya. Berguru dengan Sidi As-Syibli, wafat tahun 367H.

[2] - Ismail Bin Nujaid Bin Ahmad Bin Yusuf As-Salami. Ahli sufi dan zuhud, perawi hadis yang jujur. Beliau merupakan ketua ahli sufi Nisabur di zamannya. Wafat di Mekah.

Ar-Ruzbari berkata : "Perkara *sama'* ini telah menghantar kami ke satu tempat yang genting umpama mata pedang, kalau kami condong sekadar begian akan masuklah ke dalam neraka."

Dalam mendengarkan *sama'* adalah tidak beradab mendatangkan *hal* dan buat-buat bangun melainkan memang benar (diri pendengar) diselubungi *hal* yang kuat yang membuatkannya terganggu. Dibolehkan bangun untuk merangsang orang yang jujur atau untuk menyegarkan (suasana *sama'*) asalkan menjaga diri dari keadaan seperti mabuk dan tidak pula untuk menzahirkan *hal*, namun yang lebih utama ialah meninggalkan perkara ini. Diriwayatkan bahawa pernah berlaku ketika Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم menyampaikan kata nasihat maka menjeritlah seorang lelaki di satu sudut masjid, Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم lantas bersabda :

من ذا الملبس علينا ديننا؟ إن كان صادقا فقد شهر نفسه وإن كان كاذبا محقه الله

Siapa pula yang yang cuba menyamarkan kita terhadap agama kita (dengan jeritan tadi)?! Kalau dia jujur maka sesungguhnya dia telah menunjuk-nunjuk dirinya, kalau dia bohong nescaya ALLAH membinasakan dia.

Dihukumkan makruh keatas orang muda bangun dan menzahirkan *hal* di hadrat para syeikh. Diceritakan bahawa ada seorang pemuda berguru dengan Sidi Al-Junaid, setiap kali dia mendengar sesuatu dia akan menjerit dan halnya berubah. Sidi Al-Junaid pun berkata kepadanya : "Selepas ini kalau zahir lagi sesuatu darimu maka janganlah engkau duduk bersamaku," maka selepas itu si pemuda pun bersungguh-sungguh mengawal dirinya, kadang-kadang sampai setiap helai rambutnya menitis peluh, hinggalah pada satu hari dia melepaskan satu jeritan dan terus tercabut nyawanya.

Secara dasarnya tiada kelonggaran sama sekali bagi golongan remaja untuk bangun dan bergerak (waktu mendengar *sama'*). Kebanyakan syeikh sufi bahkan tidak menyukai kehadiran kaum remaja dalam majlis *sama'*. Jika keadaan semasa (dalam majlis *sama'*) masih serius maka tidak dibolehkah bagi orang yang memberati dirinya untuk *mudakhalah*[1] dan *muzamahah*[2] dengan tujuan *muwafaqah*[3] dan *musa'adah*[4].[5]

Dihikayatkan bahawa Sidi Zun Nun Al-Misri masuk ke kota Baghdad lalu datanglah satu rombongan bersama *qawwal* (penasyid) menzarahi beliau. Rombongan meminta izin untuk menyampaikan nasyid, Sidi Zun Nun mengizinkkannya. Si qawwal melagukan :

صغير هواك عذبني * فكيف به إذا احتنكا
أما تنظر لمكتئب * إذا ضحك الخلي بكى
وإن جمعت من قلبي * هوى قد كان مشتركا

sekelumit cintamu sudah membuat aku terazab
apa kan jadi kalau membara?
sudilah memandang derita jiwaku
teman lain tertawa riang
jiwaku bercucur si air mata
dari hatiku sudah kau himpun

---

[1] - Mudakhalah dieja المداخلة ertinya di sini turut sama bergerak.
[2] - Muzahamah dieja المزاحمة ertinya di sini meramaikan bilangan.
[3] - Muwafaqah dieja الموافقة ertinya di sini setuju/berkeadaan sama dengan mereka.
[4] - Musaadah dieja المساعدة , ertinya di sini bantu-membantu. Maksud dari ayat ini ialah : Jika hal keadaan seorang sufi dalam majlis sama' itu masih tenang, maka dia adalah dilarang dari menggagahi dirinya untuk bangun bergerak atau menari menyertai orang lain yang telah bangun, walaupun dengan tujuan untuk bersama-sama menyertai hal mereka dan bertolong bantu meningkatkan hal masing-masing.

cinta yang sama-sama membara

Mendengarkan naysid ini jiwa Sidi Zun Nun jadi terhibur lalu beliau bangun bergerak dengan keadaan *wajd* yang menyelubungi dirinya hingga jatuh tersembam, dahinya luka mengalir darah tapi tidak menitis ke tanah. Di kalangan yang hadir ada yang turut bangun tapi Sidi Zun Nun memandangnya lantas berkata : "Ingatlah Dia yang memerhatikan bangunmu!", mendengarkan itu dia kembali duduk.

Duduk dengan tenang beserta hati yang hadir, menjaga hemah dan memelihara kesopanan sebagai seorang pendengar itu lebih utama dari turut serta (bangun dan melakukan gerakan *wajd*), kerana sikap ini merupakan istiqamah dan kesempurnaan.

Mendengar dengan sopan merupakan adab *al-hadrah*. Firman ALLAH Taala :

فلما حضروا قالوا أنصتوا

...maka tatkala mereka menghadiri pembacaan(nya) lalu mereka berkata : "Diamlah kamu (untuk mendengarkannya)." - Surah Al-Ahqaf : 29

وخشعت الأصوات للرحمن فلا تسمع إلا همسا

...dan merendahlah semua suara kepada Tuhan Yang Maha Pemurah, maka kamu tidak mendengar kecuali bisikan sahaja. - Surah Taha : 108

Apabila mengadakan majlis *as-sama'* maka hendaklah dimulai dan ditutup dengan bacaan Al-Quran. Dihikayatkan bahawa Sidi Mimsyad Ad-Dainuri[1] mimpi bertemu Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم lantas bertanya kepada Baginda mengenai perhimpunan kaum sufi untuk mendengar *sama'*, maka jawab Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم : "Itu tidak mengapa, mulakan dengan bacaan Al-Quran dan tutup juga dengan bacaan Al-Quran."

Dihukumkan makruh kepada golongan murid mendengar *sama'* yang mengandungi *ghazal* (kata asmara) dan memuji kecantikan kerana kalimat sebegini terlalu dalam jurangnya. Diriwayatkan satu pesanan dari seorang syeikh : "Mendengar *sama'* adalah syahwat dalam jurang syubhat, tidak sayugia untuk mengamalkannya melainkan bagi seorang *arif* yang punya pandangan hati dan kecerdikan ; mampu mengelak syahwat dan tidak menyentuh yang syubhat."

Sidi Al-Junaid berkata : "Setiap murid yang kau lihat cenderung mendengar *sama'* maka ketahuilah bahawa saki-baki pengangguran masih ada padanya." Pepatah sufi mengatakan : "Adapun *sama'* itu sebatang jalan yang terbentang, ia ditempuh oleh kembara yang yakin dan sedar, juga oleh yang ragu dan degil. Jalan ini samada menghantar sang pengembara ke darjat tertinggi atau menghumbannya ke neraka yang terbawah." Ada murid yang menyoal syeikh : "Bukankah para syeikh juga dulunya cenderung kepada *sama'*?!" syeikh menjawab : "Jika keadaanmu sama seperti mereka maka silakanlah." Pepatah sufi juga berkata : "Adapun *sama'* itu saat sukanya akan pergi, dan saat dukanya akan terus disebut-sebut."

Orang yang datang untuk tersenyum-senyum dan bersuka-suka adalah dilarang dari menghadiri majlis *sama'*. Dihikayatkan dari Sidi Abu Abdullah Bin Khafif bahawa beliau berkata : "Aku telah hadir bersama guruku Syeikh Ahmad Bin Yahya[2] dalam satu undangan di

---

[1] - Mimsyad Ad-Dainuri, ulama tasawuf dan ahli zuhud yang mengungguli bidang siasah dan sastera Wafat tahun 229H.

[2] - Ahmad Bin Yahya Al-Jala', Abu Abdullah. Ulama sufi asal Baghdad yang mengembara ke negeri Syam. Wafat tahun 306H.

Syiraz, apabila didengarkan *sama'* guruku merasai kedamaian jiwa lalu bangun dengan *wajd* dan berputar-putar. Dalam barisan yang sama, berdekatan dengan kami ada sekumpulan ahli dunia, ada di kalangan mereka yang tersenyum-senyum, melihatkan itu syeikh mengambil *manarah*[1] lalu dilemparnya hingga tertancap ketiga-tiga kaki *manarah* itu kepada dinding. Adapun Syeikh Ahmad ini selama tiga puluh tahun solat subuhnya dengan wudhu isya'."

Ada syeikh sufi ditanya mengenai hiburan hati, roh dan jiwa dari mendengar *sama'*, maka beliau menjawab : "Hiburan hati darinya ialah hikmah, hiburan roh ialah nikmat, hiburan jiwa ialah menyebut apa yang menepati tabiat kesukaannya."

Telah ditanyakan juga mengenai soal pura-pura (buat-buat terkesan) dari *sama'*, maka dijawab : soal ini terbahagi kepada dua ; pertama pendengar yang pura-pura terkesan kerana mencari kemegahan atau manfaat duniawi maka ini merupakan penyamaran dan khianat, kedua pura-pura terkesan kerana berusaha mendatangkan *wajd* yang jujur maka ini sama dengan pura-pura menangis untuk mendatangkan tangisan sebenar. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إذا رأيتم أهل البلاء فابكوا، فإن لم تبكوا فتباكوا

Bila kamu melihat orang terkena bala maka menangislah, jika kamu tidak menangis maka buat-buatlah menangis. - Riwayat Ibnu Majah

Sidi Abu Nasr As-Sarraj berkata : "Adapun pendengar *sama'* itu terbahagi kepada tiga golongan :

- golongan pertama ialah mereka yang merujukan pendengaran mereka kepada apa yang ALLAH bicarakan kepada mereka melalui *sama'* yang didengar.
- Golongan kedua ialah mereka yang merujukkan pendengaran mereka melalui *sama'* itu kepada bicara hal, maqam dan waktu masing-masing. Golongan ini terikat dengan ilmu dan dituntut untuk jujur atas apa yang mereka isyaratkan dari *sama'* itu.
- Golongan ketiga ialah para *fuqara'* sufi yang berlepas diri dari dunia dan putus dari semua hubungan, hati-hati mereka tidak dicemari cinta dunia, atau menghimpun dunia, atau menyimpannya. Golongan ini mendengar *sama'* dengan hati yang bersih dan mereka layak menjadi pendengarnya. Inilah golongan pendengar yang paling dekat dengan keselamatan, paling selamat dari fitnah. Setiap hati yang tercemar dengan cinta dunia maka *sama'*nya ialah tabiat dan pura-pura.

Dikatakan bahawa orang yang halnya lemah perlu mendengar *sama'*, orang yang kuat halnya tidak perlukan itu semua. Sidi Al-Husoriy berkata : "Alangkah rendahnya hal orang yang perlu kepada pengganggu yang mengganggunya, lihatlah wanita yang kematian anaknya, dia tak perlu orang lain mendorong perasaan sedihnya."

Pepatah sufi mengatakan : "*Sama'* untuk satu golongan umpama makanan ruji, untuk golongan lain umpama ubat, untuk golongan lain umpama sakit, untuk golongan lain umpama kipas." Syeikh Abu Bakar As-Salami[2] berkata : "Kejadian *wajd* boleh jadi menambah darjat satu golongan, tapi untuk orang lain mungkin boleh menjatuhkan, kerana *wajd* umpama senjata ; mungkin digunakan untuk jihad fi sabilillah dan mungkin digunakan untuk membunuh auliya ALLAH."

---

[1] - Pelita saiz besar dan tinggi.

[2] - Muhammad Bn Al-Husein Bin Muhammad Bin Musa Al-Azdi As-Salami. Mengarang lebih seratus buah kitab termasuk biografi dan sejarah kaum sufi juga tafsir Al-Quran dari kacamata tasawuf. Wafat tahun 411H.

Dikatakan bahawa : "*Sama'* itu tergantung pada pendengar sendiri ; ada ahli sufi jatuh pengsan bila mendengar penjual sa'tar melaungkan :

يا سعتر بري!

Marilah membeli *sa'tar barriy*!

Bila sedar dia ditanya tentang pengsannya tadi, dia menjawab : "Aku sangka dia berkata :

اسع ترى بري!

Berusahalah, pasti kamu akan melihat kebaikanKu![1]

Sidi As-Syibli[2] *rahimahullah* mendengar penasyid melagukan syair :

أسائل عن ليلى فهل من مخبر * يكون له علم بها أين تنزل

ku risik khabar cinta Laila-ku
adakah yang sudi memberitahu
di mana tempat singgah Laila-ku?

Mendengarkan itu beliau terpekik lalu berkata : "Tidak! Demi ALLAH, baik di dunia maupun akhirat tiada siapa yang dapat memberi khabar tentangnya!".

Sidi As-Subaihi[3] berkata : "Seorang yang ditimpa *wajd* itu -jika dia jujur- wajiblah keadaannya terpelihara ketika dia diselubungi oleh perasaan ini, sekira-kira keadaannya itu tak dapat dicela barang sedikit pun." Dikatakan bahawa perasaan *wajd* merupakan rahsia sifat batin sepertimana ketaatan merupakan rahsia sifat zahir ; sifat zahir ialah gerak dan diam manakala sifat batin adalah *ahwal* dan akhlak.

Mengenai hukum *khiraq*[4] yang jatuh waktu majlis *sama'* maka mana yang jatuh kerana saling bertolong bantu maka ia menjadi milik semua. Mana yang jatuh kerana nyanyian *qawwal* atau penasyid jika waktu kejadian tiada jemaah maka ia menjadi milik khas untuk *qawwal*. Jika ada jemaah lain maka di sini para syeikh sufi telah berselisih pendapat ;
- Ada pendapat mengatakan ia menjadi milik qawwal kerana *sirr* (rahsia kesufian) [yang berlaku pada *sama'*] datang dari pihaknya, maka dialah yang layak diberi persalinan *khirqah* itu sebagai hadiah untuknya.
- Pendapat lain mengatakan ia menjadi milik semua yang hadir dan *qawwal* adalah salah seorang dari mereka, kerana berkat kehadiran jemaah tidak hanya pada nyanyian *qawwal*.

Diriwayatkan bahawa Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda waktu perang Badar : "Barangsiapa pergi ke tempat sekian maka ganjarannya begian, barangsiapa membunuh musuh maka ganjarannya begian, barangsiapa menawan musuh maka ganjarannya begian," lalu orang-orang muda pun bersegeralah manakala sahabat-sahabat tua dan terkemuka duduk bertahan di posisi bendera-bendera perang. Apabila ALLAH telah memberi kemenangan kepada kaum Muslimin para pemuda datang menuntut ganjaran yang dijanjikan untuk mereka, maka berkatalah yang tua : "Kami telah menjadi kubu kamu dan menjaga barisan belakang, dengan itu

[1] - Sa'tar barriy ialah sejenis tumbuhan hijau berbau harum, bunganya kecil bewarna putih ungu. Ahli sufi ini jatuh pengsan kerana kerana mendengar laungan penjual sa'tar seakan-akan berbunyi seperti makna yang disangka olehnya.
[2] - Abu Bakar As-Syibli, Dalf Bin Jahdar. Tokoh sufi yang asalnya hajib (setiausaha sulit) kepada Khalifah Al-Muwaffaq, beliu juga pernah menjadi gabenor Dunyawand. Wafat di Baghdad tahun 314H.
[3]- Al-Hasan Bin Abdullah Bin Bakar As-Subaihi. Ulama sufi asal Basrah.
[4]خرق Khiraq dieja - merupakan kata jamak dari kata tunggal khirqah خرقة . Ia merupakan sejenis pakaian khas yang dipakai oleh ahli tareqat sufi.

janganlah semua *ghanimah*[1] kamu ambil tanpa mengira bahagian kami." Lalu ALLAH Taala pun mewahyukan :

يسألونك عن الأنفال قل الأنفال لله والرسول

Mereka menanyakan padamu tentang (pembahagian) harta rampasan perang. Katakanlah : "Harta rampsan perang itu kepunyaan ALLAH dan Rasul…" - Surah Al-Anfal : 1

Dengan itu Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pun membahagi sama rata kepada mereka.

[1] - Harta rampasan medan perang.

Adab Perkahwinan

Adalah menjadi keutamaan untuk mengahwini wanita yang beragama lagi solehah. Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

تنكح المرأة لدينها ومالها وجمالها، فعليك بذات الدين تربت يداك

Adapun seorang wanita itu dinikahi kerana agamannya, hartanya dan kecantikannya, maka hendaklah kamu memilih wanita yang taat beragama pasti kamu akan bahagia. - Al-Jami' As-Saghir

Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

أعظم النساء بركة أيسرهم مؤنة

Wanita yang paling besar berkatnya ialah yang paling ringan mas kawinnya.
-Al-Jami' As-Saghir

Saiyidina Umar Al-Khattab رضي الله عنه berkata : "Wanita diciptakan dari kelemahan dan dia merupakan aurat (yang mesti dijaga), maka hendaklah kamu merawat kelemahannya dengan diam dan (menjaga) auratnya dengan rumah."

Antara adab kaum sufi dalam perkahwinan ialah tidak berkahwin kerana dunia dan kekayaan si isteri sebaliknya berkahwin atas dasar sunnah dan agama, keturunan yang baik dan atas dasar memelihara kehormatan diri. Kemudian suami pula hendaklah bertanggungjawab menunaikan kewajiban berkeluarga dengan mengusahakan keperluan yang wajib sekadar kemampuannya, jika tak mampu menunaikan kewajiban itu atau si isteri meminta lebih dari kemampuan si suami maka si suami boleh memberi pilihan kepada isteri apakah akan terus bersama dengan sekadar kemampuan yang ada atau perceraian sepertimana sunnah Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم ketika ALLAH Taala mewahyukan :

يا أيها النبي قل لأزواجك إن كنتن تردن الحياة الدنيا وزينتها

Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu : "Jika kamu menginginkan kehidupan dunia dan perhiasannya... - Surah Al-Ahzab : 28

Waktu ayat ini diwahyukan jumlah isteri Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم sembilan orang, Baginda pun memulakan pilihan itu kepada Saiyidatina Aisyah رضي الله عنه seraya berkata : "Sesungguhnya aku ingin berkata kepadamu satu perkara maka mintalah pandangan dua orang tuamu mengenainya...," bila sudah dikhabarkan oleh Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم teruslah dijawab oleh Saiyidatina Aisyah : "Apakah kata-kata darimu harus ku minta pandangan dari dua orang tuaku ya Rasulullah?!," lalu Saiyidatina Aisyah memilih ALLAH dan RasulNya serta negeri akhirat. Saiyidatina Aisyah berkata : "Ya Rasulullah, janganlah dikhabarkan isteri-isteri yang lain mengenai perkara ini," Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم berkata : "Demi ALLAH, tiadalah mereka bertanya melainkan ku khabarkan jua perkara ini." Demikianlah yang berlaku bilamana Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم mengkhabarkan kepada setiap isteri yang lain kesemuanya memilih ALLAH dan RasulNya, maka kerana itulah ALLAH Taala menghargai kesemua isteri-isteri Baginda dan turunlah wahyu mengenai peristiwa ini :

لا يحل لك النساء من بعد

Tidah halal bagimu mengahwini perempuan-perempuan sesudah itu…
- Surah Al-Ahzab : 52

Yang terlebih patut di zaman kita ini[1] ialah mengelak dari berkahwin, yang harus dilakukan ialah mengekang nafsu dengan latihan jiwa, berlapar, berjaga malam dan permusafiran.

---

[1] - Zaman kitab ini dikarang ialah kurun ke 6 hijrah.

Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

عليكم بالنكاح فمن لم يستطع فعليه بالصوم فإنه له وجاء

Hendaklah kamu berkahwin, barangsiapa tidak mampu maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa itu menjadi pengawal dirinya. - Riwayat Imam Ahmad

Ada orang soleh ditanya kepadanya : "Mengapa tuan tak berkahwin?" Beliau menjawab : "Nafsu yang ada pada diriku ini kalau boleh ditalak maka sudah lama aku menceraikannya, jadi bagaimana pula aku patut menambahnya dengan seorang isteri?!". Sidi Bisyr berkata : "Kalaulah aku terpaksa menjaga nafkah seekor ayam betina sekalipun, maka entah-entah aku terpaksa bekerja menjadi polis." Sidi Bisyr juga berkata : "Tidak berkahwin lalu menderita jiwa demi menjaga maruah diri itu lebih ringan dari mendidik anak-anak menjadi baik." Sidi Bisyr berkata lagi : "Pada pandanganku bersabar untuk tidak mengahwini wanita itu lebih mudah dari bersabar setelah wanita menjadi isteri." Ulama sufi berkata : "Menanggung beban dari anak-anak merupakan hukuman akibat mengambil syahwat yang halal."

Diriwayatkan bahawa ada seorang lelaki meminang puteri Sidi Maimun Bin Mahran[1], tapi Sidi Maimun menolak seraya berkata : "Aku tak gembira dia menjadi isterimu," lantas si lelaki bertanya mengapa, jawab beliau : "Kerana puteriku meminta barang kemas dan perhiasan," lelaki itu berkata : "Ini tak jadi masalah, aku memiliki apa hajatnya!" Lalu ditampik oleh Sidi Maimun : "Kalau begitu aku tak gembira engkau menjadi suaminya."

Ada seorang sufi mahu menceraikan isterinya, lalu beliau ditanya : "Apakah keburukan wanita ini kepadamu?," jawab si sufi : "Sebagai orang berakal aku tak patut membuka keaiban isteriku." Sesudah selesai urusan perceraian beliau ditanya lagi : "Nah, sekarang apa sebab engkau menceraikannya?," jawab si sufi : "Wanita ini sudah tak punya hubungan denganku, maka haramlah aku berkata apa-apa mengenainya."

Diriwayatkan ketikamana Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersedia mahu mengahwinkan puterinya Fatimah رضي الله عنه dengan Saiyidina Ali رضي الله عنه Baginda terlebih dahulu berkata kepada Saiyidina Ali : "Berucaplah mewakili dirimu," waktu itu kaum Muhajirin dan Ansar telah hadir, maka Saiyidina Ali pun berucap : "Segala pujian bagi ALLAH dengan pujian yang layak dan mendapat redhaNya. Seterusnya selawat buat Nabi Muhammad, dengan selawat yang mendekatkan diri kepada ALLAH lagi tidak terhingga banyaknya. Adapun pernikahan itu perintah dari ALLAH dan mendapat redhaNya, dan pertemuan kita ini merupakan izin dan ketentuan dariNya jua. Saksikanlah tuan-tuan, bahawa Baginda Nabi Muhammad Saiyidina Rasulullah menikahkan aku dengan puteri Baginda ; Fatimah dengan mas kahwin lima ratus dirham. Ketahuilah bahawa aku menerima nikah ini dan silakanlah bertanya pada Baginda dan jadilah saksi atas perkahwinan ini." Saiyidina Ali berkata : "Apa yang kami miliki hanyalah kulit kambing yang kami gunakan sebagai hamparan tidur waku malam dan di siang harinya kami jadikan bekas makanan haiwan pengangkut air."

---

[1]- Maimun Bin Mahran Ar-Raqqi, Abu Ayyub. Ulama bertaqwa dan mujahid yang dilantik oleh Khalifah Umar Abd. Aziz memegang jawatang hakim Iraq dan mengurus hasil mahsulnya . Beliau juga perawi hadis yang jujur dan kuat beribadat. Wafat tahun 117H.

Adab Meminta

ALLAH Taala berfirman :

لا يسألون الناس إلحافا

...mereka tidak meminta kepada orang dengan secara mendesak...
- Surah Al-Baqarah : 273

وأما بنعمة ربك فحدث

Dan terhadap nikmat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya.
- Surah Ad-Dhuha : 10

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

اعطوا السائل ولو جاء على فرس

Berilah kepada yang meminta walau dia datang menunggang kuda
- Al-Jami' As-Saghir

لو صدق السائل في سؤاله ما أفلح من رده

Jika yang meminta itu benar-benar jujur pada permintaannya, maka orang yang menolak permintaannya takkan mendapat keberuntungan.

ما صاحب الصدقة بأعظم أجرا من الذي يقبلها إذا كان محتاجا

Tidaklah pemberi sedekah itu lebih besar pahalanya dari penerima sedekah jika si penerima benar-benar memerlukan.

من سأل مسألة فهو غني عنها فإنما يستكثر من النار

Barangsiapa meminta sesuatu sedangkan dia tak memerlukan maka sesungguhnya dia cuma membanyakkan azab neraka untuk dirinya. - Riwayat Imam Ahmad

لا تحل الصدقة لغني ولا لذي مرة (قوة) سوى

Sedekah itu tidak halal untuk orang kaya dan orang yang berbadan sehat. -Riwayat Ibnu Majah

Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنه berkata : "Pendapatan yang ada sedikit keraguan itu lebih baik dari meminta-minta kepada manusia."

Sidi Al-Junaid berkata : "Mana-mana ahli sufi yang membiasakan diri mengambil sebab waktu ditimpa kesusahan maka sesungguhnya dia masih belum terbebas dari belenggu dirinya, dia juga masih belum mampu menanggung kesusahan."

Sidi Abu Hafs berkata : "Siapa yang biasa meminta akan dibalakan dengan sifat tamak, khianat dan asyik memikir dunia."

Adab kaum sufi dalam perkara meminta ini ialah mereka tidak meminta kecuali waktu darurat dan benar-benar memerlukan. Mereka juga tidak menerima pemberian melainkan sekadar keperluan. Ulama sufi berkata : Faqir sufi yang terpaksa meminta maka wajiblah dia membayar kifarah dengan bersedekah." Ulama sufi berkata : "Tidak sayugia menolak permintaan orang kerana orang yang meminta itu jika dia mulia maka pemberianmu dapat memelihara kemuliannya, jika dia orang tercela maka pemberianmu dapat memelihara dirimu dari kejahatannya dan memelihara air mukamu dari menolak permintaannya."

Kaum sufi menghukumkan makruh meminta-minta untuk diri sendiri dan menganjurkan agar meminta itu untuk keperluan kawan. Dihikayatkan bahawa Sidi Mimsyad Ad-Dainuri jika ada musafir asing singgah padanya maka beliau akan pergi ke pasar untuk mengumpul sedekah dari kedai-kedai lalu diberi kepada si musafir. Hal ini tidak dikira oleh kaum sufi sebagai meminta sedekah kerana ia adalah bertolong bantu membuat kebaikan. Sesungguhnya Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم turut meminta bagi pihak sahabatnya, kalaulah hal ini dikira meminta sedekah sudah tentu Baginda menghindarnya.

Dianjurkan supaya mengorbankan kemegahan diri untuk kepentingan para ikhwan, ulama sufi berkata : "Tidak sah kefaqiran seorang *faqir* itu melainkan jika dia mengorbankan kemegahan dirinya sepertimana dia mengorbankan hartanya."

Adab khadam apabila meminta ialah tidak melihat kepentingan dirinya dalam menerima pemberian atau waktu memberi, yang mesti diambil berat olehnya ialah kesusahan yang menimpa para *fuqara'* sufi, di sini khadam hendaklah menjadikan dirinya perantara antara pemberi dan penerima (*fuqara'* sufi). Sidi As-Syibli berkata : "Jika kamu keluar untuk meminta dari manusia maka janganlah engkau melihat mereka dan jangan melihat dirimu."

Adapun Syeikh Abul Abbas An-Nahawandi apabila didatangi para musafir asing, beliau akan masuk ke pasar dan mengumpul sedekah berbentuk makanan lalu membawa sedekah tersebut dengan tangannya kepada mereka. Beliau berkata : "Sejak dua puluh tahun aku tak pernah mengambil pemberian dari sesiapapun untuk diriku," beliau menghukum perbuatan minta sedekah sebagai makruh serta bersikap inkar terhadap peminta sedekah.

Sidi Al-Junaid berkata : "Tidak sayugia untuk sesiapa meminta sedekah melainkan bagi orang yang lebih suka memberi dari menerima," bagi yang mau mengkhidmati saudara-saudara sufinya maka yang lebih utama baginya ialah berhutang belanja yang diperlukan untuk mengkhidmati mereka dengan baik, sesudah itu bolehlah pergi meminta sedekah untuk membayar hutang tadi, sesungguhnya cara ini lebih selamat.

Ada pendapat sufi yang membolehkan seseorang meminta sedekah dengan maksud untuk menghinakan nafsunya. Ulama sufi ada mengatakan : "Tiada kebaikan bagi sesiapa yang tidak pernah merasa diri terhina bila ditolak permintaannya." Ada kalangan syeikh sufi yang tidak makan melainkan hasil dari meminta sedekah, bila ditanya mengenai perkara itu beliau menjawab : "Aku memilih cara ini kerana nafsuku membencinya."

Ulama sufi berkata :

- Para ikhwan yang merdeka berusaha untuk saudara mereka, tidak untuk diri sendiri.
- Makan dari hasil meminta lebih indah dari makan dengan hasil taqwa.
- Siapa yang meminta sedangkan dia sudah memiliki kecukupannya, ditakuti pada hari kiamat nanti orang-orang fakir akan mendakwanya : "Kamu telah mengambil bahagian kami, sedangkan kamu bukan dari golongan kami".

Adab Waktu Sakit

Diriwayatkan bahawa Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

حمى يوم بكفارة سنة

Demam sehari menghapus dosa setahun.

Waktu kaum Ansar ditimpa demam Baginda bersabda kepada mereka :

أبشروا فإنها كفارة وطهور

Bergembiralah, ia merupakan penghapusan dosa dan penyucian.

- *Riwayat Ibnu Majah*

Ahli hikmah berkata : "Seorang yang berakal tidak harus jahil terhadap hikmah disebalik sakit yang menimpa. Sesungguhnya sakit merupakan penghapusan dosa, peluang untuk mendapat pahala sabar, menyedarkan diri dari kelalaian, mengingatkan nikmat di kala sihat, memperbaharui taubat dan mendorong untuk bersedekah." Dihikayatkan bahawa Sidi Zun Nun melawat seorang pesakit, didapati si pesakit mengaduh sakitnya, maka Sidi Zun Nun berkata : "Tidak jujur cinta dari siapa yang tak merasa lazat dengan pukulan yang dicintai." Dalam satu hikayat lain seorang *arif* ditimpa sakit lalu pergi kepada tabib mengkhabarkan sakitnya, si tabib mempersoalkan : "Bukankah ini dikira mengadu (kepada selain Allah)?," jawab sang *arif* : "Tidak, sesungguhnya ini suatu perkhabaran terhadap kudrat yang Maha Berkuasa." Khadam kepada Sidi Kulaib As-Sanjari berkata : "Satu hari tuan guru berkata kepadaku : Apakah kamu lihat ada ruang di tubuhku yang tidak berulat melainkan lidah?, aku jawab : Tidak. Kata tuan guru lagi : Begitulah di dalam tubuhku tiada ruang yang tak berulat melainkan hati."

Mimsyad Ad-Dainuri *rahimahullahu taala* telah jatuh sakit, lantas beliau ditanya : "Apa khabar sakitmu?" Jawab beliau : "Sakit yang teruk," lalu ditanya lagi : "Apa khabar hatimu?" Jawab beliau : "Aku telah kehilangan hati sejak tiga puluh tahun."

Ada ulama sufi menyebut : "Aku mendapat kesembuhan lalu bersyukur itu lebih kucintai dari mendapat bala lalu bersabar."

Dalam kisah Nabi Sulaiman yang mensyukuri nikmat, ALLAH Taala berfirman :

نعم العبد إنه أواب

*...dia adalah sebaik-*baik hamba*, sesungguhnya dia amat taat pada Tuhannya.*

- Surah Sad : 30

Dalam kisah Nabi Ayub yang sabar dengan ujian, ALLAH Taala juga berfirman :

نعم العبد...

...dia adalah sebaik-baik hamba…- Surah Sad : 44

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

تداووا عباد الله، فإن الله تعالى لم يخلق داء إلا وخلق له دواء، فقيل : يا رسول الله، هل يرد التداوي من قضاء الله شيئا؟ فقال : هو من قضاء الله تعالى

"Wahai hamba-hamba ALLAH berubatlah, kerana sesungguhnya ALLAH Taala tidak menciptakan suatu penyakit melainkan diciptakan sekali ubatnya". Sahabat bertanya : "Ya Rasulullah, apakah berubat itu boleh mengubah takdir yang sudah ditetapkan Allah?" Jawab Baginda : "Berubat juga merupakan takdir dari ALLAH."

Adab Kematian

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

أكثروا من ذكر هادم اللذات، فما ذكره عبد في سعة إلا ضاقت عليه،
ولا ذكره في ضيق إلا اتسع عليه

Banyakkan olehmu mengingat pemusnah kelazatan (kematian), maka tiadalah seorang hamba mengingatnya waktu senang melainkan jadi sempit dadanya dan tiadalah dia mengingatnya waktu kesusahan melainkan jadi lapang dadanya. - Riwayat Ibnu Majah

Diriwayatkan bahawa Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم waktu didatangi ajalnya telah melafaz keluhan : "*Aduh sakitnya bala*". Ulama mentafsir hal ini dengan beberapa pendapat, ada yang mengatakan :

- Ia bererti menyerah diri dengan meninggalkan sikap keras hati dalam menempuh ketentuan ALLAH.
- Pendapat lain mengatakan : Dengan keluhan ini Baginda mengkhabarkan betapa beratnya mati supaya umatnya siap-siaga menghadapinya.
- Pendapat lain mengatakan : Baginda mengeluh untuk mengakui kelemahan diri dan bersikap tawadhu' dengan ALLAH, dengan itu perkara ini menjadi syariat untuk umatnya.
- Pendapat lain mengatakan : Waktu itu dikasyafkan kepada Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم apa yang dijanjikan untuknya dan akan tiba masa untuk mengadap ALLAH Al-Malikul Ma'bud, maka baginda pun mengeluh : "Aduh sakitnya bala," kerana hiruk-pikuk dunia dan makhluk yang penuh sesak, "Aduh sakitnya bala," kerana masih ada saki-baki hijab dan bilakah masanya untuk sampai kepada ALLAH ; Raja segala raja?.

Al-Khalili berkata : Ketika Al-Junaid sedang nazak aku ada di sisinya, beliau waktu itu masih terus membaca Al-Quran. Aku pun berkata padanya : "Kasihanilah dirimu tuan…," beliau menjawab : "Di saat inilah aku paling memerlukannya, di saat catitan amalanku akan ditutup…" Kemudian beliau mula membaca surah Al-Baqarah hingga sampai tujuh puluh ayat, sesudah itu beliau pun meninggal dunia.

Diceritakan ketika Sidi Khair An-Nassaj[1] sedang nazak, beliau memandang seraya berkata : "Sesungguhnya engkau hamba yang diperintah dan aku jua hamba yang diperintah, engkau takkan terlepas melaksanakan perintah itu sedangkan aku, apa yang diperintahkan padaku boleh terlepas…" Kemudian beliau minta air lalu berwudhu' dan solat, sesudah itu beliau bertakbir lalu sampailah ajalnya *rahimahullah*.

Sidi Ali Bin Sahl[2] berkata : "Apakah kamu lihat aku akan mati sepertimana para pesakit itu mati?! Sesungguhnya aku akan dijemput dan aku akan memenuhi jemputan itu." Maka pada satu hari ketika sedang duduk tiba-tiba beliau berkata : "Aku datang padaMu," lalu sampailah ajalnya *rahimahullah*.

Diceritakan bahawa sewaktu hampir ajal Sidi Ahmad Bin Khudrawaih[3] masih berhutang tujuh ratus dinar dan para pemiutang berada di kelilingnya. Sidi Ahmad lalu memandang kepada

---

[1] - Khair AAn-Nassaj, Muhammad Bin Ismail As-Samiri. Tokoh sufi yang berusia lanjut dan berguru dengan Sidi Al-Junaid, Al-khawwas dan ramai lagi. Wafat tahun 322H.

[2] - Ali Bin Sahl Bin Al-Azhar Al-Asbahani. Ulama sufi kenamaan dari Isfahan.

[3] - Ahmad Bin Khudrawaih Al-Balkhi, Abu Hamid. Ulama sufi Khurasan, berguru dengan Sidi Hatim Al-Asham dan Al-Busthami. Wafat tahun 240H.

mereka semua seraya berdoa : Ya ALLAH, sesungguhnya Engkau telah menjadikan hutang itu kewajiban yang mesti dibayar kepada tuan-tuannya dan Engkau-lah yang akan mengambil kewajibanku ke atas para pemiutangku, maka Ya ALLAH bayarkanlah untukku…" Tiba-tiba dari luar rumah ada orang mengetuk pintu lalu berkata : "Inikah rumah Ibnu Khudrawaih?" bila diiyakan suara itu bertanya lagi : "Manakah para pemiutangnya?" mereka semua pun keluar lalu orang itu membayarkan segala hak mereka, sesudah itu keluarlah roh Sidi Ahmad, semoga ALLAH meredhainya.

Ketika Sidi Abu Uthman Al-Hayri[1] sedang nazak anaknya terlalu sedih hingga merobek-robek bajunya, maka Sidi Abu Uthman pun membuka mata seraya berkata : "Menyalahi sunnah pada yang zahir tanda riya' batin di dalam hati."

Ketika Sidi Al-Junaid sedang sakarat beliau diingatkan : "Ucaplah *La ilaha illALLAH*," kata beliau : "Tak pernah aku melupainya hingga perlu diingatkan."

Dikatakan kepada Sidi Abu Muhammad Ad-Dailami : "Ucapkanlah *La ilaha illALLAH*," kata beliau : "Ini telah kami ketahui dan dengannya kami akan mati."

Sidi Ruwaim juga diingatkan perkara yang sama ketika nazaknya, maka jawab beliau : "Memang aku tak pandai menyebut selainnya." Dihikayatkan bahawa Sidi Abu Said Al-Kharraz[2] ketika nazaknya didatangi perihal *wajd*, anggota tubuhnya telah mati dan roh telah sampai ke halkumnya, beliau memekik seraya bersyair :

حنين قلوب العارفين لذكره * وتذكارهم وقت المناجاة للسر
وأجسادهم في الأرض قتلى بحبه * وأرواحهم في الحب نحو العلى تسري

Hati para arifin mengaduh rindu
teringat padaNya
ingatan mereka waktu munajat
dalam rahsia...
jasad mereka di bumi
terbunuh kerna cintaNya
tapi roh mereka
terbang sepenuh cinta
menuju ketinggianNya

Hal ini menunjukkan kegembiraan beliau dan kedamaian jiwanya.

Satu ketika Sidi Al-Hasan Al-Basri melihat seorang lelaki sedang menyedut nafas-nafas terakhirnya, beliau lantas berkata : "Sesungguhnya akhir riwayat lelaki ini patut menjadikannya zuhud di waktu awalnya, dan sesungguhnya awal riwayat lelaki ini memang patut jadi begini akhirnya."

Diceritakan satu ketika Sidi As-Syibli jatuh sakit hingga gemparlah khabar mengatakan beliau mati. Para syeikh segera pergi melawat dan duduk mengelilingi beliau. Beliau pun bertanya : "Ada hal apakah ini?" Kata Sidi Al-Maliki - yang merupakan murid paling berani - : "Mereka datang mahu melawat jenazah tuan," maka kata beliau : "Alangkah ajaib, alangkah ajaib…orang-orang mati datang melawat jenazah hidup."

---

[1] - Said Bin Ismail, Abu Uthman Al-hayri. Ulama Sufi Nisabur yang berasal dari Ray. Berguru dengan Sidi Abu Hafs Al-Haddad. Wafat tahun 298H.
[2] - Ahmad Bin Isa, Abu Said Al-Kharra. Ulama sufi Baghdad. Wafat tahun 286H.

Sidi Abu Bakar Ad-Dinawari[1] berkata : "Ketika Sidi As-Syibli sedang nazak beliau berkata : "Aku berkewajiban membayar satu dirham yang diambil secara zalim. Untuk itu aku telah bersedekah bagi pemiliknya beribu-ribu dirham, dalam hatiku tiada pekerjaan yang lebih merunsingkan dari perkara ini." Kemudian beliau berkata : "Wudhu'kan aku..." lalu aku pun mewudhu'kan beliau (yang telah lumpuh), waktu itu lidahnya sudah tak mampu bercakap. Ketika membasuhkan mukanya aku terlupa menyelati janggutnya, dia segera memegang tanganku lalu memasukkan jejariku ke celah-celah janggutnya. Dahi beliau keluar peluh dan amalan sunat sekecil ini tetap mendapat perhatiannya, sesudah itu maka sampailah ajalnya."

Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنه berkata : "Aku melawat Saiyidina Amru Bin Al-Ash رضي الله عنه waktu beliau sedang nazak, waktu itu anaknya Abdullah pun masuk, maka berkatalah Saiyidina Amru : "Wahai Abdullah, ambillah peti ini," kata Abdullah : Aku tak berhajat padanya," bapanya berkata : "Peti ini penuh dengan harta," maka kata si anak : "Aku tak berhajat padanya." Kemudian dari peristiwa itu Abdullah pernah berkata : "Alangkah baiknya kalau peti itu dipenuhi kefakiran!" Aku (Saiyidina Ibnu Abbas) pun kerkata kepadanya : "Wahai Abdullah, dulu aku pernah teringin melihat seorang lelaki berakal untuk bertanya apa sikapnya terhadap kematian dan apa sikap kematian terhadapmu?" Maka kata Abdullah : "Sesungguhnya langit seolah-olah jatuh melekap dengan bumi dan aku berada di tengahnya, dan seolah-olah aku ini bernafas dari lubang jarum!" Abdullah lalu berkata : "Ya Allah! Ambillah dariku hingga Engkau redha…" Kemudian beliau mengangkat tangan seraya berdoa : "Ya Allah! Engkau menyuruhku tapi aku melawan, Engkau menegahku tapi ku langgar tegahan, aku bersalah maka sekarang memohon ampun, aku tidak kuat maka bagaimana akan selamat, namun… *La ilaha illALLAH..*" Beliau mengucap kalimah tauhid tiga kali kemudian meninggal dunia.

Ketika Khalifah Abdul Malik Bin Marwan sedang sakarat beliau memandang kepada anak-anak lelaki di kelilingnya, juga kepada anak-anak perempuannya yang sedang menangis. Maka beliau pun bermadah :

ومستخبر عنا يريد بنا الردى * ومستخبرات والعيون سواجم

Yang lelaki bertanya khabar
mahu kami pergi mati
yang perempuan bertanya khabar
air mata membasah pipi

[1] - Abu Bakar Muhammad Bin Daud. Ulama sufi kenamaan yang berganding dengan Sidi Ali Ar-Rouzbari. Kewafatannya selepas tahun 350H.

Adab Waktu Ujian

ALLAH Taala berfirman :

وفتناك فتونا
...dan Kami telah mencubamu dengan beberapa cubaan…
-Surah Taha : 40

Dikatakan bahawa pengertian ayat ini ialah : Kami (ALLAH Taala) benar-benar memasakmu dengan bala ujian hingga engkau menjadi bening dan murni. Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

إن الله تعالى ادخر البلاء لأوليائه كما ادخر الشهادة لأحبائه

Sesungguhnya ALLAH Taala menyediaan bala untuk para waliNya sepertimana Dia menyediakan syahid untuk para kekasihNya.

Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

نحن معاشر الأنبياء أكثر الناس بلاء، ثم الأمثل فالأمثل

Kami golongan para nabi merupakan manusia yang paling berat diuji, kemudian diikuti oleh golongan yang mencontohi kami dan seterusnya. -Riwayat Ibnu Majah

lagi sabda Baginda alaihis salam :

أحب العباد إلى الله تعالى شاب عابد ومبتلى صابر، وفقير ناشط ؛ فإن الله يتعاهد عبده بالبلاء كما يتعاهد الوالد الشفيق ولده.

Hamba yang paling dikasihi ALLAH adalah pemuda yang rajin beribadah, orang yang diuji tapi sabar dan fakir yang cergas ; sesungguhnya ALLAH Taala memantau hambaNya dengan ujian sepertimana seorang bapa penyayang memantau anaknya.

Adab kaum sufi dalam menghadapi ujian ialah tidak berkeluh kesah dan mengadu dalam menempuh akibat ujian, dan (ingatlah) janji ALLAH untuk mereka yang sabar dalam firmanNya :

إنما يوفى الصابرون أجرهم بغير حساب

Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupan pahala mereka tanpa batas. - Surah Az-Zumar : 10

Ujian yang menimpa jika dipandang dengan mata hati akan sirnalah kepedihan dan kepayahannya dari jiwa ; ALLAH Taala berfirman :

واصبر لحكم ربك فإنك بأعيننا

Dan bersabarlah dalam menunggu ketentuan kami, maka sesungguhnya kamu berada dalam pengelihatan Kami. - Surah At-Thur : 48

Lihatlah wanita-wanita yang terpesona dengan Nabi Yusuf apabila mereka memandangnya mereka tenggelam dalam pandangan itu sampai kesakitan pisau yang menghiris tangan tak terasa oleh mereka hinggalah tersedar darinya. Firman ALLAH Taala :

فلما رأينه أكبرنه وقطعن أيديهن وقلن حاش لله

Maka tatkala wanita-wanta itu melihatnya, mereka kagum kepada (keelokan rupa)nya, dan mereka melukai jari tangan masing-masing seraya berkata : "Maha Sempurnanya Allah…
- Surah Yusuf : 31

Ditanyakan kepada seorang penyamun : "Bila saatnya kamu merasa hukuman pancung dan potong tangan menjadi enteng?" Jawab sang penyamun : "Bila mata kami melihat barang harta yang kami sukai", dia menganggap bala sebagai harapan, menjauh diri sebagai kesetiaan dan kesusahan sebagai kurniaan. Majnun Laila bersyair :

ومن أجل ليلى عذب القلب والحشا * ومن أجل اليلى قربوا لي مكانيا
ومن أجل ليلى رجل القوم للمنى * بنضح دمى يا حبذا أنت جانبا
ومن أجلها سميت مجنون عامر * لداها من المكروه نفسي وماليا
فلولاك يا ليلى لما جئت طارقا * أدور على الأبواب بالذل راضيا

Demi Laila jiwa raga terseksa
demi Laila mereka mendekat tempatku
demi kerana Laila mereka datang
mahu menumpah darahku
alangkah baiknya kalau engkau ada disisi
kerana Laila aku digelar Majnun Amir
Laila, biarlah nyawa dan hartaku
menebus segala kesusahanmu
kalau bukan keranamu Laila
takkan ku datang berkeliling
sanggup terhina dari pintu ke pintu

أذل لآل ليلى في رضاها * وأحتمل الأكابر والصغارا
Kuhinakan diri kepada keluarga Laila
Demi redha darinya
Sanggup aku bersabar dari yang tua dan yang muda

Sidi Abu As-Syish *rahimahullah* bersyair :

وقف الهوى بي حيث أنت فليس لي * متأخر عنه ولا متقدم
أجد الملامة في هواك لذيذة * حبا لذكرك فليلمني اللوم
أشبهت أعدائي فصرت أحبهم * إذ كان حظي منك حظي منهم
وأهنتني فأهنت نفسي عامدا * ما من يهون عليك ممن يكرم
Cinta padamu menempatkan aku
di mana saja kamu berada
terasa lazat aku dicerca kerna cintamu
teruslah mencerca tidak mengapa
kau jadi serupa dengan musuhku
aku pun sayang pada mereka
nasibku darimu dan mereka sama sahaja
kau menghinaku aku pun sengaja menghina diriku
siapa yang kau pandang hina tidak harus dimulia

Lihatlah, demi cinta mereka ujian kesusahan menjadi ringan. Lihatlah betapa mereka merasa lazat dengan ujian dan berbangga dengan kesusahan demi cinta itu. Demikianlah halnya orang yang jujur dengan pengakuan, *tahqiq* dengan ujian ; perubahan zaman dan keadaan tak memberi kesan pada dirinya.

Ahli sufi berkata :

ذل الفتى في الحب مكرمة * وخضوعه لحبيبه شرف

Demi cinta seorang pemuda sanggup terhina
itu sebenarnya kemuliaan
tunduk kepada sang kekasih
itu sebenarnya kehormatan

Diriwayatkan bahawa telah dikatakan kepada Saiyidina Al-Hasan Bin Ali Bin Abi Thalib رضي الله عنه : "Sesungguhnya Abu Dzar berkata : "Kefakiran lebih kucintai dari kekayaan, sakit lebih kucintai dari sihat." Maka Saiyidina Al-Hasan berkata : "Moga ALLAH merahmati Abu Dzar, tapi aku pula berkata : "Siapa bertawakkal kepada apa saja pilihan ALLAH -yang semestinya baik untuknya- maka dia takkan mengharap selain dari keadaan yang telah ALLAH pilihkan untuknya."

Diceritakan bahawa sekumpulan penziarah datang kepada Sidi As-Syibli yang sedang tergari di *maristan*[1], beliau pun berkata : "Siapa kamu semua?" Jawab mereka : "Para kekasihmu." Beliau melempar mereka dengan batu maka habislah lari bertempiaran, lalu berkatalah Sidi As-Syibli : "Wahai para pembohong! Mendakwa kasihkan aku tapi tak sabar dengan ujianku! Jauhkan diri dariku!"

Antara adab ahli sufi dalam menerima ujian ialah tidak mencari mati dan tidak melemahkan diri bahkan bertahan dan sabar. Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

المؤمن القوي أحب إلى الله من المؤمن الضعيف، احرص على ما ينفعك واستعن بالله ولا تعجز، وإن أصابك شيء فقل من قدر الله وما شاء الله فعل، وإياك ولو، فإن لو تفتح بابا من عمل الشيطان

Orang mukmin yang kuat lebih ALLAH cintai dari mukmin yang lemah, bersungguh-sungguhlah atas apa yang memberi manfaat padamu, dan mintalah pertolongan ALLAH dan janganlah kamu jadi lemah, dan jika kamu ditimpa sesuatu maka katakanlah "ini dari ketentuan Allah" dan "ALLAH memperbuat apa yang dikehendakiNya", dan janganlah sekali-kali kamu katakan "kalaulah…" kerana sesungguhnya sikap ini akan membuka satu pintu dari amalan syaitan.
- Riwayat Muslim

Sidi Ibnu Atho' berkata : "Waku ditimpa ujian akan ternampaklah dari seorang hamba itu sifat jujur atau pura-puranya, maka barangsiapa sabar di waktu senang dan mengeluh waktu diuji maka dia adalah dari golongan mereka yang berpura-pura." Firman ALLAH Taala :

الم. أحسب الناس أن يتركوا أن يقولوا آمنا وهم لا يفتنون.
ولقد فتنا الذين من قبلهم فليعلمن الله الذين صدقوا وليعلمن الكاذبين

Alif Lam Mim. Apakah manusia itu menyangka bahawa mereka dibiarkan saja mengatakan : "Kami telah beriman," sedangkan mereka tidak diuji lagi?! Dan sesungguhnya kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, masa sesungguhnya ALLAH mengetahui orang-orang yang benar dan sesunggungguhnya ALLAH mengetahui orang-orang yang dusta. - Surah Al-Ankabut : 1-3

ALLAH Taala berfirman lagi :

ولنبلونكم حتى نعلم المجاهدين منكم والصالبرين

Dan sesungguhnya Kami benar-benar akan menguji kamu agar Kami mengetahui orang-orang yang berjihad dan bersabar di antara kamu… - Surah Muhammad : 31

---

[1] - Maristan dieja مارستان, ertinya rumah sakit.

Sesungguhnya ujan yang ditimpakan ke atas manusia umpama kerja menyamak kulit yang akan membuang segala kotoran dan melayakkan kulit itu untuk diguna pakai.

Sidi Al-Junaid berkata : "Bala merupkan obor para *arifin*, kesedaran golongan murid dan kecelakaan untuk yang leka."

Dihikayatan bahawa Sidi Jaafar As-Sodiq[1] *alaihis salam* jika ditimpa ujian akan berkata :

اللهم اجعله أدبا و لا تجعله غضبا

Ya ALLAH jadikanlah ujian ini sebagai adab dan jangan jadikan ia sebagai marah.

Ini kerana ujian yang datang itu samada untuk membersihkan dosa, atau mendidik diri, atau sebagai cubaan, atau sebagai hukuman dan penghinaan.

Sidi Al-Hariri berkata : "Ujian itu ada tiga bentuk ; pertama sebagai balasan dan hukuman ke atas orang yang mencampur amal solehnya dengan maksiat, kedua sebagai penghapusan dosa ke atas orang yang melakukannya, ketiga sebagai cubaan ke atas para nabi, rasul dan golongan siddiqin."

Untuk mengetahui peradaban mereka dalam menghadapi ujian maka tak dapat tidak mestilah diceritakan hikayat mereka. Sidi Al-Junaid telah ditanya : "Apa faedahnya murid-murid mendengar hikayat?" jawab beliau : "Ia dapat menguatkan hati mereka," lalu ditanya lagi : "Apakah itu ada hujjahnya dari kitab Allah?" Maka jawab beliau : "Benar, firman ALLAH Taala :

وكلا نقص عليك من أنباء الرسل ما نثبت به فؤادك

Dan semua kisah dari rasul-rasul kami ceritakan padamu, ialah kisah-kisah yang dengannya Kami teguhkan hatimu… - Surah Hud : 120

[1]- Jaafar Bin Muhammad As-Sodiq. Ulama Ahlul Bait dari generasi tabiin dan mahaguru kepada ulama-ulama agung seperti Imam Malik, Abu Hanifah dan lain-lain. Wafat tahun 148H.

Adab Ar-Rukhsah[1]

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إن الله يحب أن تؤتى رخصه كما يحب أن تؤتى عزائمه

Sesungguhnya ALLAH suka hambaNya mengerjakan kelonggaran dariNya sepertimana Dia suka hambaNya mengerjakan kewajipan dariNya dengan sempurna. - Al-Jami' As-Saghir

Saiyidina Umar Al-Khattab رضي الله عنه bertanya Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

ما بالنا نقصر الصلاة وقد أمنا؟ فقال : صدقة تصدق الله بها عليكم ألا فاقبلوا صدقته

Mengapa kita masih solat qasar sedangkan kita aman (tidak dalam keadaan perang)? Maka jawab Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم : Ini sedekah dari ALLAH untuk kita, maka hendaklah kita semua menerimanya. - Al-Jami' As-Soghir

Adapun perkara *rukhsah* itu umpama sumber air yang sentiasa didatangi oleh golongan murid yang baru memulakan perjalanan, bagi golongan pertengahan perasaan mereka berbelah bagi terhadap *rukhsah*, manakala bagi yang telah berjaya dari golongan *arifin* pula mereka rasa senang dengannya. Adapun golongan *muhaqqiqun* (sufi sejati) mereka tidak menetap di situ kerana *rukhsah* ibarat lembah yang luas lagi banyak bahayanya, tiadalah datang ke situ melainkan kerana darurat dan dengan niat akan segera beredar. Umpama pengembala yang membawa ternakan berdekatan kawasan larangan, maka hampir-hampirlah dia menceroboh ke dalam. Dan sesungguhnya kawasan larangan ALLAH Taala itu dijaga dengan menjauhi laranganNya. Setiap orang yang mundur dari darjat hakikat maka jatuhnya itu ialah dengan sebab *rukhsah*, dan mereka yang jatuh darinya akan terjerumus dalam kesesatan dan kejahilan.

Mengambil *rukhsah* dalam mazhab sufi bererti kembali dari hakikat ilmu kepada zahir ilmu, pada ahli sufi perkara ini mengurangi *hal* mereka.

Ditanyakan kepada ulama sufi tentang buruk adab dari seorang *faqir*, maka dijawab : "Bila si *faqir* mundur dari darjat hakikat kepada yang zahir." Kerana itulah Sidi Zun Nun Al-Misri berkata : "Riya' bagi golongan arifin adalah ikhlas bagi golongan murid." Beliau pernah ditanya mengenai dosa golongan *muqarrabin*, lalu dijawab : "Kebaikan golongan *abrar* adalah kejahatan di sisi *muqarrabin*."

Sesudah kewafatan Sidi Al-Junaid beliau dilihat orang dalam mimpi, lalu ditanya : "Apa yang ALLAH lakukan terhadapmu?" Jawab beliau : "ALLAH menegurku kerana satu kalimat yang secara tak sengaja terpacul dari mulutku ; iaitu pernah dalam satu tahun hujan tidak turun, lantas bersama orang lain aku berkata : "Betapalah manusia memerlukan hujan," dikeranakan itulah ALLAH menegurku : "Mana kamu tahu yang manusia memerlukan hujan?! Kamu mahu mengajar Aku?! Sesungguhnya Aku Maha Tahu dan Maha Memberi Khabar! Pergilah, sesungguhnya Aku telah mengampunimu."

Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan :

أتى النبي صلى الله عليه وسلم فقيل : مات فلان من أهل الصفة، وترك دينارين - أو درهمين - فقال : كيتان، صلوا على صاحبكم.

---

[1] - Dieja الرخصة : berasal dari istilah hukum feqah yang bererti keringanan atau kelonggaran dalam mengerjakan suatu amalan, istilah rukhsah di sini bererti perkara-perkara yang boleh dikerjakan dalam mazhab sufi dengan menjaga batas-batasnya.

Adapun Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah didatangi sahabatnya lalu dikhabarkan : Si polan dari ahli suffah itu telah meninggal dunia dan dia meninggalkan dua dinar – atau dua dirham -, maka Sabda Baginda : Itu dua selaran api, sembahyangkanlah temanmu itu. - Riwayat Imam Ahmad

Memang ada riwayat yang sahih bahawa di kalangan sahabat ada yang wafat meninggalkan harta yang banyak dan soal ini bukanlah sesuatu yang diinkari oleh mereka. Tapi dalam hal si polan itu Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم mengingkarinya kerana dia telah menyalahi makna dakwaannya sebagai ahli suffah. Perhatikanlah ; solat dan membaca Al-Quran merupakan ibadah ketaatan, tapi siapa mengerjakannya dalam keadaan berhadas atau junub maka orang ini patut dimarahi dan menerima hukuman. Dan perhatikan jua sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

من تشبه بقوم فهو منهم

Siapa yang menyerupai satu kaum itu maka dia termasuk dalam golongan mereka.
- Al-Jami' As-Saghir

Yang dimaksudkan ialah meniru perjalanan hidup mereka, bukan sekadar pakaian zahirnya, kerana Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم turut bersabda :

من تهيأ للناس بقوله ولباسه وخالف بذلك أعماله فعليه لعنة الله والملائكة والناس أجمعين

Siapa yang menzahir diri kepada manusia dengan kata-kata dan pakaiannya tapi amalannya tidak selari, maka ke atasnya laknat ALLAH dan para malaikat serta seluruh manusia.

Kemudian para ahli sufi mempunyai adab dan tatacara dalam mengerjakan *rukhsah*. Maka hendaklah orang yang mahu mengerjakan *rukhsah* mengetahu adab dan tatacara tersebut agar dapat mencontohi perilaku dan keelokan mereka supaya dia dapat mencapai maqam-maqam *muhaqqiqin* dan segala ehwal mereka.

- **Kemahiran Bekerja**

Di antara *rukhsah* kaum sufi ialah menguasai satu kemahiran pekerjaan dan bersandar kepada ilmu pengetahuan. Adab mereka ialah tidak menjadikan penghasilan mereka sebagai harta kekal, sebaliknya digunakan untuk kepentingan-kepentingan yang sewajarnya. Penghasilan yang diperolehi pula tidak harus lebih dari nafkah setahun untuk diri sendiri, keluarga dan tanggungannya ; ini merupakan tauladan dari Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Umar Al-Khattab رضي الله عنه berkata : "Adalah tanah kebun rampasan perang dari Bani Nahdir itu dijadikan untuk ALLAH dan RasulNya, sekali-kali tidak dikongsi oleh kaum Muslimin baik untuk kuda perang maupun untuk kenaikan mereka. Maka harta Bani Nadhir itu khusus untuk Baginda Nabi sahaja. Baginda mengambil dari harta itu belanja setahun untuk dirinya dan ahli keluarganya, selebihnya diperuntukkan kepada belanja perkebunan, kuda perang, persenjataan, dan kelengkapan perang fi sabilillah azza wa jalla."

Bagi ahli sufi yang berkeluarga atau menanggung dua orang tuanya maka hendaklah dia bekerja menghasilkan pendapatan untuk menanggung mereka. Adab mereka di situ ialah pekerjaannya tidak menyibukkan diri dari kewajiban yang ditentukan oleh ALLAH Taala pada waktu-waktu yang telah ditetapkan. Ahli sufi tidak memperuntukkan masanya dalam sehari untuk lebih kepada berkerja mencari rezeki, sebaliknya dia akan berusaha untuk menjadikan waktu kerjanya dari waktu dhuha sampai akhir waktu solat zuhur, kemudian dia akan kembali .... berkumpul dengan teman-teman sufinya dan solat lima waktu bersama mereka, hinggalah waktu dhuha keesokannya. Jika ada lebihan penghasilan dari nafkah keluarganya maka dia akan mengutamakan ikhwannya dan teman pergaulannya.

- **Meminta Sedekah**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah dibolehkan meminta sedekah. Adab mereka dalam perkara ini ialah tidak boleh meminta melainkan waktu berhajat, hanya meminta sekadar cukup keperluan dan untuk tanggungannya sahaja, dan tidak boleh dia menjatuhkan air muka pergi meminta kepada orang yang congkak menolak permintaannya. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إذا سألت فاسأل الصالحين

Jika kamu meminta maka mintalah kepada orang soleh.
- Riwaat An-Nasa'i

Dan hendaklah lemah-lembut dalam meminta tapi jangan sampai merendahkan harga diri, kerana telah diriwayatkan sabda Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

لعن الله فقيرا يتواضع لغني لأجل ماله

ALLAH melaknat fakir yang tawadhuk kepada si kaya kerana hartanya.

Dalam erti yang sama dengan maksud di atas diriwayatkan bait syair dari Sidi Jaafar As-Sodiq رضي الله عنه :

لا تخضعن لمخلوق على طمع * فإن ذلك وهن منك في الدين
واستغن بالله عن دنيا الملوك كما اسـ * ـتغنى الملوك بدنياهم عن الدين
واسترزق الله مما في خزائنه * فإن ذلك بين الكاف والنون

Jangan kau tunduk kepada makhluk
kerna mengharap sesuatu darinya
itu merendah taraf dirimu pada agama
kayakan dirimu dengan ALLAH sahaja
seperti penguasa yang kaya dunia
tak pedulikan soal agama
mintalah rezeki dari khazanahNya
antara kaf dan nun-nya

Apa yang dapat dari meminta sedekah itu tidak disimpan menjadi milik peribadi tapi diberi kepada keluarganya supaya hatinya kosong dari sibuk memikirkan mereka, apa yang dapat dari minta sedekah itu tidak boleh dibelanja dengan boros, juga tidak boleh meminta sedekah itu dijadikan kebiasaan dirinya.

- **Berhutang**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah berhutang atas tanggungan ALLAH Taala. Adabnya ialah hutang itu dibuat untuk kepentingan para ikhwan, waktu darurat, dan hendaklah tidak leka dari mengambil berat terhadap tujuan dan usaha untuk membayarnya.

Diriwayatkan sabda Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

من أدان دينا وهو ينوي أداءه وقضاءه ومات ولم يترك وفاء قضى الله تعالى لغريمه يوم القيامة

Barangsapa berhutang dengan azam untuk membayarnya lalu dia mati sebelum sempat menunaikan tekadnya itu sedang dia memang memegang janjinya, nescaya ALLAH Taala yang akan melangsaikan kepada pemiutangnya di hari kiamat. - Al-Jami' As-Saghir

- **Membawa Bekal**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah membawa bekal dalam permusafiran. Adabnya ialah tidak lokek dengan perbekalannya kepada teman seperjalanan yang berhajat. Dalam sebuah hadis diceritakan bahawa Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم keluar bermusafir, dalam perjalanan itu Baginda memerintahkan juruhebah menyerukan :

ألا من كان معه فضل زاد فليعد به على من لا زاد له، ألا من كان معه فضل ظهر فليعد به على من لا ظهر له. فذكر من الأصناف ما ذكر حتى ظننا أنه ليس لنا في فضل الذي في أيدينا حق.

"Ambil perhatian! Barangsiapa punya lebihan bekal hendaklah menolong yang tidak berbekal. Ambil perhatian! Barangsiapa punya kenderaan berlebihan hendaklah menolong yang tidak berkenderaan." Demikanlah terus diumumkan berjenis-jenis lebihan lain hingga kami (para sahabat) menyangka bahawa kami tak punya hak keatas lebihan yang kami bawa.
- Riwayat Muslim

- **Mengambil Upah Haji**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah boleh mengerjakan haji untuk orang lain dengan mendapat upahnya. Adabnya ialah pekerjaan ini tidak boleh dilakukan kecuali darurat, kemudian belanja pergi dan pulang mesti dari upah itu, tidak boleh dari minta sedekah atau dari harta wakaf. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

من حج عن ميت كتب للميت حجة وللحاج براءة من النار

Barangsiapa menunaikan haji untuk orang yang telah mati maka bagi si mati dituliskan amalan haji dan bagi yang mengerjakannya dibebaskan dari api neraka.
- kanzul 'Ummal

- **Musafir Kelana**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah bermusafir kelana menjelajah serata negeri. Adabnya ialah meniatkan perjalanan untuk menziarahi saudara seagama, atau untuk minta halal perkara yang telah lalu, atau untuk menuntut ilmu. Sesudah ditekadkan niat itu maka bolehlah menghasilkan tujuan peribadi dalam permusafirannya.

- **Tarian Sufi**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah bangun bergerak waktu mendengar *sama'*. Adabnya ialah mengambil kira suasana semasa, tidak *mudakhalah* (ikut campur) dan *muzahamah* (meramaikan) selagi *hal* diri masih serius, jika suasana baik maka *mudakhalah* dan *muzahamah* dibolehkan dengan tujuan *musa'adah* (bantu membantu) dan *muthayabah* (menyukakan keadaan) dengan syarat tidak *tasakur* (mabuk/hilang kawalan) dan tidak menzahirkan *hal*.

- **Jenaka**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah bergurau jenaka. Adabnya ialah menjauhi bohong, umpat, meniru lakon, tidak berlawak bodoh dan apa yang menghilangkan maruah diri. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إن الله لا يؤاخذ بالمزاح الصادق في مزاحه

Sesungguhnya ALLAH tidak murka kepada penjenaka yang jujur dalam jenakanya.

Saiyidina Ali رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم itu apabila melihat ada sahabatnya yang tidak ceria Baginda akan menggembirakannya dengan gurauan.

Dihukumkan makruh apabila banyak bergurau, khususnya bagi orang yang berkedudukan. Pepatah sufi mengatakan : "Janganlah kamu menjenakai orang mulia nanti dia mendendamimu, dan janganlah kamu menjenakai orang hina nanti dia sewenang-wenangnya kurang ajar terhadapmu." Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم tidak suka berpaling melihat para

sahabat kerana bimbang akan terpandang mereka sedang berjenaka dan ini menyebabkan mereka merasa malu. Ada seorang sahabat yang sedang sakit mata makan buah tamar lalu ditanya oleh Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

أتأكل التمر وبك رمد؟ فقال : يا رسول الله : إنما آكل بالجانب السليم،

فضحك النبي صلى الله عليه وسلم

Apakah kamu makan tamar sedangkan matamu sakit? Lalu dijawab oleh sahabat itu : Ya Rasulullah, hamba makan untuk sebelah mata yang sihat. Mendengarkan jawapan itu Baginda Nabi pun tertawa. - Riwayat Ibnu Majah

- **Menyiarkan Ilmu Yang Bermanfaat**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah menyiarkan ilmu-ilmu yang patut diamalkan. Adabnya ialah dalam menyampaikan ilmu mestilah bermaksud untuk memberi faedah, nasihat dan petunjuk. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

نضر الله امرءا سمع مقالتي فوعاها فأداها كما سمعها، فرب رجل حامل فقه غير فقيه، ورب حامل فقه إلى من هو أفقه منه.

Semoga ALLAH menyerikan orang yang mendengar ucapanku lalu dihafal dan disampaikan pula sepertmana dia telah mendengarnya. Barangkali orang yang ada ilmu itu tak memahami ilmunya, dan barangkali seseorang menyampaikan ilmu kepada orang yang lebih faham darinya.

- **Pakaian Khas Ahli Sufi**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah memakai baju *muraqqa'ah* yang biasa dipakai (oleh kaum sufi). Adabnya ialah mengelak dari memasyhurkan diri dengannya. Maka janganlah sufi yang memakai *muraqqa'ah* menghabiskan banyak masa merawat dan menambah *muraqqa'ah*nya, terlampau menghiasnya ; ini akan membuang-buang waktu pada perkara yang tak berfaedah untuk agama maupun dunia. Kalangan syeikh sufi ada yang akan mengeji jika melihat seorang *faqir* terlampau menghias *muraqqa'ah* dan pakaian, hingga dikatakan : "Bila batin mereka sudah tak berfaedah mereka pun menyibukkan diri menghias yang zahir." Baginda Nabi *alaihis salam* pernah melihat dikalangan rombongan yang datang kepada Baginda ada lelaki yang berpakaian lusuh, Baginda pun bertanya kepada lelaki itu : "Adakah kamu memiliki harta?" Jawab lelaki "Ada ya Rasulullah," maka sabda Baginda : "Maka hendaklah kesan harta itu terlihat pada dirimu." Dalam soal ini adalah dianjurkan supaya bersederhana.

- **Berpelukan Waktu Bertemu**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah berpelukan waktu bertemu. Adabnya ialah ianya berlaku sesama ahli sufi yang sejalan dan sefahaman serta dengan orang yang mesra dengan mereka. Saiyidina Abul Haitham At-Tayyihan رضي الله عنه berkata : "Pernah Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bertemu aku di sebatang jalan di Madinah lalu Baginda memeluk dan menciumku." Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم juga pernah ditanya mengenai asal amalan berpelukan, maka jawab Baginda :

فإنها إثبات المودة

Sesungguhnya amalan ini menguatkan kasih sayang.

- **Suka Jawatan**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah dibolehkan untuk suka kepada jawatan. Adab kesufian bagi yang menyukai jawatan ialah hendaklah dia tahu dirinya, tahu sejauh mana batasannya dan tidak bercita-cita lebih dari kemampuannya. Janganlah dia mengambil apa-apa kedudukan melainkan yang memang layak untuknya, dalam pepatah sufi dikatakan : "Sayugia bagi orang yang berakal untuk tidak mengangkat diri lebih dari kadarnya, dan tidak merendahkan

diri kurang dari kedudukannya." Dalam pepatah lain dikatakan : "Jika orang jahil naik tinggi itu merupakan perkara memalukan sepertimana orang dihukum pasung di atas salib." Dikatakan lagi : "Untuk orang jahil tidak terkenal lebih baik dari dikenal, kerana tidak terkenal itu akan menutup keaibannya dan terkenal itu akan menyiarkan keburukannya."

Janganlah dia mengejar sesuatu yang tidak boleh dicapai olehnya kerana perbuatan ini akan mencicirkan apa yang dikendong ditangan. Pepatah sufi berkata : "Siapa yang cukup dengan kadarnya akan kekal seri wajahnya." Ulama sufi berkata : "Penyakit terakhir yang keluar dari hati para *siddiqin* ialah cinta kepada jawatan."

- **Mendekati Pemerintah**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah mendekati para pemerintah dan duduk dengan mereka. Adab kesufiannya ialah tidak terpengaruh dengan puji-pujian orang kepada pemerintah dan tak tertipu dengan kata-kata mereka. Jika ahli sufi tahu pemerintah dipuji dengan pujian yang tidak layak maka janganlah setuju dengan pujian itu. ALLAH telah mencela orang yang suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan :

ويحبون أن يحمدوا بما لم يفعلوا فلا تحسبنهم بمفازة من العذاب

...dan mereka suka supaya dipuji terhadap perbuatan yang belum mereka kerjakan, maka janganlakh kamu menyangka bahawa mereka terlepas dari azab.. - Surah Aali Imran : 188

Ayat ini juga menjadi dalil bahawa mereka yang suka untuk dipuji dengan amalan yang dilakukan adalah tidak berdosa, cuma ditakuti ia akan membawa kepada dosa. Maka apabila dipuji hendaklah seseorang itu mengucapkan :

اللهم اجعلني خيرا مما يظنون، واغفر لي ما لا يعلمون، ولا تؤاخذني بما يقولون

Ya ALLAH jadikanlah aku lebih baik dari sangkaan mereka, ampunilah aku atas apa yang mereka tidak tahu, dan janganlah Engkau menghukumku atas apa yang mereka katakan.

Diriwayatkan bahawa Saiyidina Ali *karramallahu wajhah* setelah mendengar orang memuji-mujinya beliau berkata : "Diriku lebih rendah dari kata-kata yang kau ucapkan, lebih tinggi dari apa yang kau sembunyikan."

- **Mencerca Kaum Bodoh Sombong**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah apabila meluat boleh memalukan kaum yang bodoh sombong dengan keturunan mereka. Adab kesufiannya ialah itu tidak dilakukan melainkan untuk membalas sikap kurang ajar, ucapannya pula hendaklah dalam bentuk kiasan umum bukan dalam bentuk cercaan langsung. Diriwayatkan bahawa ada beberapa orang Yahudi datang menyakiti Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan merendah-rendahkan agama Islam. Saiyidina Rasulullah naik marah dengan perbuatan mereka, maka ALLAH pun menurunkan wahyu :

قل هل أنبئكم بشر من ذلك مثوبة عند الله من لعنه الله

Katakanlah : "Apakah akan aku beritakan kepadamu tentang orang-orang yang lebih buruk pembalasannya dari (orang-orang fasik) itu disisi ALLAH, iaitu mereka yang dikutuki dan dimurkai Allah...- Surah Al-Maidah : 60

Maka Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pun mencerca mereka dengan sabdanya : "Wahai saudara-mara beruk!"

- **Menzahirkan Ibadah**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah menzahirkan ketaatan dan ibadah. Adab kesufiannya ialah ia dilakukan untuk mendidik murid-murid beradab, atau supaya dicontohi oleh pengikut.

Dalam menzahirkan ibadah janganlah memperdulikan apakah manusia lain menerimanya atau menginkarinya. Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah ditanya soal menjaharkan bacaan Al-Quran atau membaca perlahan, maka jawab Baginda :

إن تبدو الصدقات فنعما هي
Jika kamu menampakkan sedekahmu maka itu adalah baik sekali
- Surah Albaqarah : 271

Saya (pengarang) berpendapat bahawa masalah tadi ialah pada ibadah nawafil dan fadhilat, manakala pada ibadah fardhu pula adalah tidak menjadi khilaf dikalangan ahli ilmu bahawa menzahirkannya itu lebih utama.

- **Bersiar-siar**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah keluar untuk bersiar-siar dan menggembirakan hati. Adab kesufiannya ialah memilih tempat seperti gua atau lembah atau selainnya yang tidak ada di situ perkara-perkara mungkar dan maksiat. Ini bermaksud supaya mengelak dari ketidakupayaan mencegah kemungkaran tersebut, selain itu ditakuti juga jika berada di tempat mungkar akan tertiru perangai ahli maksiat. Adapun Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم amat gemarkan pemandangan yang hijau dan air mengalir.

- **Menonton Permainan**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah menonton pelbagai jenis permainan. Adab kesufiannya ialah tidak terlibat dengan yang haram dan yang mungkar. Adapun perkara yang haram dikerjakan maka haram pula menontonnya. Diriwayatkan dari Siti Aisyah رضي الله عنه bahawa beliau berkata : "Adalah orang-orang Habsyah memainkan permainan mereka dan aku duduk menonton mereka dari dalam pintu rumahku, Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم pula melindungiku dengan kain selendangnya. Baginda tidak beredar sehinggalah aku sendiri yang beredar dari situ."

- **Mendengar Cerita Dongengan**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah menghadiri majlis-majlis yang berlaku padanya perbualan karut. Adab kesufiannya ialah tidak mendengarkan umpatan dan cerita-cerita mungkar darinya. Diriwayatkan dari Saiyidina Jabir Bin Samrah رضي الله عنه bahawa beliau berkata : "Aku telah duduk semajlis bersama Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم lebih seratus kali. Dalam majlis-majlis itu ada yang saling bergurindam syair, ada yang menceritakan kisah-kisah zaman jahiliyah, dan Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم hanya diam saja, terkadang senyum pula bersama mereka."

- **Makanan Yang Baik**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah menjamah makanan yang baik-baik. Adab kesufiannya ialah tidak menjadikan perkara ini sebagai adat kebiasaan. Ia dilakukan hanya setelah hidup susah dan selepas melaksanakan riadhah (latihan jiwa) supaya tidak membiasakan diri dengan adat makan sebegini. Diriwayatkan dari Saiyidina Ali رضي الله عنه bahawa Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم gemar makanan *tsarid*[1], diriyatakan juga bahawa Baginda gemarkan manisan. Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

إذا عرض على أحدكم الطيب والحلوى فلا يردهما حتى يمس منهما

[1] - sejenis makanan istimewa di Madinah, terdiri dari roti dan kuah.

Jika ditawarkan kepadamu wangian dan manisan maka janganlah kamu menolak keduanya dan hendaklah kamu menjamah darinya.

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

انهسوا اللحم نهسا فإنها أهنأ وأمرأ

Hendaklah kamu memamah daging dengan baik,
sesungguhnya itu lebih sedap dan enak. - riwayat At-Tirmizi

Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

سيد الطعام لأهل الجنة اللحم، وسيد طعام أهل الدنيا اللحم

Penghulu makanan ahli syurga adalah daging
dan penghulu makanan ahli dunia adalah daging. - Al-Jami' As-Saghir

- **Mencagar Pakaian**

Antara *rukhsah* ahli sufi lagi ialah mencagarkan pakaian untuk membeli makanan. Adab kesufiannya ialah perkara ini tidak dilakukan melainkan dalam keadaan darurat. Pernah Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم mencagarkan perisainya kepada seorang Yahudi untuk membeli beberapa gantang gandum.

- **Menghindar Kehinaan**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah lari dari keadaan terhina dan dari menanggung kepedihan hidup dan pemulauan. Adab kesufiannya ialah perkara ini dilakukan untuk menjaga hati dari rosak dan mengelakkan permusuhan. Ulama sufi berkata : "Lari dari keadaan yang tak mampu ditanggung adalah dari sunnah para rasul." ALLAH Taala berfirman menceritakan tentang kekasihNya Al-Kalim Musa عليه السلام :

ففررت منكم لما خفتكم

Lalu aku lari meninggalkan kamu ketika aku takut kepadamu…
- Surah As-Syuara : 21

Imam As-Syafie berkata : "Orang yang paling menzalimi dirinya ialah orang yang merendah diri kepada siapa yang tidak memuliakannya, yang mengharapkan kasih-sayang dari siapa yang tak memberi manfaat padanya dan menerima pujian dari orang yang tak dikenali." Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

ليس للمؤمن أن يذل نفسه

Orang mukmin tidak patut menghinakan dirinya.

- **Bersenang Hati**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah bersenang hati dengan teman-teman dengan berkunjung ke rumah mereka walaupun tanpa dijemput datang. Adab kesufiannya ialah ini dilakukan kepada teman yang suka sahaja dan dia pandai pula memuliakan teman yang berkunjung dalam keadaan ini. Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pernah menuju ke rumah Saiyidina Abul Haitham At-Taiyihan رضي الله عنه bersama Baginda ada Saiydina Abu Bakar dan Umar رضي الله عنه Saiyidina Abul Haitham telah menghidangkan kepada tamu-tamunya apa yang ada di rumah ; susu dan tamar, mereka pun makan dan minum, kemudian Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

هذا من النعيم الذي تسألون عنه

Ini antara nikmat yang kamu akan ditanya mengenainya.

- **Menegur Kesalahan Kawan**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah saling menegur kesalahan dikalangan ikhwan. Adab kesufiannya ialah itu dilakukan dengan maksud untuk membaiki kesalahan ; bukan untuk marah-marah, sebaliknya untuk membersihkan hati dari perasaan iri dan dendam, mesti juga menerima alasan dari saudaranya itu. Dalam syair ada disebut :

اقبل معاذير من يأتيك معتذرا * إن بر عندك فيما قال أو فجرا
فقد أطاعك من يرضيك ظاهره * وقد أجلك من يعصيك مستترا

Terimalah alasan dari teman
yang datang memohon kemaafan
terimalah saja
walau baik atau buruk katanya
siapa yang zahirnya membuatmu senang
sesungguhnya dia telah mentaatimu
siapa yang takut bersalah di depanmu
sesungguhnya telah memuliakanmu

Pepatah sufi berkata : "Teguran yang zahir lebih baik dari dendam yang tersembunyi." Sidi Qanbar ; khadam Saiyidina Ali Bin Abi Thalib رضي الله عنه berkata : "Aku telah mengiringi Saiyidina Ali masuk berkunjung kepada Saiyidina Uthman yang waktu itu menjadi Amirul Mukminin, beliau nampaknya lebih suka bersunyi-sunyi berdua lalu Saiyidina Ali memberi isyarat supaya aku menyisih. Aku pun mengenepikan diri, maka Amirul Mukminin mula menegur Saiyidina Ali yang hanya menunduk kepala tidak berkata-kata. Amirul Mukminin bertanya : "Mengapa tuan tidak bercakap?" Jawab Saiyidina Ali : "Jika aku bicara kata-kataku hanya akan mengundang murkamu, sedang apa yang ada padaku hanyalah yang tuan sukai."

Dihikayatkan bahawa Sidi Yahya Bin Khalid menegur Sidi Abd. Malik Bin Soleh atas satu urusan mereka berdua. Maka berkatalah Sidi Yahya : "Sesunguhnya engkau pendendam," Sidi Abd. Malik menjawab : "Jika erti dendam padamu ialah berkekalan kebaikan dan kejahatan di dalam hati, maka sesungguhnya kedua perkara itu memang sabit padaku." Apabila kedua mereka sudah saling berdamai dan Sidi Abd. Malik pun beredar, berkatalah Sidi Yahya : "Inilah orang Quraish yang paling terhormat, belum pernah aku melihat seorang lelaki dapat menghias sifat dendam dengan perkataan sepertinya sehingga orang lain dapat memaafkan keburukannya."

- **Memuji Dan Mencela**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah memuji yang terpuji dan mencela yang tercela. Adapun peradaban sufinya ialah memelihara batas-batas kebenaran pada kedua belah pihak, tidak melampau mengikut nafsu dan bercakap dengan semaunya. Diriwayatkan bahawa ada dua orang lelaki dari kaum bangsawan Arab hadir berteman ke majlis Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم maka salah seorang dari mereka telah memuji temannya berlebih-lebihan, malangnya pujian yang berlebihan itu masih dianggap kurang oleh si teman menyebabkan pemuji sakit hati lalu mula pula menyebut-nyebut keburukannya. Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم mengingkari perbuatan itu, lalu si pemuji pun berkata : "Ya Rasulullah, jika pun hamba jujur pada ucapan pertama tiada pula berbohong pada ucapan kedua. Adapun insan itu tiada sunyi dari kepujian dan keburukan, yang suka tak melihat keburukan, yang benci tak memandang kebaikan." Mendengarkan katanya maka Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pun bersabda :

إن من البيان لسحرا

Sesungguhnya keindahan bahasa itu ibarat sihir yang mempersona.
- Riwayat Imam Ahmad

- **Pemulauan**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah memulaukan orang yang patut dipulaukan. Adab kesufiannya ialah ia dilakukan untuk menzahirkan kebenaran dan menghapus kebatilan dan melakukan permusuhan kerana ALLAH azza wa jalla. Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah memulaukan Saiyidina Ka'ab Bin Malik dan dua lagi sahabat kerana mereka tidak menyertai misi perang Tabuk, Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah mengarahkan para sahabat semuanya memulaukan mereka ; tidak boleh duduk semajlis dan tidak boleh berbual-bual.

حتى إذا ضاقت عليهم الأرض بما رحبت وضاقت عليهم أنفسهم

...hingga apabila bumi telah menjadi sempit bagi mereka, padahal bumi itu luas dan jiwa mereka pun telah sempit pula terasa oleh mereka… - Surah At-Taubah : 118

- **Mendedahkah Pendustaan Pemalsu**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah merobek *muraqqa'ah* para sufi palsu. Adab kesufiannya ialah ini dilakukan untuk membatalkan penyamaran sang pemalsu, untuk menghentikan pengkhianatan, tipu daya dan kesamarannya. ALLAH Taala berfirman :

ولا تتخذوا أيمانكم دخلا بينكم

Dan janganlah kamu jadikan sumpah-sumpahmu sebagai alat penipu di antaramu…
- Surah An-Nahl : 94

maksudnya ialah jangan kamu menjadikannya sebagai alat menipu daya dan menghelat. Perkara sufi palsu ibarat syair ciplakan, ibarat orang yang mereka-reka nasab mulia mendakwa diri kononnya dari keturunan Saiyidina Ali… perkara sebegini wajib diingkari, kebohongan nasabnya mesti dibongkar supaya orang yang tidak mengenali mereka tidak tertipu dengan dakwaan tersebut. Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah mengarahkan supaya diroboh masjid yang dibina oleh orang munafik kerana tujuan mudharat, kekufuran dan memecah-belah antara orang mukmin, bahkan Baginda memerintah supaya dibakar pula binaan tersebut kerana tahu tujuan sebenar mereka membangunnya walaupun pada zahirnya masjid. Firman ALLAH Taala :

لا تقم فيه أبدا لمسجد أسس على التقوى

Janganlah kamu solat dalam masjid itu selama-lamanya. Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar taqwa (Masjid Quba),...
- Surah At-Taubah : 108

Rasulullah juga telah mengarahkan supaya pohon tamar bani Nadhir ditebang lalu ALLAH Taala menurunkan wahyu :

ما قطعتم من لينة أو تركتموها قائمة على أصولها فبإذن الله وليخزي الفاسقين

Apa saja yang kamu tebang dari pohon tamar (milik orang-orang kafir) aau yang kamu biarkan (tumbuh) berdiri di atas pokoknya, maka (semua itu) adalah dengan izin ALLAH ; dan kerana Dia hendak memberikan kehinaan kepada orang fasik. - Surah Al-Hasyr : 4

- **Bohong Sunat**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah dibolehkan berbohong untuk suatu kebaikan. Adab kesufiannya ialah itu dilakukan untuk mendamaikan (pihak yang bertelagah) dan menzahirkan kebenaran. ALLAH Taala berfirman dalam kisah Nabi Ibrahim عليه السلام :

بل فعله كبيرهم هذا

(Ibrahim menjawab) : "Sebenarnya patung besar itulah yang melakukannya...
- Surah Al-Anbiya : 63

Dalam kisah Nabi Daud عليه السلام :

إن هذا أخي له تسعة وتسعون نعجة ولي نعجة واحدة

Sesungguhnya saudaraku ini memliki sembilan puluh sembilan kambing sedangkan aku hanya memiliki seekor sahaja... - Surah Shad : 23

Diriwayatkan bahawa Sidi Jaafar As-Sodiq berdebat dengan seorang *murji'ah*[1] di majlis Khalifah Abu Jaafar Al-Mansur. Sidi Jaafar berkata : "Sesungguhnya seorang murji'ah telah dibawa kepada Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم lalu Baginda memerintahkan dia dihukum bunuh!" Si *murji'ah* membantah : "Manakah gerangannya mazhab *murji'ah* di zaman Saiyidina Rasulullah SAW?!!" Maka jawab Sidi Jaafar : "Agama yang tiada di zaman Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم maka dari mana kau mendatangkannya?!!!" Si *murji'ah* bertanya : "Bagaimana engkau boleh berbohong atas nama Saiyidina Rasulullah sedangkan Baginda telah bersabda :

من كذب علي متعمدا فليتبوأ مقعده من النار

Barangsiapa berbohong atas namaku dengan sengaja
maka tempahlah duduknya dalam neraka.

Maka Sidi Jaafar pun berhujjah dengan kisah Nabi Ibrahim dan kisah Nabi Daud AS, maka dengan itu patahlah hujjah si *murji'ah*.

- **Menziarahi Orang-orang Tua**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah mengunjungi orang-orang tua. Adapun peradaban sufinya ialah ia dilakukan dengan maksud mendekatkan diri kepada ALLAH, berziarah kerana ALLAH serta minta berkat dan doa. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه berkata : "Marilah kita pergi mengunjungi Ummu Aiman sepertimana Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم pergi mengunjunginya."

- **Menghormati Ahli Dunia**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah sikap bersungguh-sungguh melayan ahli-ahli dunia, para pembesar dan raja-raja ; bangun menghormatkan mereka serta menyambut mereka dengan baik. Adapun peradaban sufinya ialah ini tidak dilakukan kerana tamakkan dunia yang ada pada mereka, juga bukan untuk mencari kedudukan di sisi mereka. Pernah Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم didatangi oleh para bangsawan Quraish lalu Baginda pun memuliakan mereka, memberi hormat dengan selayaknya serta duduk bersama mereka dengan baik. Baginda صلى الله عليه وسلم bersabda :

إذا أتاكم كريم قوم فأكرموه

Jika kamu didatangi oleh orang besar suatu kaum maka muliakanlah dia.

- **Sedih Dengan Musibah**

Diantara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah menangis waktu ditimpa musibah. Adab kesufiannya ialah tangisan itu tidak disertai oleh ratapan dan mengangkat suara Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم menangisi pemergian puteranya Ibrahim seraya bersabda :

العين تدمع والقلب يحزن، ولا نقول ما يسخط الرب وإنا بك يا إبراهيم لمحزونون

Sesunguhnya mata ini menangis dan hati ini merasa pilu, tapi kami tida akan berkata sesuatu yang mengudang kemurkaan Tuhan, dan sesungguhnya kami amat mendukai pemergianmu wahai Ibrahim. - Riwayat Muslim

[1] - Murji'ah ialah satu mazhab yang sesat aqidahnya apabila mereka beriktikad bahawa bila sudah beriman tidak ada mudharatnya melakukan maksiat sepertimana kebaikan itu tidak memberi manfaat kepada orang yang kufur aqidahnya.

- **Bergaul Dengan Anak Muda**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah bergaul dengan anak-anak muda. Adapun perdaban sufinya telah disenaraikan pada bab adab pergaulan.

- **Menzahirkan Kegembiraan Walau Hati Tidak Suka**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah menzahir kegembiraan bila bertemu dengan orang yang tidak disenangi hatinya. Adab kesufiannya ialah ini dilakukan dengan maksud menuntut keselamatan ; bukan untuk menunjuk-nunjuk dan tidak juga bersifat munafik. Saiyidatina Aisyah رضي الله عنه menceritakan : "Pernah ketika aku duduk bersama Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم ada seorang lelaki meminta izin masuk bertemu Baginda, maka Baginda pun berkata : "Lelaki ini adalah kerabat keluarga yang jahat," kemudian Nabi pun memberi izin, bila lelaki itu masuk Baginda bertutur dengan lembut kepadanya. Aku (Aisyah) merasa takjub. Bila dia sudah keluar aku pun bertanya Baginda tentang sikapnya tadi, maka jawab Baginda :

يا عائشة إن من شر الناس من يكرمه الناس اتقاء فحشه

Wahai Aisyah, sesungguhnya antara manusia jahat itu ialah mereka yang dimuliakan orang lain demi mengelak kejahatannya.

Imam As-Syafie رضي الله عنه bersyair :

إني أحيي عدوي عند رؤيته * لأدفع الشر عني بالتحيات
وأظهر البشر للإنسان أبغضه * لأنه قد حشا قلبي مودات
لما عفوت ولم أحقد على أحد * أرحت نفسي من هم العدوات

Musuh yang datang ku sambut hormat
demi menghindar kejahatannya
pada yang ku benci ku zahirkan gembira
kerna hatiku dipenuhi mesra
hati tak dendam, maaf ku hulurkan
jiwaku pun rehat dari permusuhan

- **Melayan Karenah Manusia Busuk**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah melayan karenah jijik dari manusia-manusia busuk mengikut taraf kedudukan dan kadar akal mereka. Adab kesufiannya ialah ini dilakukan dengan maksud menyelamatkan diri dari kejahatan mereka. Dalam hal ini ada syair berkata :

وأنزلني طول النوى دار غربة * إذا أنا لاقيت الذي لا أشاكله
فحامقته حتى يقال سجية * ولو كان ذا عقل لكنت أعاقله

Jauh perjalanan telah membuat aku terasing
yang kutemui hanya manusia dungu
terpaksalah aku membodohkan diri
maka dikata asalku bodoh
kalau memang dia berakal
dah tentu ku layan dengan akal

- **Berbuat Baik Kepada Orang Jahat**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah berbaik dengan orang jahat demi menjaga keselamatan dan menolak mudarat. Adab kesufiannya ialah ia dilakukan dengan maksud menjaga keselamatan diri dan air muka dari kejahatan mereka yang tidak sama watak. Sidi Al-Ahnaf Bin Qais berkata : "Muliakanlah orang-orang jahat dikalanganmu kerana sesunguhnya mereka menahan api dan malu dari sampai kepadamu." Sidi Ibnu Sirin[1] meriwayatkan : "Adalah

[1] - Muhammad Bin Sirin Al-Basri. Ulama generasi tabiin yang terkenal dengan tafsir mimpinya. Wafat tahun 110H.

Saiyidina Umar itu suka mengambil seorang jahat menjadi temannya supaya dia dapat menolak kejahatan si penjahat dari dirinya." Ahli sufi bermadah :

تعدو الذئاب على من لا كلاب له * ويتقى مربض المستأسد الحامي

Serigala takkan datang menyerang
orang yang ada memelihara anjing
sarang singa dapat dihindar
dengan halangan dari penjaga

- **Menyebut Keaiban Orang**

Di antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah boleh menyebut keaiban seseorang walaupun orang itu tak gembira mendengarnya. Adab kesufiannya ialah tidak boleh menyebut keaiban orang lain melainkan apa yang sudah termashur dari diri mereka supaya tidak membongkar suatu malu yang ditutup. Satu riwayat dari Saiyidatina Aisyah dan ayahndanya menyebut : Pernah satu ketika Saiyidatina Aisyah bersama Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم lalu masuklah Uyainah Bin Hashn dengan tanpa izin, maka Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pun bersabda : "Mana perginya adab meminta izin sebelum masuk?!" berkata Uyainah : "Aku tak pernah minta izin pada mana-mana lelaki keturunan Mudhar[1] sejak aku dewasa." Sesudah dia keluar aku (Aisyah) pun bertanya Baginda Nabi : "Siapakah gerangan lelaki itu?" Maka sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم : "Si bodoh yang ditaati!" Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

أمر المستشير في أمر المخاطبين، أما فلان فشحيح، وأما فلان فلا يضع عصاه عن عاتقه

Penasihat itu perkaranya pada perkara orang yang mahu dibualkan olehnya, adapun si anu itu bakhil, manakala si anu pula tak pernah mengalih tongkat dari bahunya (suka memukul isteri)."

Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم juga bersabda :

إن صفوان خبيث اللسان وطيب القلب

Sesungguhnya Sofwan itu jahat lidahnya, namun dia berhati mulia.

- **Memberi hadiah Kepada Penyair**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah memberi kurniaan kepada kaum penyair dan yang seumpamanya. Adab kesufiannya ialah ia dilakukan dengan maksud menjaga nama baik dari diburukkan oleh si penyair, menyelamatkan agama dari fitnahnya dan memberi apa yang dicita oleh si penyair atau sebahagian dari harapannya bagi mengelak dari jatuh berdosa kerana menghampakan harapan orang kepada kita. Sabda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم :

ما وقى الرجل به عرضه فهو صدقة

Apa yang dilakukan oleh seorang lelaki untuk memelihara maruah dirinya
dikira sedekah.

Diriwayatkan bahawa ada seorang penyair menghadiri majlis Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم lalu diapun mengucap puisi yang yang menyebut tentang pembahagian ghanimah perang Hunain, katanya :

أتجعل نهبي ونهب العبيــ * ــد بين عيينة والأقرع

Apakah Tuan meletakkan rampasanku
dan rampasan para sahaya
antara Uyainah dan Al-Aqra'?

Mendengarkan itu baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pun bersabda :

اقطعوا عني لسانه

[1] - Mudhar ialah nenda Baginda Nabi SAW yang ke 18.

Potonglah lidahnya dari menyebutku

Maka penyair itu pun dikurniakan lima ekor unta[1]. Diriwayakan lagi bahawa Ka'ab Bin Zuhir telah mengarang puisi mencerca Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم yang mana dengan itu Baginda telah menghalalkan darahnya, selepas itu Ka'ab datang menyerah diri masuk Islam dan memuji Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم dengan syairnya yang masyhur[2], ketika beliau menyebutkan bait :

أنبئت أن رسول الله أوعدني * والعفو عند رسول الله مأمول
Datanglah khabar padaku bahawa Rasulullah
mengancam nyawaku
namun ampunan Baginda itulah harapan

Mendengarkan bait itu Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pun mengurniakan kepadanya selendang Baginda, selendang itulah yang dibeli oleh Saiyidina Muawiyah dari beliau seterusnya dijadikan pakaian kebesaran para khalifah.

- **Merebut Hadiah**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah *nahbun nithaar*[3] (merebut hadiah). Adapun adab kesufiannya ialah menjauhi sikap tamak haloba dan dilakukan dengan maksud untuk menggembirakan si empunya pemberian. Saiyidina Muaz Bin Jabal رضي الله عنه meriwayatkan : "Aku pernah menyaksikan majlis pernikahan seorang lelaki Ansar bersama Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Baginda pun menyampaikan khutbah seterusnya mengaqad pengantin kemudian mengucap selamat kepadanya : "Semoga kamu suami isteri sentiasa dalam kemesraan, kebaikan dan keberuntungan. Wahai para sahabat! Pukullah rebana meraikan temanmu ini!". Maka berdatanganlah raga-raga yang penuh berisi buah-buahan dan gula-gula lalu ditaburkan kepada yang hadir tapi semua menahan diri dari merebutnya. Melihatkan itu Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda : "Amboi, alangkah serinya sifat kesopanan diri, tidak maukah kamu semua merebut hadiah?" Jawab para sahabat : "Ya Rasulullah, sesungguhnya Tuan pernah melarang kami dari merebut pada hari sekian," maka sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم : "Sesungguhnya yang aku larang ialah merebut harta rampasan perang, aku tak melarang kamu dari merebut hidangan..." kemudian Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda : "Maka sekarang berebutlah." Kata Saiyidina Muaz : "Demi sesungguhnya aku telah melihat Baginda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم saling tarik-menarik dengan dengan kami dalam pesta perebutan itu."

- **Menyebut Kelebihan Diri**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah membangga diri dan menzahirkan dakwa. Adabnya ialah ahli sufi melakukannya dengan maksud menzahirkan nikmat ALLAH keatas dirinya. Firman ALLAH Taala :

وأما بنعمة ربك فحدث
Dan terhadap nikmat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya…
- Surah Ad-Dhuha : 11

---

[1] - Dalam bait syair tadi si penyair sebenarnya berkias bahasa meminta kurnia daripada Nabi صلى الله عليه وسلم manakala ucapan Baginda pula adalah ungkapan simbolik masyarakat Arab di zaman itu yang memberi erti arahan untuk memberi hadiah penghargaan kepada seorang penyair.

[2] - Syair Saiyidina Ka'ab yang memuatkan pujian kepada Baginda Nabi SAW ini masyhur dengan nama Baanat Su'aad.

[3]- Dieja نهب النثار , ertinya merebut pemberian untuk hadirin yang dihambur ke atas pengantin seperti wang emas, perak, manisan dan lain-lain.

dan ini hanya berlaku waktu digagahi oleh *hal* (bukan sengaja) dan sebagai membalas kebanggaan lawan. Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

أنا سيد ولد آدم ولا فخر، وآدم ومن دونه تحت لوائي، لو كان موسى حيا لما وسعه إلا اتباعي

Akulah penghulu anak Adam dan ini tidak berbangga, adapun Adam dan siapa yang dibawahnya semuanya berada dibawah panji-panjiku, kalaulah Musa masih hidup tak dapat tiada mestilah dia mengikut aku. - Riwayat Ibnu Majah

Adapun Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم itu jika kembali kepada dirinya Baginda akan berkata :

أنا ابن امرأة كانت تأكل القديد، إنما أنا عبد، آكل كما يأكل العبد،
هون عليك فلست بملك، إنما أنا عبد

Aku adalah seorang anak dari wanita yang makan daging kering, sesungguhnya aku hanya sorang hamba, aku makan sepertimana seorang hamba makan, tenangkanlah dirimu, aku bukanlah seorang raja, demi sesungguhnya aku hanya seorang hamba.
- Riwayat Ibnu Majah

Dalam soal membalas kebanggaan lawan diriwayatkan bahawa sewaktu Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم didatangi oleh perutusan kaum Bani Tamim yang membawa pemidato dan penyair mereka untuk membangga-bangga kaum mereka didepan Baginda, Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم telah memanggil pemidatonya ; Saiyidina Tsabit Bin Qais yang telah menjawab pemidato mereka lalu mengalahkannya, Baginda Nabi memanggil pula penyairnya ; Saiyidina Hassan Bin Tsabit رضي الله عنه yang telah menjawab penyair mereka. Beliau menyebutkan dalam puisinya :

بني دارم لا تفخروا إن فخركم * يعود وبالا عند ذكر المكارم
هلبتم علينا تفخرون وأنتم * لنا خول من بين ظئر وخادم

Wahai anak Darim
tak payahlah kamu membangga peribadi
banggamu hanya menyusahkan diri
jika disebut peri kemuliaan
kamu datang membangga diri
sedangkan dulu
kamu adalah pengikut kami
kaum wanitamu sebagai penyusu
yang lelaki sebagai khadam

Maka Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم pun bersabda kepada mereka : "Wahai saudara keturunan Darim, sungguh tadi sebenarnya tak perlulah disebutkan kepadamu sesuatu yang kamu sangka orang lain sudah lupa." Adapun kata-kata Baginda ini lebih hebat pukulannya keatas perutusan Bani Tamim dari puisi Saiyidina Hassan. Mereka akhirnya bangun dalam keadaan tewas dan mendapat malu, kemudian mereka semua masuk Islam dan Nabi pun berbuat baik kepada mereka dan mengurniakan mereka persalinan.

- **Marah Dengan Penipuan**

Antara *rukhsah* kaum sufi lagi ialah marah dan meluat bila kedapatan berlakunya tipu helah dan perkara yang tak suka ditanggung baik dalam bentuk perbuatan maupun ucapan. Adab kesufiannya ialah menjauhi kata-kata kesat dan carut, menjaga batas kebenaran, marah dan meluat itu jangan melampau jadi zalim kerana sesungguhnya perasaan marah itu bila berkuasa ia akan mengalahkan kewarasan akal. Firman ALLAH Taala :

لا يحب الله الجهر بالسوء من القول إلا من ظلم

ALLAH tidak menyukai perkataan-perkataan buruk yang diucapkan terang-terangan kecuali oleh orang yang dianiaya. - Surah An-Nisa' : 148

Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

من استجهر مؤمنا فعليه وزره

Barangsiapa memaksa orang mukmin untuk berkata yang buruk maka dia sendirilah yang menanggung dosa perkataan itu.

Kata Imam As-Syafie RH : "Barangsiapa diundang kemarahannya tapi dia tidak marah maka dia adalah himar." Firman ALLAH Taala :

والذين إذا أصابهم البغي هم ينتصرون

Dan bagi orang-orang yang apabila diperlakukan zalim mereka membela diri. - Surah As-Syura : 39

Di dalam tafsir disebutkan maksud ayat ini ialah : mereka tidak suka dihinakan dan mereka apabila berkuasa untuk membalas mereka memaafkan saja. Firman ALLAH Taala lagi :

ولمن انتصر بعد ظلمه فأولئك ما عليهم من سبيل

Dan sesungguhnya bagi orang-orang yang membela diri sesudah teraniaya, tidak ada suatu dosa pun ke atas mereka. - Surah As-Syura : 41

Seorang sufi hendaklah benar-benar berusaha untuk tidak marah untuk diri sendiri, hendaklah marahnya itu kerana cemburu akan hak ALLAH Taala dan untuk ihkwan sufi. Diriwayatkan bahawa Baginda Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم itu tak pernah membalas kejahatan orang keatas dirinya melainkan kalau dilanggar larangan ALLAH nescaya Baginda pasti bertindak demi membela hak ALLAH Taala. Dikatakan kepada seorang hukama' : "Tuan ini sanggup diam atas hak diri sendiri tapi tidak diam ke atas hak kawan," beliau lalu berkata : "Diam keatas hak sendiri itu kesopanan, tapi jika aku mendiamkan hak kawan itu perangai keji."

___________ . ___________

[Pengarang kitab ini ;] Syeikhul Islam As-Syeikh Al-Imam Dhiya'uddin berkata : "Maka inilah yang hadhir padaku waktu ini tentang adab-adab kaum sufi dalam perkara *rukhsah* mereka ; aku telah menyenaraikannya secara ringkas, tidak membanyakkan pula. Dan aku berlepas diri kepada ALLAH Taala dari kegelinciran dan kesilapan, aku bermohon padaNya kemaafan dari itu semua. Dan tiadalah taufiq-ku melainkan dengan ALLAH, padaNya aku bertawakkal dan kepadaNya aku akan kembali.

Penutup

Sesudah itu adalah pada mazhab (kaum sufi) ini berbagai *ahwal*, tingkatan-tingkatan *maqam*, akhlak, segala macam *rukhsah* dan adab-adab yang banyak. Adapun *rukhsah* itu darjat yang terbawah, maka bagi yang berpegang dengan keseluruhan maka dia adalah dari golongan *muhaqqiqin* (sufi sejati), siapa yang berpegang dengan zahir akhlak dan adab-adab maka dia adalah dari golongan *mutarassimin* (menjalani peradaban sufi), siapa yang berpegang dengan *rukhsah* maka dia termasuk golongan yang jujur meniru-niru kaum sufi yang dimasukkan oleh Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم ke dalam golongan ini dengan sabda Baginda :

ومن تشبه بقوم فهو منهم، ومن كثر سواد قوم فهو منهم

Siapa yang menyerupai satu kaum maka dia termasuk dalam golongan mereka, siapa yang meramaikan satu kaum maka dia termasuk dalam golongan mereka.
- Al-Jami' As-Saghir

Ini jika dia melazimi tiga usul seperti yang disebut oleh para syeikh sufi, tiga usul itu ialah :

1- Menunaikan segala fardhu solat baik yang mudah maupun susah.
2- Menjauhi segala larangan baik yang kecil maupun besar.
3- Meninggalkan dunia untuk ahlinya baik yang sedikit maupun banyak melainkan apa yang diperlukan oleh seorang mukmin darinya ; itulah yang dikecualikan oleh Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم dalam sabda Baginda :

أربعة من الدنيا وليست منها ؛ كسرة تسد بها جوعتك، وخرقة تواري بها عورتك،
وبيت يكنك من القر والحر، وزوجة صالحة تسكن إليها

Empat perkara dari dunia tapi ia bukan dunia ; secebis makanan buat mengalas laparmu, secarik pakaian buat menutup auratmu, sebuah rumah buat melindungimu dari dingin dan panas dan seorang isteri solehah yang membahagiakan jiwamu.

Lebih dari empat perkara ini adalah dunia yang tidak berhak bagi seorang sufi ke atasnya.

Sidi Al-Junaid telah ditanyakan : "Apa katamu terhadap orang yang tinggal padanya hanyalah sekadar hisapan biji, apa untuk orang ini layak digelari tasawuf padanya?" Jawab Sidi Al-Junaid : "Adapun seorang *mukatib*[1] itu tetaplah sahaya walaupun hanya tinggal satu dirham dari tagihannya. Maka bagi yang masih tinggal padanya walaupun sedikit dari dunia sesungguhnya dia adalah dari kalangan mereka yang ditimpa kesusahan dalam mazhab sufi." Atas itulah maka seseorang itu harus bekerja keras dan tekun menuntut tambahan dan peningkatan diri hingga mencapai hal-hal yang tinggi dalam mazhab sufi supaya dapat menjadi dari golongan *muhaqqiqin*. Ulama sufi telah berkata : "Siapa yang berat menempuh kesusahan beratlah baginya mencapai *hal* ketinggian, siapa yang tidak mencapai ketinggian bukanlah dia kalangan *rijal*." Firman ALLAH Taala :

وألو استقاموا على الطريقة لأسقيناهم ماء غدقا

Dan bahawasanya jikalau mereka tetap berjalan lurus di atas jalan itu, pastilah kami akan memberi minum kepada mereka air yang segar. - Surah Al-Jin : 16

Siapa yang menjauhi usul (dasar) mazhab sufi atau sebahagian darinya, atau jatuh dari darjat *rukhsah* lalu meninggalkan adab-adab yang telah kami sebutkan dalam kitab ini sesungguhnya dia telah memisahkan dirinya dari mazhab sufi dan menjauhkan dirinya, maka

[1] - Seorang mukatib ialah hamba sahaya yang tertulis pada dirinya perjanjian dengan tuannya bahawa dia akan merdeka setelah membayar sekian jumlah wang atau setelah mengerjakan sekian pekerjaan.

haramlah ke atasnya dari pergaulan dan masa kesufian, dan lazimlah pula bagi jemaah sufi menjauhkan diri serta memulaukannya, lazimlah bagi jemaah sufi menjauhkannya dari mereka dan tidak memuliakannya. Mana-mana ahli sufi yang berbaik-baik dengan orang sebegini dalam apa hal sekalipun maka dia berkongsi keaiban dengannya, tidak ada alasan dalam soal ini kerana ALLAH Taala berfirman :

ومن يتولهم منكم فإنه منهم

Sesiapa diantaramu mengambil mereka menjadi pemimpin maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka… - Surah Al-Ma'idah : 51

Semoga ALLAH Taala memasukkan diriku dan kamu semua dari kalangan *siddiqin*, dan menyampaikan kita kepada golongan *mutahaqqiqin* dengan kurnia dan kemurahan rahmatNya. Semoga ALLAH memelihara kita dari segala jenis kejahatan yang zahir maupun yang tersembunyi. Semoga ALLAH memberi taufik kepada kita dalam menuntut redhaNya baik yang sembunyi maupun yang nyata. Semoga ALLAH memberi manfaat kepada kita semua dan kaum muslimin atas apa yang kita disatukan olehNya, dan persatuan ini janganlah hendaknya dijadikan keatas kita dan kepada yang memandangnya sebagai bala. Janganlah hendaknya ALLAH Taala menjadikan bahagian kita dari ilmu kesufian ini hanyalah pada menghimpun dan menghafaz tapi tidak diamalkan dan dituruti. Moga diperkenankanlah permintaan ini dengan kepemurahanNya dan keluasan rahmatNya ; sesungguhnya Dialah yang Maha Perkasa, Maha Memberi Taubat, Maha Dekat, Maha Mengabulkan, Maha Pemurah lagi Maha Mengurniakan."

Sudah tamatlah kitab yang penuh keberkatan ini dengan memuji-muji ALLAH dan pertolongan serta taufik dariNya. Segala puji hanyalah untuk ALLAH seterusnya selawat dan salam untuk junjungan Nabi terakhir, ahli keluarga dan para sahabat Baginda.
